

Laporan Persidangan

PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA MESYUARAT PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEDUABELAS

Hari : **27 April 2009 (Isnin)**
Tempat : **(Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang)**
Jam : **9.30 Pagi.**

HADIR

Speaker (Y.B. Tuan Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman)
Penasihat Undang-undang Negeri (Y.B. Puan Faiza bt. Zulkifli)
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Supiah bt. Md. Yusof)
Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) – Timbalan
Ketua Menteri II.

- “ Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)
- “ Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
- “ Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)
- “ Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)
- “ Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)
- “ Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)
- “ Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)
- “ Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fook)
- “ Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan Speaker
- “ Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)
- “ Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
- “ Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
- “ Permatang Pasir (Y.B. Tuan Mohd. Hamdan bin Abd Rahman)
- “ Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)
- “ Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
- “ Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
- “ Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
- “ Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
- “ Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)
- “ Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)
- “ Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
- “ Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)
- “ Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)
- “ Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)
- “ Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)

- “ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
- “ Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)
- “ Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
- “ Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
- “ Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)
- “ Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin)
- “ Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
- “ Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
- “ Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
- “ Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria)
- “ Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)

TURUT HADIR

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan mula bersidang semula pada jam 9.40 pagi.

Setiausaha:

Doa.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Dewan bersidang semula. Dipersilakan Ahli Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih dan selamat pagi Y.B. Tuan Speaker. Saya akan sambung menyentuh beberapa perkara lagi di bawah portfolio Kerajaan Tempatan sebelum memberi pengulasan tentang pengurusan lalu lintas. Y.B. Penaga ada membangkitkan sudah ada di Pulau Pinang pokok-pokok yang berusia 10 hingga 15 tahun untuk makluman Dewan yang mulia ini memang diubah tanam untuk projek penambah baikkan KOMTAR *Walk*. Di mana pokok-pokok yang asal tanam (*retransplanted*) dan menjelang habisnya projek nya ditanam semula KOMTAR *Walk*. Bagi kerajaan negeri garis panduan daripada PPKT penanaman panduan penanaman pokok teduhan daripada Landskap Negara yang diluluskan oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan. Garis Panduan ini menggalakkan lebih banyak pokok ditanam terutama di kawasan bandar yang di selenggara oleh MPPP dan MPSP. Semua tanah lapang yang sesuai seperti padang, tepi jalan.

Di samping itu, kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan dan agensi lain menanam 50,000 pokok setiap tahun untuk menghijaukan negeri. Sebenarnya pada tahun lepas, Negeri Pulau Pinang mendapat sijil penghargaan daripada Landskap Negara kerana berjaya menanam lebih 50,000 pokok setiap tahun. Saya rasa dalam lingkungan 70,000 pokok di Pulau Pinang ditanam pada tahun lepas. Jadi saya ingin meyakinkan Y.B. Penaga dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan negeri sentiasa memastikan Pulau Pinang terus menjadi sebuah negeri yang hijau Y.B. Seberang Jaya *landscaping* adalah amat selesa dan mungkin di Seberang Perai usaha akan diteruskan. Dan saya percaya dengan pemantauan oleh Y.B. Tanjung Bungah. Mengenai isu ini, saya rasa kerajaan negeri senantiasanya akan berusaha ke arah menjadikan Negeri Pulau Pinang akan menghijau.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Pohon penjelasan, Y.B. Tuan Speaker. Pulau Pinang asalnya pokok pinang tapi setakat ini sekarang ini anak-anak muda pun sekarang tidak kenal pokok pinang. Adakah kerajaan negeri sekarang bercadang hendak menanam pokok pinang di seluruh negeri?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih atas syor Y.B. Teluk Bahang. Saya rasa di samping menanam pokok pinang garis panduan PBT adalah supaya tanam pokok teduhan *to provide shade* dan dapatlah mengurangkan *temperature* di pusat-pusat bandar ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan. Mungkin Penaga dan Seberang Perai mungkin banyak pokok ditanam tapi bagi saya belum ada pokok ditanam di Balik Pulau malahan pokok yang saya tanam dibiarkan mati tanpa dijaga. Saya juga ada menyebut tentang projek *cherry blossom* yang ditanam di pekan. Saya rasa ianya diperkembangkan di kawasan-kawasan lain. Saya minta pokok-pokok yang ditanam di Balik Pulau dijaga dan yang belum ditanam lagi saya rasa perlu ditanam di Balik Pulau.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih, Y.B. Pulau Betong. Saya rasa antaranya pokok-pokok disyaratkan oleh PBT supaya ditanam semula apabila projek-projek pembangunan, pelebaran jalan-jalan di projek-projek perumahan. Ini pun sudah disyaratkan. Kerajaan negeri amat gembira sambutan yang terhadap rancangan untuk menanam pokok komkoma atau *cherry blossom* di negeri ini. Saya difahamkan Jabatan Perhutanan akan tanam 500 pokok ini di sekitar Bayan Mutiara dan mungkin program inilah boleh diperluaskan di tempat-tempat lain di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Masalah yang dihadapi sekarang ialah apabila sesuatu kawasan taman perumahan dimajukan, tanggungjawab diberikan kepada pemaju untuk landskap kawasan tersebut sebelum penyerahan kepada PBT dan sebagainya. Kadang-kadang pokok itu hidup segan mati tidak mahu dan kadang-kadang ditanam sebagai ala kadar, jadi saya berharap bahawa Ahli Padang Kota supaya PBT-PBT mengambil berat memastikan pemaju-pemaju swasta benar-benar mengutamakan *landscaping* tersebut. Kita menaik taraf sedikit. Memang elok bahu jalan dibubuh tar berwarna hitam tapi lebih elok jika ianya gunakan *pavement* yang cantik-cantik sikit supaya ianya memberikan kesejukan kepada rakyat dan pembayar cukai. Kawasan Taman Tuanku melalui Persiaran Tenggara di Seberang Jaya, kalau diberikan dengan *pavement* tar yang menarik di akan menjadi satu lagi kawasan *jogging track* kepada warga emas dan anak-anak muda.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih, Y.B. Tuan Speaker. *Green is a way forward*. Saya rasa konsep ini akan diberi tumpuan oleh kerajaan negeri dan berhubung dengan syarat-syarat penanaman pokok-pokok di setiap rancangan perumahan, saya mendapati PBT tertakluk kepada syarat-syarat apabila saya meneliti jawapan pada masa dahulu saya dapati di pulau cuma seribu lebih pokok sahaja ditanam

di projek-projek perumahan yang baru. Ini mungkin tertakluk kepada syarat-syarat yang sedia ada. Mungkin PBT dapat mengkaji bagaimana dapat membanyakkan lagi pokok-pokok. Di pusat bandar raya memang ada cadangan untuk menanam lebih banyak pokok tetapi pokok-pokok yang ada teduhan tetapi perlu mengambil alih tempat-tempat letak kereta di sebahagian jalan di sebelah jalan. Ini mungkin menimbulkan masalah dalam pelaksanaan tetapi kita sedia untuk mengkaji supaya ianya dapat dilaksanakan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan. Minta laluan. Saya ingin menarik perhatian Y.B. Teluk Bahang yang sebut, Pulau Pinang namanya pinang tetapi memang tak nampak pokok pinang. Pokok pinang sudah hilang, walau bagaimanapun jangan sedih sangatlah, kita ada satu pokok pinang kalau tak silap lebih kurang RM300,000.00 yang dibina dengan besi logam. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Y.B. Tuan Speaker, saya harap sebab saya sudah ambil masa yang agak panjang, dari minggu lepas hingga ke minggu ini, harap saya dapat menjawab dengan lebih cepat dan bagi sesiapa yang tidak dapat jawapan saya akan memastikan jawapan bertulis dapat dibekalkan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Cuma nak dapatkan pandangan daripada Y.B. berkenaan dengan landskap ini. Adakah rancangan kerajaan negeri untuk mempertingkatkan keceriaan landskap-landskap ini di sempadan-sempadan negeri. Perkara ini banyak kali saya timbul sehingga sekarang masih di kedudukan lama sebagai contoh di kawasan saya di Permatang Keling, Parit Buntar kawasan USM Bandar Baru. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih atas cadangan Y.B. Permatang Berangan. Jadi sempadan-sempadan negeri dengan lain-lain negeri pintu masuk ke negeri ini mungkin pihak agensi kerajaan bolehlah memberi perhatian untuk nampaknya ada perubahan sebaik sahaja masuk Negeri Pulau Pinang.

Bagi COB dan pelaksanaan OSC, kita sedar bahawa masalah kekurangan kakitangan sebab dua-dua unit ini diberikan, turun kuasa kepada PBT oleh Kerajaan Pusat di mana setakat ini kementerian cuma membayar emolumen dan juga *allowance* kepada KPKT dan kita berharap PBT juga diberi kuasa dan juga peruntukan untuk melantik pegawai-pegawai di bahagian COB dan OSC ini supaya dapatlah yang terbaik kepada *state holders* yang terlibat. Berkenaan soalan yang dibangkitkan oleh Padang Lalang mengenai rumah *low cost* yang dimajukan oleh Aseania. Sukacita dimaklumkan Pelan Kebenaran Merancang yang diluluskan pada tahun 1995 kepada Tetuan Aseania di Bandar PERDA mensyaratkan sebanyak 2,000 unit rumah *low cost* jenis rumah pangsa. Kesemua rumah tersebut telah siap dibina sepenuhnya dan telah diduduki dengan melibatkan sejumlah 20 blok setinggi 5 tingkat setiap blok. Y.B. Seberang Jaya menanya apakah polisi-polisi baru yang diperkenalkan oleh PBT,

sukacitanya dimaklumkan antara beberapa garis panduan dan polisi baru adalah seperti garis panduan perancangan pembinaan stesen minyak, pemansuhan garis panduan penambahan bilangan tingkat bagi rumah teres dan berkembar setingkat di kawasan zon perancangan kawasan perumahan tetap, garis panduan bangunan bagi pemajuan yang berhadapan dengan jalan dan anjakan bangunan tinggi. Kedua-dua PBT di Negeri Pulau Pinang mengkaji semula garis panduan peraturan dan undang-undang supaya selaras dengan keadaan dan masa. Input diberi oleh PBT dalam peraturan baru oleh kementerian supaya diputuskan oleh Majlis Negara Kerajaan Tempatan untuk diguna pakai. Garis panduan yang baru adalah berhubung dengan sidai kain di bangunan bertingkat, garis panduan papan iklan luar, *green canopy* di Bandar. di antara polisi yang diperkenalkan oleh PBT di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah b. Haji Omar Shah):

Pendek sahaja. Adakah garis panduan tambahan semasa kelulusan pelan bangunan termasuk kita dibandingkan Bandaraya Kuala Lumpur diberikan satu syarat bangunan tinggi bagaimanapun dia kena guna *piece roof* menunjukkan identiti Malaysia dan sebagainya ataupun penggunaan *casement window* dan sebagainya. Walaupun kecil-kecil tapi ianya akan memberikan tambahan kepada warisan dan kebudayaan dan identiti negara kita dan juga negeri.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Saya rasa selain reka bentuk yang tepat menggambarkan tradisi budaya di Malaysia saya rasa isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Kebun Bunga pun amat penting iaitu mengguna pakai konsep hijau mereka bentuk bangunan-bangunan sememangnya perkara ini mula diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat. Baru-baru ini ada satu seminar berhubung dengan reka bentuk bangunan-bangunan cahaya yang dibenarkan masuk, penggunaan tenaga solar dan sebagainya perlulah menjadi arah tuju yang baru kepada negara Malaysia. Y.B. Pulau Betong membangkitkan dua, tiga isu tempatan berhubung dengan pasar awam Balik Pulau. Saya mengaku ada kelemahan dari segi pemantauan jawapan yang sudah diberikan. Tetapi tidak ada tindakan. Misalnya papan tanda ditinjau oleh Jabatan Pelesenan tetapi ianya seharusnya tidak diambil oleh Jabatan Bangunan dan saya memastikan PBT akan sentiasa memantau apakah jawapan yang diberikan di dalam Dewan ini dapat dipantau dan dilaksanakan seperti yang diumumkan. Y.B. ADUN KOMTAR bangkit isu atendan letak kereta yang haram di beberapa kawasan di Pulau Pinang ini.

Sukacita dimaklumkan di bawah MPPP perintah tempat letak kereta sistem meter dan bertiket dikuatkuasakan di pulau ini. Kedua-dua perintah ini dibuat di bawah Bahagian 3 Akta Pengangkutan Jalan yang menetapkan bahawa seksyen 72 ini diguna pakai, isu berkaitan dengan kawalan atendan letak kereta haram. Walau bagaimanapun tidak diperuntukkan di dalam seksyen ini, oleh itu ianya tidak menjadi satu kesalahan di bawah kedua-dua perintah berkenaan. Ini bermakna Pegawai Penguatkuasaan tidak boleh mengambil tindakan terhadap atendan letak kereta haram. Isu penangkapan mereka oleh Pegawai Penguatkuasaan PBT tidak berbangkit dan sepatutnya ianya di bawah tindakan Seksyen 50(3) Akta ini dan pihak Polis perlulah mengambil tindakan yang sewajarnya.

ADUN Paya Terubong membangkitkan.....(gangguan).

Ahli Kawasan KOMTAR (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Minta penjelasan. Berkenaan dengan jawapan yang diberikan oleh Y.B. Padang Kota bahawa tiada tindakan boleh diambil oleh MPPP terhadap atendan letak kereta yang haram. Jadi adakah ini bermaksud bahawa MPPP tidak perlu mengambil sebarang tindakan untuk mengatasi masalah ini. Di mana pihak Polis selalunya berkata bahawa ini sememangnya tanggungjawab bagi PBT untuk mengambil tindakan ke atas atendan letak kereta haram. Mengapa polis berpandangan sedemikian, polis yang juga mentakrif undang-undang, mereka berpandangan bahawa MPPP boleh mengambil tindakan tetapi pada MPPP mereka tidak berpandangan sedemikian. Sekian.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Pendirian MPPP adalah berdasarkan 2 Seksyen yang saya sebutkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan yang sememangnya tidak memberi kuasa kepada MPPP untuk mengambil tindakan sedemikian. Kalau ianya diambil pun mungkin tindakan pegawai MPPP akan disifatkan sebagai melakukan *wrongful arrest* atau *force imprisonment*, itulah pertimbangan yang haruslah diberi oleh pihak PBT, tetapi untuk mencari penyelesaian, MPPP sekarang sedang menimbang, menukar, sistem ataupun perintah letak kereta di mana sistem kupon mungkin diguna pakai supaya mengelak ataupun menyedarkan pengguna-pengguna terhadap tidak perlunya membayar kepada pihak yang tidak patut mengutip yuran-yuran letak kereta. Tetapi kajian ini masih dijalankan oleh pihak USM atas permintaan MPPP supaya melihat apakah sistem yang baik sekalilah untuk dilaksanakan dalam sistem pengurusan letak kereta di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Minta penjelasan, saya amat hairan jikalau keadaan ini dibiarkan begitu sahaja dan tidak diambil tindakan, maka ini akan memberi satu mesej kepada semua atendan letak kereta dan mereka boleh terus bermaharajalela tanpa diambil tindakan. Keadaan ini semakin serius terutamanya di kawasan George Town. Jadi saya berhadap satu tindakan dapat diambil dan bukan sahaja menunggu tanpa mengambil apa-apa tindakan sebelum sistem ini dapat dirombak. Mungkin satu cadangan supaya pihak penguat kuasa dapat mengambil tindakan melakukan penangkapan secara *ceaseless arrest* terhadap atendan-atendan tempat letak kereta yang haram.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Salah laku ini tidak dapat diklasifikasikan sebagai *ceaseble offence*, jadi kita sebagai agensi penguatkuasaan haruslah berpandu kepada apakah sebenarnya kuasa yang diberikan kepada agensi oleh Akta melainkan Akta itu dipindah. Kita perlu melihat hakikatnya kuasa tidak diperturunkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi saya rasa MPPP pun ada mengambil inisiatif misalnya di Persiaran Gurney di mana masalah kutipan oleh atendan yang tidak sah ini berleluasa pada masa lepas. MPPP sudah menghentikan kontraktor yang diberi tugas untuk kutip dan melantik pekerja-pekerja sendiri untuk

melakukan kerja-kerja mengutip yuran meletak kereta ini dengan harapan pemantauan dapat dilakukan secara lebih berkesan oleh MPPP. Dan perlanjutan masa di Persiaran Gurney sehingga 12.00 tengah malam ini. Ini adalah satu mesej perlu ditegaskan bahawa pengguna-pengguna atau pemilik-pemilik kenderaan tidak perlu layan kepada pihak yang tidak berhak untuk kutip yuran-yuran letak kereta. Itulah mesej yang ingin kita tegaskan dan dari segi tindakan-tindakan terhadap atendan yang haram ini memang dilakukan oleh MPPP bersama pihak polis tetapi tidak dapat dilakukan di sepanjang masa dan juga atendan- atendan yang haram pun ada cara-cara mereka untuk mengelakkan tindakan daripada pihak berkuasa.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Reveentharan a/l V. Subramaniam):

Minta penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat, bolehkah menjelaskan bagaimana pihak polis telah membantu pihak MPPP dalam menangani masalah *operator car park* haram ini.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Operator *carpark* haram ada beberapa maksudlah mungkin dalam apa yang kita bincang adalah atendan yang di tepi-tepi jalan bukan di tanah-tanah persendirian, ini dua perkara yang berbeza. Saya rasa pihak polis menganggap perkara ini terlalu kecil bagi mereka untuk mengambil tindakan yang berterusan. Mereka pun menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan tumpuan diberi kepada kes-kes jenayah yang lebih berat. Harap dengan selesainya kajian oleh USM ini satu sistem pungutan kutipan yuran letak kereta dapat disempurnakan untuk menangani isu ini.

ADUN Paya Terubong membangkitkan isu pasar awam di Paya Terubong. Adalah dimaklumkan kerajaan negeri tidak mempunyai tanah yang sesuai bagi tujuan membina sebuah pasar awam di Paya Terubong. Walau bagaimanapun kerajaan negeri akan sedia membantu MPPP yang bertanggungjawab menyediakan pasar awam tersebut.

Yang Berhormat Pinang Tunggal membangkitkan isu pembaikan Padang Kota akibat daripada acara *King Of Tennis* dibatalkan. Adalah dimaklumkan bahawa MPPP telah menawar kerja membaik pulih Padang Kota Lama kepada Tetuan Mutiara Alam Enterprise berharga RM52,930.00 dan kos ini dibiayai oleh MPPP dan dituntut balik daripada penganjur King Of Tennis iaitu Adriana Events Management.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Bilakah Ariana ini membayar balik wang berkenaan? Tadi dinyatakan sebanyak RM52,930.00 untuk nilai baik pulih balik dan kata wang ini dituntut oleh syarikat penganjur iaitu Adriana. Bilakah Adriana ini telah membayar balik wang berkenaan?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Dari maklumat, belum, sebab MPPP sedang selain daripada kos untuk baik pulih ada kos-kos yang lain yang ingin dituntut oleh MPPP daripada

penganjur dan mereka sedang mengakses jumlah yang perlu dibayar oleh penganjur ini dan akan disusuli oleh tuntutan *Notice Of Demand* dan sekiranya gagal untuk mematuhi tindakan-tindakan seterusnya akan diambil.

ADUN Datok Keramat membangkitkan ada beberapa bangunan kerajaan yang dibina tanpa pelan bangunan dan kebenaran merancang. Mengikut rekod MPPP ada sebanyak 14 bangunan kebanyakannya dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat antaranya adalah untuk tujuan pendidikan iaitu sekolah-sekolah, balai bomba, balai polis, mahkamah syariah. Di MPSP pula daripada 1990 ada 4 bangunan yang dibina tanpa pelan kebenaran merancang seperti Mahkamah Syariah Kepala Batas, Bangunan Persekutuan Bertam, Mahkamah Butterworth dan Hospital Seberang Jaya. Perkara ini berlaku sebab pada masa dahulu ianya dianggap tidak perlu sebab melibatkan Kerajaan Persekutuan dan projek-projek kerajaan, tetapi PBT-PBT membuat aduan sebab kalau bangunan-bangunan dibina tanpa merujuk kepada PBT isu pemantauan menjadi satu isu. Ekoran itu Kerajaan Pusat sudah mengeluarkan arahan kepada PBT bahawa memastikan semua kerja-kerja ini walaupun membabitkan Kerajaan Pusat, kerajaan negeri dan agensi-agensi diperlukan untuk menyerahkan permohonan untuk mendapat kebenaran merancang dan juga pelan bangunan. Pada masa ini memang ada projek-projek yang sedang dijalankan dan notis telah dikeluarkan kepada empunya projek ataupun konsultan mereka supaya memaklumkan kerja mereka tidak boleh dijalankan tanpa kelulusan PBT.

ADUN Sungai Pinang membangkitkan tentang isu papan tanda pelbagai bahasa. Dimaklumkan 86 batang jalan di kawasan Tapak Warisan UNESCO dikenal pasti untuk dipasang papan tanda nama jalan pelbagai bahasa. Fasal 1 telah dimulakan sejak 21 November 2008. 78 buah papan tanda akan dipasang untuk 19 batang jalan. Setakat ini, 68 buah papan tanda telah siap dipasang dan 10 lagi akan dipasang sebelum 30 April, ini. Perbelanjaan sebanyak RM12,000.00 diperlukan untuk Fasal 1. Fasal 2 yang melibatkan 30 batang jalan dan 100 buah papan tanda nama jalan. Kerja pemasangan akan dimulakan pada 1 Mei, tahun ini dianggarkan mengambil perbelanjaan sebanyak RM15,000 dan kerja-kerja pemasangan dijangka siap dalam tempoh 2 bulan.

Bagi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang juga membangkitkan isu-isu berhubung dengan isu di kawasan, sukacita dimaklumkan sebahagian besar pun sudah pun dijawab secara bertulis.

Y.B. Tuan Speaker, tentang pengurusan lalu lintas beberapa isu yang dibangkitkan di dalam Dewan ini adalah berhubung dengan isu seperti dasar Negara yang menggalakkan pemilikan kenderaan peribadi, sistem pengangkutan dan jalan raya, kekurangan sebuah pelan induk pengangkutan, pengurusan sistem trafik negeri, had-had institusi terhadap pemajuan sistem pengangkutan negeri, pelaburan negeri yang terhad untuk memajukan sistem pengangkutan awam. Sehubungan ini, strategi yang boleh dipilih oleh kerajaan negeri adalah mengujudkan pelan induk pengangkutan negeri. Sebenarnya syor ini dikemukakan oleh pelbagai pihak termasuk kajian ini dilakukan supaya dapat memantau pelaksanaan projek-projek pengangkutan dan juga menambahbaikkan pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang ini.

Kerajaan negeri sedang berusaha untuk komisen Pelan Induk Pengangkutan ini dan adalah harapan dengan adanya kajian ini dilakukan kita

dapat melihat semula tentang kajian-kajian sebelum ini yang dilakukan seperti kajian JICA, Halcrow Fox, kajian oleh Perunding Trafik Klasik, kajian oleh EPU dan sebagainya supaya kita dapatlah memastikan apakah sebenarnya yang perlu dilakukan di Negeri Pulau Pinang ini untuk menangani isu-isu berhubung dengan kesesakan lalu lintas dan juga penyediaan infrastruktur pengangkutan dan keduanya kita juga bercadang untuk mengadakan satu Majlis Pengangkutan Negeri atau pun Penang Transport Council di mana tugas majlis ini adalah untuk merancang, melaksana serta mengurus isu-isu berhubung dengan pengangkutan dan pengangkutan awam di Negeri Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan, sekarang ini kadang-kadang kita menghadapi masalah di kawasan-kawasan tertentu. Kesesakan lalu lintas berlaku secara berkala. Apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan negeri supaya kawasan-kawasan tertentu, katalah kita keluar daripada bangunan Dewan Undangan Negeri hendak pergi ke Jambatan Pulau Pinang kita akan berlaku kesesakan dekat feri dan sebagainya. Adakah ianya akan dilakukan sebagai pada waktu tertentu jalan 3, 4 hala dan kemudian terbalik atau *intelligence traffic control system* dan sebagainya. Perkara kedua saya takut terlupa dan mungkin tidak berpeluang bercakap ialah berkenaan dengan janji untuk mengumumkan YDP MPPP akhirnya memanglah ada pengumuman dibuat tetapi ianya sebagai pemangku sahaja. Adakah masalah untuk kekal terus sebagai YDP MPPP, kenapakah harus diadakan sebagai pemangku?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Encik Tan Cheng Chui dilantik sebagai YDP Penuh. Syor Yang Berhormat akan dipertimbangkan(tepuan). Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mungkin dapat ditangani melalui *localized traffic management plan* yang menjadi satu perkara yang diberi perhatian oleh Majlis Perbandaran dan baru-baru ini kerajaan negeri pun menyambut baik cadangan Kerajaan Pusat untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) di mana Menteri Pengangkutan pernah menyatakan bahawa pada masa ini isu pengangkutan dan pengangkutan awam dijaga oleh 9 kementerian dan 14 agensi kerajaan. Ini memang menyulitkan Kerajaan dalam mewujudkan pengangkutan dan pengangkutan awam di Malaysia ini dan mengikut cadangan-cadangan awal kita mendapati Kerajaan Pusat bercadang mengambil alih beberapa kuasa yang sebenarnya diletak di Kerajaan Pusat melalui *Town and Country Planning Act*. Ini memang pada pandangan kerajaan negeri kita menghadapi dalam pengurusan lalu lintas dan pengangkutan seolah-olahnya kuasa yang ada pada kerajaan negeri adalah amat terhad. Tidak ada kuasa atas pelesenan, tidak ada kuasa atas penguatkuasaan dan sebagainya. Jadi kita amat berharap dengan tertubuhnya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat oleh Kerajaan Pusat ini yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri ini. Pihak kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan akan sekurang-kurangnya dari segi penguatkuasaan dari segi undang-undang berhubung dengan pengurusan lalu lintas dan pengangkutan di negeri kita sebab tanpa kuasa yang diperturunkan seperti apa yang dijelaskan tadi di bawah Akta Pengangkutan Jalan memang PBT dan kerajaan negeri ada kuasa yang terhad jadi saya berharap Kerajaan Pusat akan *engage* lah Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam penggubalan

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ini supaya kita dapat memberi input-input yang bersesuaian supaya dapatlah selepas SPAD ini kita dapat kuasa-kuasa yang tertentu untuk memastikan pengurusan lalu lintas dan isu pengangkutan ini dapat di tangani dengan *efficient* dan cekap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Tuan Timbalan Speaker, penjelasan. Terima kasih Ahli Yang Berhormat, kawan lama saya ini dari Padang Kota. Tadi saya dengar dengan teliti penerangan oleh pihak Yang Berhormat tentang masalah lalu lintas di Pulau Pinang ini kononnya tidak ada kuasa, kuasa dipegang oleh Kerajaan Pusat dan sebagainya. Ini *typical answer*, jawapan yang tidak selalu kita terimalah. Jadi tidak payah tunggu itu buat apa yang boleh dulu, buat apa yang kita boleh buat dulu contohnya sekarang ini kita dapati *Bus Central Area Transit* ini bagus, popular bas percuma, sekarang ada 3 buah bas, bagus dan dimulakan oleh kerajaan dulu. Sekarang sudah nampak popular, adakah kerajaan negeri bercadang untuk hendak perkembangan bas percuma ini untuk seluruh bandar dulu, kemudian lepas itu ke daerah-daerah kampung-kampung dan sebagainya. Ini yang kita hendak dengar, rakyat hendak dengar. Kita tidak mahu dengar alasan tidak ada kuasa dan sebagainya, ini biasa kita dengarlah.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Tidak ada kuasa, tidak ada kuasalah, bukan boleh buat apa-apa yang disukai oleh kerajaan negeri. Kita pun mahu kuasa untuk isu *licence control taxi* punya permit, isu bas kepada Rapid Penang dan sebagainya tetapi tidak ada kuasa hendak kawal teksi di Pulau Pinang bagaimana memastikan Sistem Pajak dihapuskan. Ini kuasa terletak di agensi-agensi Persekutuan. Bukan kita tidak mahu buat tetapi kita sebagai pemudah cara lah supaya walau pun kita kadangkala perlu diugut oleh pihak-pihak berkenaan, kita pun sabar untuk menghadapinya supaya perkhidmatan pengangkutan awam tidak terjejas oleh tindakan-tindakan yang mungkin tidak waraslah.

Yang Berhormat Penaga ada menimbulkan apakah hendak menghapuskan tempat letak kereta di pinggir jalan. Sebenarnya jalan-jalan utama di Pulau ini pun dibebaskan daripada *road side parking* misalnya di Jalan Kelawai, Jalan Sultan Ahmad Shah, Light Street dan banyak batang jalan sudah pun tidak ada *road side parking*. Ini adalah untuk memastikan *load caring capacity* jalan-jalan utama ini tidak dikurangkan kerana ada *road side parking*, tetapi kerajaan negeri tidak berhasrat 100% mansuhkan *road side parking* di mana-mana sahaja. Apa yang dilihat adalah supaya di jalan-jalan utama koridor-koridor yang utama ianya dapat dibebaskan dan dipindahkan untuk di jalan-jalan *secondary* sekunder dan juga membuka menggalakkan tuan punya tanah yang masih tidak ada rancangan pembangunan untuk dijadikan *parking* supaya rancangan untuk membiaskan koridor utama daripada *road side parking* dapat dicapai. Sebenarnya MPPP pun sedar dan mengambil pelbagai usaha misalnya membina tempat letak kereta bertingkat di Hutton Lane, di Union Street dan baru-baru ini, projek yang baru di Lebu Victoria dan Lebu Pantai di mana 201 petak letak kereta akan disediakan. Tetapi saya rasa kita harus berpandangan jauh sedikit kalau kita ingin melihat atau dapat mem *promote public transportation over private transportation* dasar-dasar berhubung dengan tempat

letak kereta ini perlulah juga dilihat secara holistik. Berhubung dengan Rapid Penang saya rasa....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, tadi Yang Berhormat Padang Kota mengatakan bahawa kerajaan negeri tidak berhasrat untuk menjadikan 100% *parking* di pinggir-pinggir jalan itu. Bolehkah dinyatakan di manakah walaupun tidak 100% jalan-jalan manakah yang difikirkan atau dirancang untuk dimansuhkan kebenaran meletak kereta di pinggir-pinggir jalan? Mungkin ada 2, 3, 4 jalan-jalan manakah kalau kita tengok Jalan Macalister, Beach Street itu memang sesak.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Tumpuan adalah terhadap koridor-koridor yang masuk dan keluar ke pusat bandar raya mungkin sebahagian jalan-jalan sebahagian boleh ditimbangkan untuk memansuhkan *parking* di tepi jalan di Macalister Road mungkin sekarang ada dua belah dibenarkan untuk letak kereta sama ada cuma sebahagian dibenarkan. Itulah perlulah dikaji, di bawah *localized Traffic Management* dan juga di samping itu apakah *one way system* atau *loop system* dapat dilaksanakan serentak dengan usaha ini. Jadi kita perlu melihat kepada secara satu pakej keseluruhan dan bukan secara berasingan untuk mencapai keberkesannya yang terbaik sekalilah.

Bagi menjawab isu berhubung dengan Rapid Penang sukacita dimaklumkan, kerajaan negeri tidak menghadapi atau sedia membantu untuk menyediakan kemudahan bagi tambahan bas-bas yang akan dibawa masuk oleh Rapid Penang. Penyediaan kemudahan ini adalah tanggung jawab bersama Rapid Penang dan Prasarana Negara serta dengan mudah cara oleh kerajaan negeri dan juga PBT. Rapid Penang berterusan atau pun, syarikat Prasarana bercadang membina *sub-depot* di Pengkalan Weld, memperluaskan *sub-depot* di tapak pesta Sungai Nibong di samping menaik taraf depot *ub-depot* yang sedia ada di Lorong Kulit dan Tanjong Bungah. Adalah dimaklumkan bahawa rundingan masih berjalan di antara Rapid, Syarikat Prasarana dan pihak kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Minta laluan, Yang Berhormat Ahli Padang Kota, saya hendak tanya pada pendapat kerajaan negeri adakah Rapid Penang adalah satu kejayaan atau dia masih perlu dimajukan lebih lagi kerana saya nampak walaupun banyak bas diperkenalkan tetapi saya *observe-observe* sikit, setiap kali dia *load factor* nya tidak begitu penuh dan adakah ini disebabkan sikap penduduk Pulau Pinang yang kurang digalakkan untuk berjalan dan menggunakan *public transportation* dan apakah cara-cara kerajaan negeri untuk mempromosikan Rapid Penang?

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Load factor adalah bergantung kepada masa sepanjang hari misalnya masa di mana perkhidmatan diperlukan untuk pergi pejabat *Load* akan bertambah dan mungkin menyebabkan tidak cukup bas pada masa itu tetapi

bagi jam *off peak hours* kalau lihat bas-bas di jalan raya ini mungkin tidak sampai 50% *load* nya. Ini adalah tertakluk kepada tempoh masa yang berkenaan dan ini melibatkan pengurusan trip ini dengan berkesan untuk *forecast load-load* yang diperlukan bagi setiap tempoh hari berkenaan dan untuk menjawab ADUN Pengkalan Kota untuk membaik infrastruktur dan menaik taraf perkhidmatan untuk golongan OKU. Tidak dinafikan bahawa selepas Rapid Penang masuk untuk memberi perkhidmatan bas awam adalah bertambah baik dan dengan tanpanya lebih 200 buah bas secara berperingkat-peringkat ia dijangka akan dapat memperluaskan perkhidmatannya ke lebih banyak laluan dan juga kekerapannya pun dapat diperbaiki. Kerajaan negeri menyediakan peruntukan setiap tahun peruntuk untuk memperbaiki infrastruktur dan taraf perkhidmatan golongan OKU dan kita difahamkan bahawa bas-bas baru oleh Rapid juga dipastikan OKU *compliance* dan kita berharap perkara ini dapat diambil berat. Selain itu UNPE telah buat satu kajian mengenai penyediaan infrastruktur dan kemudahan OKU. Laporan kajian tersebut akan dibentangkan pada bulan Mei ini dan akan melibatkan *stake holders-stake holders* yang berkenaan. Selepas mendapat maklum balas daripada pihak ini, satu *transport improvements masterplan* berhubung dengan *facilitate* OKU ini dapatlah dibentangkan. Bagaimana bas percuma ini, mengapa tidak diperluaskan, juga dibangkitkan oleh Pulau Betong dan juga tadi oleh Telok Bahang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman) :

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, saya tertarik hati berkenaan dengan masalah yang diucapkan oleh Y.B. Padang Kota mengenai bas Rapid Penang ini. Dan tertarik hati dengan juga masalah orang-orang kurang upaya melalui bas ini tetapi Padang Kota tidak menyebut pun dalam ucapannya so, mengenai dengan *disable friendly* yang akan di *equip* kan di bas Rapid Penang ini, jadi saya nak tahu apakah ini, dia kata Jun, daripada kenyataan Y.B. Padang Kota dia katakan bulan Jun akan dihantar 200 bas dan akan di *equip* kan dengan bercirikan, apakah ini satu benda yang boleh jadi kenyataan atau pun hanya baru dalam proses. Sebab Padang Kota menyatakan Jun 2009 katanya seolah-olah satu tarikh yang sudah tepat.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Memang mulai Jun secara berperingkat-peringkat 200 bas tambahan yang dipastikan OKU *compliance* sudah pun yang ditetapkan oleh Rapid Penang di mana maksudnya ketinggian bas direka bentuk supaya memudahkan akses bagi golongan OKU yang menggunakan kerusi roda. Tetapi masalah satu lagi walaupun bas-bas itu OKU *compliance* tetapi bas *shuttle* yang ada sekarang masih belum dapat di OKU *compliance* kan dan itu satu perkara yang perlu di usaha secara berperingkat-peringkat mulai koridor-koridor utama sebab ini membabitkan beberapa ratus perhentian bas dan ada ikatan perjanjian dengan syarikat-syarikat swasta yang membina *shelter* bas itu pada masa-masa lampau yang mengikat usaha ini. Kebanyakan *shelter* ini ada perjanjian dengan syarikat swasta yang membina dan mendapat hasil daripada iklan. Jadi ini pun perlu ditangani oleh pihak majlis. Sememangnya kerajaan negeri ada mohon kepada RAPID untuk membekalkan 3 bas lagi untuk perkhidmatan bas percuma dan kalau di dapati berkesan, ianya akan diperluaskan untuk tujuan utamanya

mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat-pusat bandar ini. Di Nibong Tebal ada kesesakan oleh kerana adanya Rapid, adalah dimaklumkan setakat ini MPSP tidak ada cadangan untuk membina terminal bas tetapi syarikat pasardana negara berhasrat untuk membina sebuah depot bas di atas Lot 5707 Nibong Tebal bagi bas Rapid Penang. Perbincangan masih diadakan namun sehingga ini permohonan rasmi masih belum lagi dapat diterima. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker kerana membenarkan saya membuat jawapan atas isu-isu kerajaan tempatan dan juga pengurusan lalu lintas. Bagi soalan-soalan yang tak dapat dijawab sama ada ianya sudah pun dijawab melalui jawapan bertulis, kita akan, saya rasa pegawai-pegawai sudah mencatat segala butiran yang dikemukakan, kita akan ambil tindakan susulan. Terima kasih.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker:

Boleh bagi laluan tak kepada soalan yang akhir sekali.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Terima kasih Y.B. Tuan Timbalan Speaker, terima kasih Y.B. Padang Kota. Saya nak tanya sikit kerana ada satu soalan saya tidak dijawab. Di sini saya ingin berkongsi sedikit maklumat atau konteks dalam satu pernyataan tentang prinsip *precautionary approach*(dengan izin) ke atas polisi WiFi percuma untuk semua di Negeri Pulau Pinang, dalam Dewan yang mulia ini untuk membela hak public health(dengan izin) dalam isu radiasi gelombang radio ENF oleh WiFi, WiMax, Mobile Phone dan juga memantau polisi yang baik dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang supaya mempertingkatkan kesedaran rakyat terhadap kebebasan maklumat. Menurut pernyataan prinsip *precautionary* ini oleh *Win-spread* 1998 dengan ringkas bahawa satu ukuran *precautionary*(dengan izin) harus diambilkan walaupun sebarang punca atau kesannya belum dapat dibuktikan dengan cara saintifik bila sesuatu aktiviti akan membangkitkan ancaman buruk ke atas kesihatan manusia atau alam sekitar.

Jadi dengan aspek ini pihak yang mengadakan aktiviti itu tetapi bukan orang awam, atau *public* yang harus menanggung beban membuktikan *at the burden approve*(dengan izin). Jadi pelaksana proses *precautionary* harus dibuat secara terbuka, terumum dan berdemokrasi dan mesti berkait dengan parti yang terpengaruh. Ini pun kena meliputi kesemua alternatif dalam satu pengajian termasuk kalau tak ada jawapan. Prinsip ini bertujuan untuk membela *public* keseluruhannya kerana tiada seorang umat harus di jadi *gimmipick*(dengan izin) dalam sesuatu risiko. Itu memandangkan *tobacco* atau asbestos hanya dapat dibuktikan berbahaya kepada manusia setelah makan masa 50 tahun yang ada panjangnya. Sama juga dalam setiap pilihan raya umum dahulu pengundi-pengundi juga memakan masa 4 / 50 tahun, baru sedar bahawa pentadbiran polisi oleh Barisan Nasional tidak memanfaatkan rakyat dan ini dapatkan angin perubahan pada 08 Mac 2008. Jadi jikalau garis panduan mengenai *antenna telco* dianggap sebagai satu pelan bangunan, ia tidak perlu mendapat kebenaran permohonan merancang bermakna tidak perlu beri notis dan dapat kesan atau persetujuan dari jiran berdekatan maka ia akan menjejaskan hak *public health*, maka saya fikir hak orang ramai mesti dibela. Maka ia perlu mendapat kebenaran permohonan merancang dan notis diberi kepada jiran untuk mendapat *consent*(dengan izin) dan jarak *antenna telco* di bina, di sini

saya nak tegas sekali lagi, juga harus tidak lebih kurang daripada 300 meter, 300 meter dari kawasan berpopulasi banyak orang ramai.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Penggubalan garis panduan berhubung dengan struktur pemancar telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang adalah berpandu kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang juga melibatkan input daripada M.C. M.C. dan Kementerian Kesihatan. Perkara yang dibangkitkan oleh Y.B. juga merupakan perkara yang dibangkit oleh EMF Alliance adalah diberi perhatian oleh daripada *task force* yang dibentuk untuk mengkaji garis panduan ini dan pihak kerajaan tempatan sedang menunggu siapnya garis panduan ini. Dan Unit Kerajaan Tempatan akan meneliti dan mengamalkan sikap yang bertanggungjawab atas isu-isu yang dibangkitkan. Sekian.

Y.B. Tuan Timbalan Speaker

Terima kasih kepada Ahli Y.B. dari Padang Kota. Dipersilakan Ahli Y.B. dari Perai.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya untuk memberi ucapan penggulungan perbahasan ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua dalam sidang pertama Dewan Undangan Negeri dalam tahun 2009 di Dewan Yang Mulia ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada TYT Tun di atas pelantikan semula sebagai Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan mengalu-alukan semula kepimpinan terhadap pentadbiran Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, dalam sidang pertama ini ada pelbagai soalan, perkara dan komen yang berkaitan dengan bidang-bidang di portfolio saya yang dibangkitkan oleh beberapa pihak. Seperti pemberhentian kerja, perancangan ekonomi negeri, kemiskinan tegar, kecekapan pentadbiran kerajaan negeri dan lain-lain.

Y.B. Timbalan Tuan Speaker, saya akan sentuh beberapa perkara yang telah dibangkitkan dan antara lain adalah perhubungan antara kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat dengan kakitangan kerajaan negeri. Saya mahu tegaskan di Dewan Yang Mulia ini saya rasa hubungan antara kerajaan Pakatan Rakyat dengan kakitangan, dengan pegawai-pegawai kerajaan negeri sudah bertambah baik di dalam satu tahun. Memang pada awalnya ada syak wasangka, ini satu kebiasaan apabila kerajaan Pakatan Rakyat ini mengambil kuasa di Negeri Pulau Pinang. Dan saya rasa dalam setahun ini saya rasa hubungan ini sudah di pulih ataupun bertambah baik dan isu-isu yang telah dibangkitkan misalnya Y.B. Penaga bahawa pertelingkahan ataupun perhubungan yang tidak baik antara kerajaan negeri dengan pegawai-pegawai kerajaan Pulau Pinang ini, mungkin ada beberapa implikasi. Mungkin juga timbul isu boikot bahawa kalau kepimpinan negeri ini tidak mengambil satu sikap yang baik yang segar maka ini akan menimbulkan pelbagai masalah. Saya rasa isu ini, boikot ini tak langsung timbul, tak ada sebenarnya, tiada asas sebab apa yang saya katakan bahawa hubungan ini bertambah baik sekarang. Dan saya

rasa apa yang perlu ditegaskan ialah asalkan pegawai-pegawai kerajaan negeri ini menjalankan tugas mereka masing-masing dari segi keadilan, mengikut peraturan, mengikut prinsip-prinsip pentadbiran saya rasa kita tak ada masalah. Baru-baru ini pelantikan Dato' Zainal Rahim sebagai SUK adalah contoh di mana hubungan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat, saya rasa proses ini telah dijalankan begitu licin sekali, tak ada masalah. Dan ini mungkin juga antara kerajaan Pakatan Rakyat dengan pemimpin-pemimpin pembangkang. Saya bagi contoh semalam, saya telah merasmikan satu program di Seberang Jaya yang dijalankan dan saya rasa penutupan ini akan dilakukan oleh Y.B. Seberang Jaya. Asalkan program ini akan berfaedah kepada rakyat, saya tak ada masalah, sebenarnya saya puji Ahli Kawasan Seberang Jaya semalam, saya rasa Ahli Sungai Dua ini ambil perhatian. Ambil perhatian, *you* cakap-cakap saja, ini di buat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta Penjelasan. Tadi Y.B. dari Perai ada menyatakan bahawa di peringkat awal setahun ada rasa curiga-mencurigai antara pentadbiran dengan pegawai-pegawai kerajaan. Adakah kerana curiga itu menyebabkan kerajaan negeri membuat keputusan tidak melantik pegawai-pegawai daerah sebagai ahli majlis di Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ambil perhatian, jangan bercakap-cakap saja. Ini dia buat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak mengapa, minta penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tadi Y.B. Perai ada menyatakan bahawa di peringkat awal setahun, ada rasa curiga mencurigai antara pentadbiran dengan pegawai-pegawai kerajaan. Adakah kerana curiga itu, menyebabkan kerajaan negeri buat keputusan tidak melantik pegawai-pegawai daerah sebagai Ahli Majlis di Perbandaran Seberang Perai dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan ini Y.B. Penaga telah, isu ini adalah perkara mikro saya. Saya sebenarnya lihat daripada sudut mikro. Hubungan ini, bukan isu perkara-perkara yang tertentu tapi walau pun saya tidak tolak itu tapi selepas *March age* 50 tahun Barisan Nasional memerintah dan saya rasa pegawai-pegawai kerajaan di bawah mereka rasa ini memang jadi satu institusi tidak boleh bayangkan bahawa kerajaan 50 tahun boleh runtuh. Boleh jatuh. Ini yang jadi masalah. Masalah minda bahawa mereka sudah biasa dengan UMNO, MIC, Gerakan. Saya rasa,

saya tidak boleh salahkan mereka juga. Apabila kerajaan Pakatan Rakyat ini naik dengan ideologi yang berbeza, asas politik yang berbeza, mereka pun rasa macam dalam satu situasi tidak tahu bagaimana akan mengeratkan hubungan antara pihak pemimpin Pakatan Rakyat dengan kerajaan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Perai tadi ada menyebut tentang sama-sama berada dalam majlis. Yang Berhormat buat pembukaan, saya buat penutupan tapi sedar Yang Berhormat sebenarnya untuk pertubuhan itu Northern Indian Corridor, saya sebagai seorang Melayu, *I am the founder of Northern Indian Corridor* satu pertubuhan India. Nombor dua, dalam program tersebut mereka tunggu tandatangan pun tidak siap lagi di situ dan mereka minta RM20,000.00 daripada Yang Berhormat. Harap-harap menyokong mereka.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Itu perkara lain. Lagi satu kita boleh bincang Y.B. Seberang Jaya. Ini satu contoh di mana kita tidak, ini bukan menjalankan tugas-tugas kerajaan bukan *zero some gain*. Jadi, Y.B. Sungai Dua ini pandai menyalahkan semua. Semuanya di pandang sebagai sudut negatif saja. Ambillah iktibar daripada rakan.

Tadi, isu pelantikan SUK Dato' Zainal ini, itu isu pelantikan yang saya rasa menunjukkan perhubungan yang baik antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri. Cuma lagi satu contoh bahawa apabila kita menghadiri Parlimen. Dalam Parlimen ini memang hangat seperti di sini mungkin lebih hangat di sana tapi apa yang saya rasa, luar biasa adalah selepas kita keluar daripada sidang, kita boleh berdialog dengan menteri-menteri seperti mana yang telah dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Kadang-kadang saya jumpa menteri. Macam mana dengan Pulau Pinang? Boleh tapi berdasarkan kepada prinsip bahawa kita tidak mahu jadi 'kau tau' kepada kerajaan Barisan Nasional seperti masuk pintu belakang dan sebagainya. Tidak payah bagi contoh.

Isu tindakan tatatertib yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Datuk Keramat. Saya rasa ini merupakan satu cita rasa isu pun tidak timbul. Isu pun sesuatu yang melulu, maka ini tidak timbul isu tatatertib asalkan pegawai-pegawainya menjalankan kerja mereka dengan baik saja *so no need for that*. Maka gambaran yang terdapat sekarang kalau banding dengan satu tahun dahulu, mereka pun tahu apa Pakatan Rakyat ini. Pakatan Rakyat ini bukan sempurna dalam semua. Tidak, kita pun manusia juga tapi mungkin lebih baik daripada dulu. Ini sudah terima.

Y.B. Tuan Speaker, pemberhentian pekerja di Pulau Pinang satu isu hangat yang tidak diangkakan yang telah berlaku mungkin boleh berlaku tapi isu ini macam yang telah di timbul oleh Telok Bahang. Dia fokuskan kepada statistik, dia orang matematik, Yang Berhormat, selalu dia fokus kepada isu ini data statistik. Saya rasa isu statistik ini biasa timbul di mana-mana. Kalau kita memastikan sesuatu itu berlaku tidak berlaku cuma kita bergantung kepada statistik. *Now*, dalam hal pemberhentian pekerja, statistik ini kita peroleh daripada Jabatan Tenaga Kerja. Bukan kita tidak mahu peroleh daripada sumber-sumber lain. Isunya mana yang rasmi so kalau kita ada pelbagai persoalan, kita rasa pertikaian terhadap statistik-statistik tetapi kita mesti pertama dulu menerima statistik daripada Jabatan Tenaga Kerja. Kemudian kita akan lihat sama ada ia betul atau tidak. Kalau kita tidak terima rasmi bagaimana maka kita akan menghadapi jalan buntu dalam perkara itu. Maka saya menerima.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Timbalan Ketua Menteri. Memang kita berasal apa-apa pun pada awalnya kita berdasarkan kepada perangkaan statistik jumlah berapa dan sebagainya yang rasmi tapi keadaan kita di Pulau Pinang ini saya lihat, mana yang rasmi mungkin kilang-kilang besar akan buat laporan tetapi kilang kecil yang ISME yang kecil-kecil ini dia berhenti kerja begitu saja tanpa ada laporan apa-apa, yang ini yang saya kata tadi. Mungkin gambaran itu tidak begitu tepat apabila kita ambil cuma statistik saja kena ambil juga *under ground and find out*(dengan izin). Seperti juga macam EXCO Pelancongan sebut ada 6.2 *million* pelancong yang datang ke Pulau Pinang tapi kalau kita pergi bersembang. Sekarang ini saya balik naik teksi, Yang Berhormat, dulu *driver* tunggu, sekarang naik teksi, pembangkang naik teksi. Jadi, bila bersembang dengan teksi *driver* dia kata Dato', kami sekarang susah, pelancong ramai tidak datang. Jadi, ini bertentangan dengan apa Yang Berhormat lapor. Ini contoh berdasarkan statistik dan cara kita mengambil statistik pun kena tahu juga. Adakah kita berdasarkan dari segi pelancongan *bad nice*? Kita hendak tahu berapa sebenarnya yang didaftar di Pulau Pinang, yang didaftar masuk, didaftar di hotel. Berapa ramai? Adakah diambil kira hanya pelancong yang datang balik, datang balik? Itu jadi kita hendak tahu sebenar. Jadi, gambaran yang ditunjukkan saya bercakap dengan Y.B. Timbalan Ketua Menteri. Kadang-kadang apabila kita sebut perangkaan menggambarkan *this is social ground* ini yang saya bimbang, Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Batu Lintang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Penjelasan. Y.B. Telok Bahang seperti minggu lalu saya telah jawab bahawa angka statistik ini adalah diperoleh daripada Kementerian Pelancongan yang berpandukan kepada hotel *guest* iaitu saya boleh berikan statistik yang lebih lanjut di sini kemudian. Di mana Pulau Pinang dapat 6.3 juta berbanding dengan 2007 di mana hanya 5.1 juta. Jadi pertambahan dengan 21 peratus, ini adalah angka untuk 2008. Mungkin tahun ini kita boleh dapat 6.3 kita belum tahu lagi tetapi dalam bulan Januari hingga bulan April memang ramai pelancong juga datang untuk mendiami, menduduki di tepi pantai hotel dan juga di bandar raya tapi kita jangka akan turun untuk bulan Mei dan Jun dan kemudian dia akan melonjak lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Sedarkah Ahli Perai bahawa terdapat 94 pekerja tempatan diberhentikan kerja pada 28 Februari atas alasan perniagaan yang kurang memberangsangkan? Selepas 18 hari kemudian, 14 pekerja Nepal diambil bekerja. Ini berlaku di kawasan Yang Berhormat sendiri. Jadi, apakah tindakan diambil berkenaan perkara ini dan ianya melebihi daripada apa yang ada dalam statistik?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Pertama, saya akan bagi sedikit penjelasan tentang statistik dan kemudian saya akan beralih kepada soalan Y.B. Seberang Jaya. Kita terima statistik rasmi dan kemudian kita memperbaiki itu memang satu proses yang biasa dilakukan. Saya rasa tidak tolak soalan tadi itu memang kita sentiasa memperbaiki statistik supaya kita mahu memperkukuhkan hujah-hujah kita dan juga memberi satu kepercayaan kepada rakyat mengenai pemberhentian pekerja dan saya rasa melalui Jawatankuasa Sumber Manusia yang kita lantik. Mereka buat secara sukarela tidak dibayar apa-apa. Mereka mengadakan hubungan dengan majikan-majikan. Kemudian dengan Jabatan Tenaga Kerja dan juga persatuan supaya membekalkan maklumat-maklumat terkini, di mana ini dilaporkan dalam EXCO tiap-tiap minggu tentang keadaan pekerja di Pulau Pinang. Maka Jabatan Sumber Manusia merupakan satu panel penasihat kepada saya untuk melihat situasi pekerja di Pulau Pinang. Ini merupakan walaupun kita ada MMK Sumber Manusia yang bertemu mungkin dua bulan, tiga bulan sekali tapi ini akan mengadakan pengawasan dan pengamatan tentang situasi pekerja hari-hari.

Balik kepada soalan tadi, Y.B. Seberang Jaya isu pengambilan pekerja. Ini satu maklumat yang saya tidak tahu. Kalau Yang Berhormat boleh bekalkan maklumat ini sebab nasihat kita kepada majikan ialah dalam situasi ini, jangan ambil pekerja luar. Jangan ambil pekerja asing. Pada masa ini di mana kita kurangkan pekerja asing. Di Pulau Pinang 23 peratus adalah pekerja asing maka dalam situasi ini yang tidak menentu sekarang ini kita mengurangkan pekerja asing walau pun mungkin ada pihak yang akan lihat satu yang tiada perikemanusiaan tetapi memandangkan bahawa kita menyelamatkan peluang kepada pekerja-pekerja tempatan, ini memang harus diambil. Oleh yang demikian, ada banyak syarikat yang masih menggunakan pekerja asing. Saya sudah bincang dengan pegawai jabatan tenaga buat pengamatan supaya kalau majikan ini enggan bekerjasama, bagilah amaran kepada mereka supaya jangan ambil pekerja asing terutama pada masa kini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya rasa Y.B. Perai daripada Perai ambil tindakan sebab ada ura-ura dia hendak ambil 100 lagi pekerja asing dan ianya adalah lanjutan daripada satu *press conference* yang diadakan di nombor 12, tingkat 7, Taman Inderawasih, kawasan Yang Berhormat sendiri.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya akan teruskan dengan penggulangan saya. Isu perancangan ekonomi perancangan strategik dan sebagainya yang telah dibangkitkan oleh Y.B. Penaga, Y.B. Bayan Lepas, Y.B. Telok Ayer Tawar bahawa kerajaan negeri ini tidak mempunyai satu perancangan yang kukuh untuk menghadapi krisis ekonomi. Memang ini satu kritikan saya terhadap kerajaan pusat awal-awal ini. Mereka tidak ada satu perancangan untuk menghadapi krisis ekonomi ini. Saya rasa, saya memang pandangan saya ialah bukan kita tidak ada perancangan. Perancangan ini telah bukan satu yang sempurna sekali bermaknanya ada pelbagai faktor yang perlu kita mengambil kira. Walau bagaimanapun, saya rasa untuk menghadapi krisis ekonomi ini saya rasa yang melanda dunia ini. Kerajaan negeri ini telah membuat beberapa ini saya ingat saya telah terangkan dalam jawapan lisan dan jawapan bertulis bahawa satu ialah penubuhan Jawatankuasa Sumber Manusia kemudian penubuhan CAT di bawah investPenang, kemudian dialog yang kita adakan antara *trypietack* dialog antara MTUC majikan dengan kerajaan negeri yang sering kita adakan supaya dapat satu gambaran terkini kedudukan pekerja. Memang ini langkah-langkah sama ada ini dalam perancangan atau tidak itu saya rasa boleh jadi subjektif.

Saya rasa tidak benar katakan bahawa kita tidak ada perancangan. Perancangan langkah jangka panjang adalah misalnya bagaimana kita akan menarik pelabur-pelabur asing ke Pulau Pinang. Kemudian kita ini buat kerja infrastruktur dan pelbagai yang kita ambil untuk memperkukuhkan ekonomi di Pulau Pinang tapi ekonomi di Pulau Pinang ialah satu yang ada kaitan begitu rapat dengan ekonomi seluruh Malaysia dan juga ekonomi dunia. Jadi, maka kita memperbaiki, saya rasa sekarang ini mungkin sedikit stabil bukan saya katakan bahawa pemberhentian pekerja ini sudah tidak ada lagi. Memang ada tapi dalam dua bulan ini saya tidak dapat apa-apa statistik. Kalau ada statistik saya minta kerjasama semua pihak supaya bekalkan statistik supaya kita jadikan di mana Pulau Pinang saya rasa krisisnya lebih baik daripada negeri-negeri lain tapi memang ada statistik untuk menunjukkan bahawa kalau ada pemberhentian pekerja memang amat kurang kalau kita bandingkan dengan Perak, Selangor, Kedah dan sebagainya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Penjelasan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman):

Penjelasan. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, dan terima kasih Y.B. Perai. Saya ada membuat persoalan telah dijawab oleh Y.B. Perai dengan begitu panjang lebar, cumanya saya hendak bertanya. Sekarang ini kerajaan ada menyediakan RM10 juta untuk menghadapi mengurangkan kesan sosioekonomi dalam Negeri Pulau Pinang dengan menyediakan, pertamanya, penempatan

pekerjaan sementara dan Penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang. Ke dua? Adakah ini dua yang berlainan? Saya rasa adalah satu langkah yang positif bagi kerajaan negeri mewujudkan satu pusat latihan di Pulau Pinang ini apabila berlaku *rescission* pembuangan pekerja banyak untuk melatih pekerja-pekerja inilah dalam satu pusat latihan yang berpusat di Komtar. Soalan saya setakat inilah. Apakah sambutan yang diberikan oleh rakyat terhadap penubuhan pusat latihan ini dan sudah tentu apabila kerajaan negeri membuat satu pusat sebegini rupa sudah tentu kerajaan negeri ada melihat ke depan, ada melihat lebih jauh, jadi apakah rancangan kerajaan negeri selepas daripada mereka ini diberikan satu latihan, diberikan satu kursus atau latihan. Apakah yang hendak dibuat selepas ini kepada mereka-mereka ini? Apakah satu jaminan yang kerajaan negeri dapatlah sama ada dari sektor kilang daripada yang boleh menempatkan mereka ini kepada pekerjaan kembali? Sekian.

Y.B Tuan Speaker:

Y.B. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd. Hamdan bin Abd Rahman):

Saya rasa ini soalan baik. Tentang masa depan situasi pekerja di Pulau Pinang kenapa ia dilakukan oleh kerajaan negeri. Saya rasa seperti mana yang dijawab dalam soalan lisan, soalan bertulis memang ada beberapa perancangan jangka pendek dan jangka panjang. Tapi jangka panjang adalah bagaimana kita akan memperkukuhkan aspek-aspek sosial ekonomi di Pulau Pinang. Kalau kita fokuskan kepada jangka pendek itulah penubuhan jawatankuasa sumber manusia apabila kita fokuskan kepada latihan semula kepada pekerja-pekerja yang telah dibuang kerja ini, saya rasa sambutan ini tak begitu memuaskan. Kita ambil kes ini, kita ada peluang pekerja mungkin sudah sampai 3000 tapi yang daftar ini lebih kurang 1000 tapi di sini timbul isu juga isu statistik ini berapa yang jadi yang telah menganggur di Pulau Pinang itu merupakan satu *setting figure* sebab ada yang didaftar sebagai penganggur mungkin mereka dapat kerja mereka tidak dilaporkan. Kemudian mereka yang menerima VSS, VSS ini tidak boleh digolongkan di bawah kategori pemberhentian pekerja itu sudah lain dibuat sukarela so jadi isu latihan pekerja ini satu yang perbincangan mengenai latihan pekerjaan adalah satu isu yang kompleks yang kabur sekali apa latihan yang kita bagi kepada pekerja, apa itu latihan sebenarnya dan latihan pun ada beberapa kategori yang begitu mudah sekali bagaimana dia akan cara-cara mengambil *phone*, jawab panggilan telefon dan sebagainya. Ini paling mudah peringkat kecil sebabkan ini satu perkara kita adakan perbincangan ini *empty you see* ini latihan semula ini sangat kabur *what is the meaning of* latihan semula memang walaupun kita ada beberapa institusi, swasta yang buat latihan semula dan mereka apa ni akan dapatkan pampasan daripada kerajaan pusat kemudian VICC mungkin juga satu bahagian yang memberi latihan semula so ini apa yang perlu kita fikirkan kita dan mungkin saya sendiri RTM institusi kita buat buat dialog di mana kita bincang semula apa itu latihan sebab kita rasa kira *take it for granted*, latihan semula bagus untuk pekerja tapi apa benda ini latihan semula apa ke perincian mengenai latihan semula, inilah perkara-perkara yang harus kita fikirkan dan kemudian kita laksanakan so maka saya tidak ada satu jawapan tetap inilah latihan semula dan kalau begitu mungkin saya berbohong. Kita boleh benar-benar disiplin ini bukan perkara yang kita sangkaan dalam 1 2 hari dan

inilah di mana saya mahu bincang dengan jawatankuasa bahagian sumber manusia, MMK sumber manusia kemudian kita panggil MUTC, panggil majikan supaya kita buat satu seminar, persidangan ataupun bengkel mengenai isu latihan semula. Apakah sebenarnya *take it for granted*...(dengan izin).

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat di sini saya ingin membuat satu pengumuman iaitu bagi sesi pagi ini kita tidak akan rehat untuk minuman minum teh tetapi minuman memang ada disediakan itu saja. Sekian. Ahli Kawasan Perai sila teruskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Tuan Speaker, lagi satu perkara yang saya maksudkan ini bukan dibawa portfolio saya tapi dibawa portfolio Y.B. Sungai Puyu tapi sini saya tak mahu sentuh perkara-perkara yang *emperor* iaitu perkara-perkara konkrit cuma dari segi faham tentang kemiskinan tegar tapi di Malaysia ini malangnya ada 2 kategori saja bagaimana kita memahami kemiskinan tegar dan kemiskinan relatif. Tapi ikut apa itu rancangan Malaysia ini kemiskinan tegar boleh dihapuskan kemiskinan *relative* tidak boleh dihapuskan boleh mengurangkan tapi perbincangan di Pulau Pinang ini adalah kemiskinan tegar *hardcore probity absolute for duty* so apabila kerajaan membuat satu pengumuman bahawa kita telah menghapuskan kemiskinan tegar, ini merupakan ia merujuk kepada 728 isi rumah saja. Ini bukan satu yang sempurna tapi bukan dikatakan dia hapuskan kemiskinan tegar dia cuma dia rujuk 728 isi rumah itu maksudnya. Tapi apabila kita melaporkan kita tidak katakan bahawa kita sudah menghapuskan kemiskinan di Pulau Pinang sebab kemiskinan relatif adalah berterusan kerana ini tidak boleh dihapuskan cuma jurang antara kaya yang ada yang tidak ada boleh dikurangkan. Kalau kita nampak negeri-negeri lain, isu kemiskinan ini, konsep kemiskinan ini ada satu yang lebih *detail* dalam kemiskinan relatif ada jenis-jenis kemiskinan. Kemiskinan tegar ada jenis-jenis oleh kerana ini merupakan kelemahan EPU mengenai soal kemiskinan sebab konsep kemiskinan memang mundur lagi dan ya...(gangguan).

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Minta penjelasan. Nampaknya ahli Perai ini bercakap macam dalam *lecture room* pula. Memanglah kita memang sokong, saya tak kata sebelah ini kita tak kata kita bantah usaha kerajaan negeri untuk menyelesaikan miskin tegar tapi bila kerajaan negeri *claim* buat kenyataan bahawa kemiskinan tegar di Pulau Pinang selesai, ini yang kita protes, tak selesai lagi banyak lagi yang sebenarnya maksud saya belum selesai miskin tegar saya ada 176 keluarga di kawasan kita, di kawasan Balik Pulau belum selesai dah memang kita dah cuba dulu sedaya upaya memang ada yang berjaya, yang saya sebut baru ini dalam ucapan yang dah berjaya ada *hand phone*, ada telefon, ada astro duk di rumah dan sebagainya. Itu dah berjaya tapi ada lagi yang tidak berjaya belum dihapuskan, jadi kita tidak boleh buat *statement* begitu kena *check* betul-betul and then saya kata please ini sebenarnya kerjasama saya kira *even* penghapusan miskin tegar yang Ketua Menteri bercakap ini sebenarnya atas usaha kerajaan pusat juga. Dia tak boleh *claim* ini urusan kerajaan negeri saja,

ini jika dengan pertolongan bantuan kerajaan pusat, kerajaan negeri hanya bagi tambah sedikit saja RM100, RM100 selesai *that not fair...*(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, boleh minta laluan. Sepanjang perbahasan yang diadakan hari Khamis hari itu kita cukup jelas bahawa fokus kita ialah miskin tegar, kami tidak pun menyebut tentang kemiskinan Y.B. kata tadi, kategori ada 2, kalau boleh ditambah satu lagi pun boleh miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Mudah kalau boleh ditakrifkan begitu fokus kita hari itu 728 keluarga ini yang disebut oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kita berbahas banyak hari itu, saya hari itu menggunakan *figure* 494 daripada e-kasih tentang miskin atau miskin tegar kita tak sebut pun Y.B. tak payah cerita tentang miskin atau miskin tegar. Memang fokus kita miskin tegar jumlah *figure* itu dan saya sebut juga *very flute* saya guna istilah itu...(dengan izin), ia ini boleh berubah daripada miskin kepada miskin tegar dalam sekelip mata, tidak ada kita nak bercakap tentang miskin relatif dan sebagainya fokus kita ialah miskin tegar yang itu kita telah bahaskan saya tak tahu ahli Y.B. Perai membangkitkan ini lagi ya, miskin tegar itu yang kita cakapkan sebabnya kerajaan negeri mengatakan miskin tegar dah selesai di Pulau Pinang, itu yang dipersoalkan. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Penaga. Tak, kerajaan negeri tidak mengatakan bahawa ini merupakan penjelasan terhadap miskin tegar merujuk kepada keluarga yang bilangan 728 bukan dia kata pihak akan menghapuskan dia fokus ini terkandung maka mungkin Penaga faham mungkin ada di kalangan pembangkang tidak faham isu ini kemiskinan, bukan saya di sini mahu putar belitkan isu ini fokus kalau ada yang saya rasa apabila kita tidak rujuk 700 keluarga mungkin ada banyak lagi kita mahu tambah lagi. Ini proses tidak boleh dihabisi sebab isu kemiskinan adalah satu yang mungkin akan naik atau turun mengikut kriteria yang telah tentukan. Saya pun tidak tahu apa lagi isu apa salah atau pun dalam pengumuman negeri isu tentang kemiskinan tentang hapuskan mereka sudah meletakkan 785 di atas 500 di atas itu saja, *that's men you have solve them*, tak ada, *I don't understand that I don't thing why* Y.B...(dengan izin), sorry... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan Tuan Speaker, kita pun sedar itu bahawa kemiskinan, belum dihapuskan lagi dalam proses dalam usaha-usaha semua pihak sama ada Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri nak menghapuskan sikit yang kita fokus hari itu ialah miskin tegar. Yang Amat Berhormat buat *statement* bahawa Pulau Pinang dah selesai tak ada miskin tegar. Itu yang menjadi persoalan pokok, yang sampai bangkit, tidak ada, apakah program telah diberikan adakah mencukupi *top up* RM500 itu menjadikan RM500 maka selesai miskin tegar, 728 hari ini kita pakai *figure* itu, mungkin esok ada juga yang kena dibuang kerja, kematian, keluarga itu akan bertambah masuk ke golongan miskin tegar itu yang kita persoalkan. Kita juga setuju dan berhasrat, saya sebagai Pengerusi sedang berusaha untuk menghapuskan miskin tegar di Pulau Pinang. Ini usaha kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga kami atau saya sebagai Pengerusi PERDA juga fokus ke arah yang *figure* yang dikatakan itu, kalau dulu dikatakan

494 tapi sekarang 728 kami juga akan pakai 728. Mungkin masa depan akan bertambah 800 atau mungkin turun lagi 300 - 400 kita tidak tahu dalam keadaan kegawatan ekonomi global sekarang itu yang kita tuju. Soalan miskin itu kita tolak tepi, miskin tegar dulu kita selesai.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Penaga. Saya rasa tidak nampak perbezaan cuma ini mungkin ini hujah Yang Berhormat. Ini mungkin dari luar konteks, tak apalah saya teruskanlah. Ini memang menunjukkan bahawa bukan saya mahu jadi nakal...(gangguan), boleh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Tuan Speaker, minta laluan sikit. Jadi adakah Y.B. Perai bersetuju bahawa miskin tegar ini belum dapat diselesaikan lagi oleh kerajaan negeri?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Berdasarkan 728 keluarga kita sudah hapuskan. Ini bukan *list* terakhir. Ini memang kita mengaku. Mungkin satu tahun lagi 1,000, mungkin ia boleh dikurangkan. Berdasarkan kepada 728 isi rumah ini kita boleh nyatakan bahawa kemiskinan tegar ini telah diselesaikan dan dihapuskan. Itu jawapan saya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sambung sedikit sahaja itu. Bagi kami pula, bagi kami menggunakan, kami kenal dengan penduduk-penduduk kampung. Miskin tegar, kalau kata 728 belum lagi dihapuskan. Masing-masing, Yang Berhormat ada *figure* Yang Berhormat, saya ada *figure* saya. Saya boleh buktikan ada orang kampung yang belum lagi terhapus miskin tegar, setakat itu sahaja.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih berbalik kepada isu ini. Isu bagaimana kita lihat kemiskinan. Memang di sini, ini bukan propaganda Pakatan Rakyat ada falsafah kemiskinan. Kemiskinan falsafah. Isu Pusat Pendidikan Antarabangsa yang telah dijalankan oleh Yang Berhormat Paya Terubong ini. Saya rasa kita tidak ada apa-apa, mungkin memang tujuan kita ialah akan menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Pendidikan Cemerlang di sini. Saya rasa kita tidak lagi daripada hasrat dan objektif itu, dan kemudian cadangan bahawa PSDC dijadikan sebagai universiti. Saya rasa itu satu cadangan yang baik. Ini perlu dikaji, tetapi pelesenan universiti adalah pelesenan pusat. Maka nanti dalam satu jangka masa nanti kita akan fikirkan sama ada PSDC ini boleh dijadikan sebuah universiti, tetapi di samping itu kita ada beberapa kolej yang ada kerjasama dengan universiti-universiti tempatan dan juga universiti-universiti yang lain di luar negeri. Jadi ini memang Y.B. Tuan Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

PSDC yang telah dimulakan dahulu oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu, sekarang sudah ada ikutan di seluruh Malaysia, kecuali Kelantan.

Seluruh Malaysia membentuk yang sama. Latihan yang lebih kurang sama, mengikut keadaan dan keperluan negeri masing-masing. Yang dilantik di peringkat PSDC ini ialah tentang-tentang teknikal yang skilnya sangat-sangat diperlukan di peringkat bawahan ini dan sebagainya. Kalau hendak buat pada universiti kita akan hilang ini, lebih baik kita kekalkan dalam bentuk yang sama, supaya kita dapat melatih lebih banyak lagi anak-anak muda dalam bidang teknikal.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Telok Bahang, memang saya pun bersetuju dari satu segi, tidak semestinya kita jadikan semua universiti sebab dalam bidang akademik ini ataupun bidang teknikal dan sebagainya, kita perlu wujudkan institusi yang lebih fokus kepada teknikal, *and then* keperluan.

Jadi di sini, PSDC merupakan satu peranan yang begitu baik di Pulau Pinang, dan saya merasa bangga di sini, mereka adakan hubungan dengan industri-industri di mana mereka menyediakan, ataupun memberikan latihan kepada pekerja-pekerja industri dan orang awam boleh menyertai program-program atas bayaran dan sebagainya, maka dari segi itu saya tidak ada bawaha ini mesti menjadikan universiti dan apabila menjadikan universiti mungkin ini akan dilonggarkan, mungkin tujuan universiti ini lain daripada PSDC. Tetapi perkara ini yang kita rasa kita perlu fikirkan masa hadapan, bukan sahaja PSDC, bagaimana dengan universiti-universiti yang lain yang ada diwujudkan di Seberang Perai dan juga di mana mereka ada hubungan dengan universiti tempatan di mana mereka melatih.

Satu cadangan yang saya berikan pada kolej-kolej di sini ialah satu kekurangan bagaimana mereka akan menarik pelajar-pelajar dari luar negeri supaya mereka mengadakan latihan industri 6 bulan sekurang-kurangnya, dan ini merupakan satu masalah terbesar di kolej swasta ini, pelajar dalam dua, tiga tahun mereka akan balik, apabila mereka balik, mereka tiada kemahiran. Ini sedang dilakukan di UK, Amerika Syarikat di mana ada *monitory*, kalau mereka membuat program tiga tahun sekurang-kurangnya satu tahun, enam bulan mereka mesti latihan industri. Apabila mereka adakan latihan industri dan mereka keluar daripada universiti mudah mereka untuk mencari pekerjaan. Ini kita rasa perlu mengambi kira bukan sahaja di Pulau Pinang, di seluruh Malaysia juga.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih kepada Tuan Speaker, berkenaan dengan keadaan yang sedang melanda sekarang masalah pekerja-pekerja yang ramai yang kehilangan kerja. Saya ada menyentuh dalam ucapan saya dahulu tentang bagaimana kerajaan negeri tidak sepatutnya bergantung sepenuhnya atau bergantung besar kepada pakej rangsangan kerajaan persekutuan dan seharusnya menyediakan pakej-pakej rangsangan di peringkat kerajaan negeri.

Jadi peruntukkan RM10 juta yang telah diperuntukkan itu memang dan amatlah kita alu-alukan. Soalan saya bagaimana ianya dibelanjakan dan sektor-sektor mana yang diberi tumpuan juga mengambil kira bahawa pekerja-pekerja di bawahan, iaitu peringkat bawahan yang banyak dibuang kerja itu majoriti

adalah bumiputera dan juga ramai adalah wanita, bagaimana kita dapat membantu mereka ini untuk dapat bekerja dari rumah yang saya sebutkan tadi untuk meningkatkan pendapatan keluarga dan kalau boleh biarlah rancangan-rancangan itu sampai ke peringkat akar umbi ini untuk mengambil peluang *responses* atau apa-apa kemudahan yang sedia ada di peringkat negeri, misalnya gerai-gerai yang beratus di MPSP dan beratus di MPPP yang tidak diambil.

Mungkin dari bentuk rangsangan ini dia boleh diberi pengecualian sewa selama 6 bulan ataupun setahun supaya menggalakkan mereka yang ramai yang tidak bekerja ini masuk dan mula berniaga dan bercakap tentang majikan tadi kilang-kilang dan sebagainya, rangsangan kepada majikan untuk mengambil pekerja yang baru keluar sekolah atau baru keluar daripada institusi pengajian untuk menjadi *apprentice* atau *training* bagaimana hendak rangsangkan majikan ini untuk mengambil mereka supaya dapat diserapkan, sebahagian mereka dapat dilatih untuk masa hadapan. Jadi ini bentuk-bentuk rangsangan yang saya harap dapat difikirkan untuk membantu pekerja-pekerja. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Telok Air Tawar, pandangan dan komen-komen tadi adalah komen yang sentiasa kita fikirkan RM10 juta ini yang telah disediakan oleh kerajaan negeri adalah supaya kita tangani masalah krisis ekonomi, pembuangan kerja dan sebagai. Ini akan dibelanjakan atas keperluan seperti CAT dan sebagainya kita akan membelanjakan, tetapi apa yang kita dan harapan kita bahawa kita akan mendapat bantuan daripada Kerajaan Persekutuan ini tidak menjadi satu kenyataan pada masa sekarang.

Walau bagaimanapun kita tidak bergantung 100% kepada peruntukan kerajaan negeri untuk menangani masalah sekarang ini, kita telah buat beberapa rancangan untuk memberi, mengurangkan ataupun membuat rancangan integrasi supaya kesan ekonomi ini tidak begitu teruk di Pulau Pinang dan saya rasa ini telah saya berikan jawapan lisan dan bertulis. Isu pekerja kita tidak nampak bahawa kaum pekerja sebenarnya sama ada Bumiputra, Melayu, India, dan China, Pakatan Rakyat ini kita akan memberi perhatian kepada semua, asalkan mereka rakyat tempatan itu sahaja, itu tidak jamin pekerja asing yang telah menjadi begitu besar di Malaysia, dan ini saya rasa di luar bidang kuasa kerajaan negeri bagaimana kita, cuma kita boleh nasihatkan majikan-majikan. Kita tidak boleh mengambil apa-apa tindakan, kita adakan dialog....(gangguan).I

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Sebentar kita habiskan ini, kemudian saya akan berikan laluan. So itulah Y.B. yang kita hadapi masalah dan di samping itu kita juga memastikan bahawa keadaan ini akan pulih cepat supaya mereka yang telah hilang kerja, mereka yang berdaftar di bawah CAT ini akan dapat pekerjaan dan isu latihan ini yang saya timbulkan tadi ialah satu yang penting supaya bukan dari segi

meningkatkan prestasi universiti atau kolej-kolej tempatan tetapi bagaimana kita akan menarik pelajar-pelajar dari luar seperti Indonesia, Negara Thai. Ini satu yang berterusan dengan kolej swasta bagaimana mereka ada satu *attraction* di sini, di mana memberikan latihan, *mandatory* 6 bulan kepada pekerja-pekerja. Inilah antara perkara-perkara yang kita sentiasa memikirkan untuk mengurangkan implikasi krisis ekonomi di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Terima kasih Y.B. Perai. Tuan Speaker, sebentar tadi Y.B. daripada Telok Air Tawar mengatakan MPSP ada gerai-gerai diberikan kepada mereka secara percuma 6 bulan ataupun setahun. Sebenarnya dengan isu ini, MPSP memang ada gerai-gerai ini untuk gerai promosi MPSP supaya sesiapa yang ingin berniaga di situ, tetapi memang untuk satu projek yang besar, bukan untuk satu gerai sahaja seperti katakan tempat itu ada sebidang dan satu program yang terbengkalai dan tidak ada orang berminat, memangnya kita ada tetapi setakat ini saya rasa kurang orang berminat, sebab bukan sahaja dia membuat satu kedai sahaja dan kadar mengambil berat kepada pekerja tempatan ini saya rasa sepatutnya yang bertanggungjawab lebih penting boleh memainkan satu peranan yang lebih penting kalau tidak bersetuju memberikan begitu banyak kepada agensi-agensi tertentu dapatkan mereka kuota-kuota masuk pekerja asing mungkin ini boleh menolong pekerja tempatan boleh mendapat lebih kerja dan ini terpulung kepada Kerajaan Pusat sebab ini bukan di bawah kuasa kerajaan Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P.Ramasamy a/l Palanisamy):

Terima kasih, saya akan teruskan, beberapa isu yang telah dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, isu ISA, isu PERDA, isu yang saya rasa berkait dengan kuasa Kerajaan Pusat dan juga timbul persoalan kenapa dibangkitkan di sini. Isu ini perlu dibangkitkan di Parlimen dan sebagainya, mungkin pandangan saya beginilah, bahawa perlu dibangkitkan di Parlimen di mana kita dapat jawapan yang tetap. Ini perlu juga kita bangkitkan di sini bukan sahaja untuk jawapan, tetapi untuk dibahaskan supaya ini mungkin ada kaitan dengan kita seperti ISA, PERDA di sini. Kita ambil kes PERDA, di Parlimen mengenai PERDA tujuan PERDA apa yang dilaksanakan oleh PERDA dan sebagainya ini dari segi maklumat saja saya mahu, tetapi saya dapat satu perenggan sahaja jawapan *I can show you say* perenggan sahaja macam mana saya mahu faham PERDA apabila jawapan ini bertulis bukan lisan, lisan pun kena ada peluang untuk bangkitkan soalan tambahan dan sebagainya ini satu perenggan sahaja ini saya sudah juga memberitahu kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri Y.B. Datuk Nazri apa ini jawapan-jawapan ini macam mana kita hendak tahu, bukan produk sahaja mungkin juga perkara-perkara lain so inilah untuk maklumat Dewan ini bahawa saya telah membangkitkan isu produk tetapi jawapan ini begitu singkat sahaja, kita tidak faham apa sebenarnya dan isu ISA dan Undang-undang Kerajaan Pusat ini kita sering bangkitkan di Parlimen saya rasa kita dapat jawapan sama ada jawapan itu memuaskan kepada kita dan pegawai-pegawai maka ini sering ditimbulkan di Parlimen dan saya tidak silap kalau kita bangkitkan di sini walaupun di mana kita boleh adakan satu perbincangan yang lebih rasional dan logik tentang isu-isu ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, terima kasih sentuh tentang PERDA ini kalau Yang Berhormat tanya soalan bertulis jawapan panjang ini saya ingat lebih baik bangkitkan dalam masa perbahasan, dalam masa perbahasan apabila digulung nanti menteri yang bertanggungjawab terpaksa jawab, soal pendek panjang itu saya tidak boleh komenlah di sini pun tapi di sini pun saya tidak boleh jawab, memang saya tidak boleh jawab kerana seperti Yang Berhormat sedia maklum mengenai tentang PERDA ini biarlah menteri yang berkenaan jawab, jadi dalam perbahasan itu lebih ini lagi, jadi boleh tapi tanya soalan itu yang hendak dijawab di Parlimen kalau dibangkitkan pun saya bukan dalam bidang kuasa saya untuk menjawab kerana kita tahu peraturan dalam Dewan Undangan Negeri Y.A.B. Ketua Menteri dan EXCO-EXCO sahaja yang jawab, sebab itulah saya tidak berhasrat hendak jawab apa-apa yang dibangkitkan, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Minta laluan, terima kasih kata dengan tentang isu PERDA saya amat tertarik, di sini saya ada beberapa soalan saya ingin tanya sedikit untuk isu Bandar PERDA. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengkaji semula projek-projek penswastan tanah yang lebih telah dibeli oleh Pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu kepada agensi Kerajaan Berkanun seperti PERDA? Kedua, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengkaji semula dan memperbaiki sistem kutipan cukai tanah bagi projek-projek penswastan tanah khususnya projek penswastan Bandar PERDA yang diberikan kepada Syarikat Aseania Development Sdn. Bhd? Siapa yang bertanggungjawab untuk membayar cukai tanah setelah projek Perumahan Bandar PERDA diswastakan kepada Aseania Development Sdn. Bhd. sejak pertengahan 1990, pemilik tanah PERDA atau pemaju Aseania Development Sdn. Bhd. Satu lagi, sekiranya pemaju Aseania Development Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk membayar cukai tanah sila nyatakan berapa cukai tanah telah dikutip daripada pemaju Aseania Development Sdn. Bhd. bagi tanah kosong Bandar PERDA lebih kurang 150 ekar yang masih belum dibangunkan oleh pemaju dari tarikh penswastan sehingga sekarang, terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Padang Lalang, kalau Yang Berhormat boleh beri soalan, saya akan hantar ke Parlimen dalam sesi yang akan datang saya tidak boleh jawab itu, kita akan bawa, kita akan minta jikalau ada peluang kita minta soalan ini dijadikan soalan lisan di mana kita ada soalan tambahan dan sebagainya. Okey, mungkin Y.A.B. Ketua Menteri boleh jawablah, kalau saya ada, saya boleh jawab kalau tidak ada, tak adalah tetapi saya bimbang, saya silap, saya salah walaupun saya rasa, baguslah kita akan bangkit dalam Parlimen. Ada juga sentuh Pilihan raya kecil di Penanti dan sebagainya, saya rasa saya tidak mahu komen sentuh isu di Penanti mungkin dijadikan Pilihan raya kecil atau tidak saya rasa serah kepada pihak yang berkenaan dan akhir sekali ada isu tentang Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan kerajaan negeri pada masa kini masih memikirkan bagaimana kita akan wujudkan satu Jawatankuasa Sains dan Teknologi di mana kita akan menyentuh isu satu *council*, *avance council* untuk *low medium cost industry* Pulau Pinang ini memang kita fikirkan tentang apa itu pelabur-pelabur

dan industri-industri dari luar negeri saya rasa ini sangat perlu memudahkan IKS supaya mereka boleh berkembang dan baru-baru ini saya baru balik dari Indonesia saya pun kagum Indonesia ini satu negara yang *popular* say begitu besar tetapi nampaknya Indonesia ini tidak ada kesan tentang isu kegawatan ekonomi mungkin saya tanya bekas Menteri Keadilan memang ini perkembangan industri kecil-kecil yang boleh menerap mereka yang juga hilang kerja di mana-mana dan juga sebab Indonesia ada *interlink* yang begitu besar sekali maka kesan ekonomi ini tidak nampak begitu jelas di Indonesia, so jadi apabila kita berusaha untuk membangunkan Pulau Pinang dari segi konsep moralisasi sebagainya dan haraplah kita fikir tentang isu bagaimana kita akan membangunkan Industri-industri Kecil dan Sederhana yang boleh menjadi tulang belakang ekonomi Pulau Pinang dan Malaysia, dengan itu Y.B. Tuan Speaker, saya mengakhiri ucapan saya dan mohon menyokong ucapan T.Y.T. terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Y.B. Tuan Speaker, saya bangun untuk menyampaikan ucapan penggulungan mengenai perbahasan ke atas ucapan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada T.Y.T Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas perlanjutan pelantikan Y.B. Tun bagi tempoh satu tahun lagi. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas kesudian Tun memberikan ucapan di Persidangan Dewan mesyuarat yang pertama bagi penggal yang kedua bagi Dewan Undangan Negeri Yang Kedua Belas pada 20 April 2009 dan di atas naungan T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri ini berada dalam keadaan aman, makmur dan sejahtera. Ucapan tahniah juga saya ucapkan kepada Dato' Zainal Rahim bin Seman di atas pelantikan beliau sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, dalam ucapan penggulungan ini saya akan menyentuh perkara yang dibahaskan serta soalan-soalan yang berbangkit yang berkaitan dengan portfolio saya iaitu Kewangan, Pelaburan, Keselamatan, Tanah Pembinaan dan Penyelenggaraan serta Penerangan. Ia berkisar ke arah wawasan kerajaan negeri untuk menjana transformasi yang boleh menjayakan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa. Selain daripada kemudahan asas dan perkhidmatan bertaraf antarabangsa termasuk Jalur Lebar atau *Broadband* dan Internet kita juga perlukan minda atau *mindset* pemikiran yang setara yang penting dan sukar sekali ialah lonjakan paradigma dan minda supaya kita terbuka dengan pandangan baru dan terdedah dengan idea baru supaya kita mengecap kemajuan dan kemakmuran yang dipenuhi nilai tamadun halus dalam sebuah masyarakat madani. Menjawab persoalan pertama daripada Y.B. Telok Bahang berkaitan hasil prestasi Perbelanjaan Mengurus ialah sebanyak RM283.15 juta atau 88.8% kepada bajet keseluruhan dijangkakan akan mencatatkan lebihan. Jumlah lebihan ini akan dipastikan dalam beberapa bulan lagi ada disebabkan bukan sahaja oleh peningkatan kutipan hasil negeri tetapi juga turut disumbangkan oleh keberkesanan daripada segi kawalan secara berhemat dan *value for money* yang diamalkan oleh semua jentera pentadbiran kerajaan negeri.

Y.B. Tuan Speaker, ini boleh dilihat dengan jumlah wang sebanyak RM11 juta yang berjaya dikutip balik atas tunggakan terdahulu termasuk bayaran denda RM4.2 juta daripada Gamuda AMC, bayaran balik royalti pasir sebanyak RM6.6 juta daripada Penang Port Sdn. Bhd. dan RM238 ribu kutipan tunggakan cukai pintu beberapa bangunan milikan UMNO dan MCA dan serta selain daripada berjaya mengutip balik di atas tunggakan terlebih dahulu pun ialah dengan penjimatan perbelanjaan dan saya rasa ini adalah menunjukkan bahawa sekiranya kita menjalankan bukan sahaja perbelanjaan berhemat tetapi juga mencari jalan untuk menambahkan kutipan hasil ia dapat dinaikkan atau melihatkan *surplus* yang kita harap-harapkan.

Kerajaan negeri memang mengambil berat tunggakan hasil yang belum dapat dikutip. Tunggakan hasil negeri pada akhir tahun 2008 dianggarkan sebanyak RM87.85 juta yang terdiri daripada tunggakan cukai tanah sebanyak RM63.53 juta, pinjaman penuntut pengajian tinggi sebanyak RM13.72 juta yang masih belum dikutip dan juga sewaan perumahan negeri sebanyak RM10.17 juta yang juga masih belum dikutip. Sebelum ini kerajaan negeri akan terus memberi penekanan untuk mengutip hasil-hasil tertunggak ini. Berbangkit dengan soalan yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Dua kedudukan saya sebagai Pengerusi Lembaga Tender bagi PBA dan PDC suka saya nyatakan bahawa pelantikan saya bukan adalah kuasa saya, tetapi adalah kuasa Lembaga Pengarah Perbadanan tersebut baik PDC atau PBA, di mana PBA Lembaga Pengarah telah memutuskan pada 18 September 2008 dan PDC pula mesyuarat lembaga bilangan 4/2008.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti biarkan saya habiskan dahulu, selaras dengan itu pelantikan saya sebagai Pengerusi Lembaga tawaran PDC diluluskan mengikut peraturan yang sedia ada. Sehubungan ini saya juga ingin jelaskan tentang isu pelantikan Ahli Lembaga PBA HD ini semua dilakukan mengikut *memorandum our acquisition* dan artikel syarikat.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, Ahli Y.B. Kawasan Air Putih penjelasan yang saya mohon ialah apakah tidak ada peluang untuk Y.A.B. untuk menolak tawaran tersebut atas dasar kepentingan CAT terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini saya akan menjawab nanti dalam akhir penjelasan penggulungan mengenai perkara ini, lebih baik saya habis sekarang ini saya dalam ucapan biar saya habiskan ini lepas ini boleh tanya tiada masalah, so dengan ini pelantikan Ahli Lembaga Pengarah PBA HD atau PDC adalah sah mengikut peraturan.

Y.B. Tuan Speaker, tujuan utama saya seperti yang ditanya tadi oleh Yang Berhormat mengapa saya menerima tawaran ini untuk mempengerusikan Lembaga Tender adalah untuk menyemak semula peraturan tender demi memastikan ia serasi dengan harga pasaran dan juga dengan prinsip *value for money* satu contoh di mana saya rasa harus menjadi satu amalan ialah seperti yang telah dilaksanakan mengenai kes pembaikan kereta api bukit bendera, di mana sungguhpun kita adakan tender terbuka tetapi kita perhatikan harga tender yang terendah masih terlalu tinggi dan ini menunjukkan sedikit perasaan kurang senang hati di kalangan kita bahawa kita boleh dapat dengan harga lebih rendah itulah sebenarnya kita gunakan saluran lain termasuk dengan bantuan daripada NGO di mana kita boleh dapat harga yang lagi rendah daripada terendah dengan mutu yang lebih baik iaitu pada asalnya mengikut tender terendah ialah tempoh pembaikan semula ialah enam bulan paling lama sembilan bulan paling singkat enam bulan tapi menerusi sistem yang pakar yang lebih fleksibel yang lebih dinamik kita buka sahaja boleh kurangkan kos iaitu daripada yang terendah sebanyak RM920,000.00 kepada RM590,000 dan tempoh masa untuk memperbaikinya pun telah dapat dikurangkan daripada 6 bulan kepada 2 bulan. Antara kaedah baru yang diterima pakai bagi PBA dan PDC ialah mengadakan tender terbuka semula sekiranya harga tender masih dirasai tinggi. Ini memang berlaku bukan atas apa-apa masalah tetapi saya rasa kita harus berani mencuba kaedah baru. Ada sesetengah tender ditutup apabila harga minyak adalah pada paras yang paling tinggi iaitu apabila harga minyak antarabangsa pada paras US\$140 setong.

Apabila kita menimbangkan tender tersebut, kita melihat bahawa ia memang tinggi kerana pada masa itu harga barangan sangat tinggi, baik minyak atau barangan mentah. Itu sebab kita panggil tender semula kerana kita rasa kalau kita boleh buat semula ia akan menguntungkan lagi kerana dengan penurunan bahan-bahan mentah sama ada bahan binaan ataupun harga minyak secara mendadak, kita dapat kurangkan sekurang-kurangnya 20-30%. Saya rasa ini memang berlaku dengan kaedah seperti ini, saya rasa sekurang-kurangnya sebagai Pengerusi, lebih berani membuat keputusan sedemikian, tetapi demi kepentingan negeri tanpa terlalu terikat sangat, tanpa *parallel thinking*, tanpa kaedah yang dinamik untuk menjimatkan wang. Dalam aspek ini saya rasa itu di antara kaedah yang kita pakai dan pada masa yang sama, saya rasa ini perlu untuk kita menjimatkan wang.

Saya merasa kesal juga dengan sesetengah pandangan yang diberikan bahawa saya melantik diri sendiri, saya rasa ini tidak benar. Lantikan ini dibuat oleh Lembaga Pengarah yang pertamanya. Yang keduanya, isu saya akan *bias* kerana saya akan beri kepada kawan-kawan. Saya ingat Y.B. Sungai Dua pun tahu mana saya ada kawan-kawan di kalangan peniaga-peniaga, mungkin sekarang baru hendak jadi kawan. Sekarang ini tidak ada kawan, saya cakap ini terus-terang, dulu mana ada orang mahu jadi kawan saya, betul tak? Semua hendak kawan dengan Y.B. Sungai Dua.....(ketawa). Kalau tidak ada kawan-kawan di kalangan peniaga-peniaga, bagaimana boleh jadi *bias*? Saya tidak bias, selama ini kita bebas, kita neutral dan tidak memihak kepada sesiapa kerana kita menjalankan tugas secara profesional. Saya minta janganlah ingat kita *bias*, mungkin jika dilihat pandangan dari Y.B. Sungai Dua, cara dan pengurusan lama mungkin ada *bias*, jadi dia anggap kita pula *bias*. Mungkin semasa Barisan Nasional *bias*, itu sebab dia anggap kita akan ikut sama cara Barisan Nasional, sama-sama *bias*.

Saya harap janganlah lihat dengan kaca mata yang sama. Kalau ada apa-apa unsur *bias*, harap boleh tunjukkan bukti, jangan membuat fitnah dan tuduhan kosong kerana dalam ajaran agama, itu tidak dibenarkan, khususnya dalam ajaran Agama Islam, kalau membuat tuduhan dan fitnah adalah lebih berdosa dari membunuh seseorang. Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih. Sekarang apabila Yang Amat Berhormat sudah ada banyak kawan, sudah tentu selepas ini akan jadi *bias*. Sebab itu saya hendak tahu apakah kaedah yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat semasa menganugerahkan tender Penang Hill kerana Penang Hill, apabila kita membuat tender terbuka, Yang Amat Berhormat kata tidak mahu pakai tender terbuka kerana mempunyai masalah kerana harga masih tinggi. Beliau kata ada kaedah, bagi kepada mana syarikat pula, kemudian syarikat mana yang diberi.

Dalam pelantikan Pengerusi Lembaga Tender, kalau kita melihat kepada peraturan, Lembaga Tender ditubuhkan selaras dengan peruntukan 186 Accounting of Partnership Regulation Penang Development Corporation (PDC), Ahli-ahlinya hendaklah terdiri daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, seorang Ahli Lembaga PDC dan Pengurus Besar PDC. Tidak dikatakan Pengerusi PDC boleh jadi Lembaga Tender, cuma kata seorang Ahli Lembaga PDC, mungkin ditakrifkan Ahli Lembaga PDC, Y.A.B. Ketua Menteri mentakrifkan dirinya, tetapi ini seorang Ahli Lembaga. Dalam peraturan ini dikatakan seorang Setiausaha Kerajaan Negeri, seorang Pegawai Kewangan Negeri dan seorang Ahli Lembaga. Ini yang saya tekankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti, saya habiskan ini dahulu. Sekarang Yang Berhormat hendak jadi *lawyer* pula, hendak jadi *lawyer* Ahli Lembaga Pengarah. Saya rasa itu jelas, Pengerusi pun Ahli Lembaga Pengarah. Yang penting sekarang kita lihat dari segi akauntabiliti, dari segi ketelusan. Bolehkah tunjukkan bukti bila saya menjalankan tugas adakah saya berminat kepada sesiapa. Boleh tunjukkan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Ini baru, nanti lama-lama mana kita tahu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau hendak cakap macam ini, kalau kita hendak gunakan ukuran begini, boleh cakap serupa kepada Perdana Menteri baru, bukan? Boleh tidak? Janganlah bercakap macam hendak "hentam semberono" sahaja. Kalau kita hendak lihat jawatankuasa yang dipegang oleh Y.A.B. Perdana Menteri, lagi berat. Semasa beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri, 24 jawatankuasa yang dipegang beliau adalah Pengerusi. Kita tidak timbulkan perkara ini, kerana kita tahu, nanti saya habiskan ini dahulu, sabar. Kerana kita tahu itu memang tanggungjawab beliau. Sama seperti kita memikul dan bertanggungjawab perkara ini atas kepentingan rakyat. Yang penting kita telah buktikan jumlah wang yang kita dapat jimatkan. Sekiranya tidak ada bukti, janganlah cuba ungkit

di sana-sini seperti yang kita selalu cakap cari tulang dalam telur. Macam mana Y.B. Sungai Dua cari pun tidak ada tulang kerana Tuhan sudah reka cipta telur itu tidak ada tulang dalam telur.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):

Penjelasan. Y.B. Speaker, saya rasa isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Sungai Dua ialah isu tentang Pengerusi Lembaga Tender tetapi yang dikaitkan dengan Perdana Menteri dan sebagainya memegang jawatan begitu banyak, saya rasa bukan jawatan Pengerusi Lembaga Tender. Di situ ada perbezaan, harap faham.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Daripada Pengerusi MAIPP sekarang hendak jadi *lawyer* juga, serupa, saya bercakap dari segi peraturan, apakah kesalahannya. Kita pun sudah bertanya dengan peguam-peguam korporat, ini peguam korporat dan mereka beritahu memang boleh. Kenapa hendak pertikaikan, kalau masih hendak pertikaikan boleh buat satu surat dan saman ke mahkamah, tidak ada masalah. Mahu tidak? Kalau tidak, kita hendak *argue* tentang *law*, bawa ke mahkamah, hendak tidak? Saya bukan hendak berbincang atau berhujah tentang hukum agama, kalau tentang hukum agama, tentu Yang Berhormat lebih arif, saya bercakap tentang *law*. Apakah kesalahan dari segi undang-undang.... (gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):

Penjelasan. Sedikit sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak beri. Duduk dulu, ikut peraturan. Saya tidak mahu berbalik-balik dengan hujah ini kerana ini memang dibenarkan. Yang menjadi soal pokoknya ialah sama ada terdapat apa-apa yang tidak kena yang berlaku, adakah sesuatu yang tidak kena berlaku, selagi tidak boleh membuktikannya, janganlah membuat tohmahan dan fitnah. Duduk dulu, duduk dulu. Memang ini mungkin kelaziman tetapi kalau kita hendak tingkatkan mutu perbahasan di Dewan yang mulia ini, bukan sahaja *people's base, you must also be principle base and also quality base, not only people's base but also quality base*. 3b bukan satu sahaja. Kalau kita hendak tingkatkan mutu perbahasan di Dewan yang mulia ini, janganlah setakat buat tohmahan dan fitnah yang tidak berdasar ini. Saya tidak berminat, saya tidak larat langsung untuk bersama-sama lawan atau saling fitnah-memfitnah. Silakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Kita tidak memfitnah apa-apa, apa fitnah yang kita lemparkan kepada Yang Amat Berhormat? Kita kata kita cuma takut isu ketelusan, kita bercakap tentang CAT sebab itu kita kata kalau kita hendak menjana CAT, Ketua Menteri seharusnya tidak memegang Pengerusi Lembaga Tender kerana kita bimbang nanti jadi *bias*. Ini yang kita tekankan, kita hendak menjadi prinsip CAT. Kita tidak menuduh, kita hendak menjaga supaya kerajaan jadi elok.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau betul-betul ikhlas, saya ucapkan terima kasih. Tetapi yang tersurat dan tersirat saya bimbang lain pula. Di sini saya cakap yang penting sekali, bila kita panggil tender semula...(gangguan). Nanti Y.B. Bayan Lepas, saya tentu akan beri, dia ini orang baik, saya akan beri. Seperti yang saya sebutkan tadi bila harga minyak pada paras tertinggi, bila kita lihat secara amnya, kita harus beri kepada tender yang terendah. Tetapi saya membuat keputusan dan saya berani membuat keputusan, mungkin ini akan dipertikaikan tetapi saya berkeputusan bahawa ini tidak mementingkan PBA atau PDC dan kita panggil semula dan itulah keputusan yang kita buat. Silakan Y.B. Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerrudin bin Dato' Syed Ahmad):

Saya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Bukan kita hendak pertikaikan cuma kita hendak buat teguran ialah pertamanya, dalam Lembaga Tender itu sendiri, contohnya Setiausaha Kerajaan itu sendiri sebagai ahli lembaga, memang dilantik oleh kerajaan negeri. Satu lagi lembaga tender ialah Pengurus Besar PDC yang juga dilantik oleh kerajaan negeri. Apabila Ketua Menteri yang mempunyai *executive power* yang duduk dalam satu *committee*, soalan saya adakah sama ada, kalau ada, Y.A.B. Ketua Menteri membuat satu keputusan yang agak tidak begitu tepat, adakah kita berani menegur atau adakah Pengurus Besar PDC sendiri berani tegur kerana kedudukan mereka tertakluk kepada kerajaan negeri. Ini yang kita hendak minta penjelasan dari Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa yang penting di sini ialah kalau kita hendak bahaskan mengapa bila kita guna kaedah yang sama, mungkin tidak lantik sebagai Pengerusi Lembaga Tender, tidak timbul di sini. Saya rasa kita balik kepada soal pokoknya iaitu sama ada ia akan melicinkan pengurusan tender dan juga membawa kepada kebaikan. Saya rasa itu yang penting dan dalam aspek ini kita melihat dalam pemberian tender ada sedikit satu, dua perkara yang kita rasa harus diperbaiki. Dengan penglibatan ini kita lebih tahu tentang apa yang berlaku dalam PBA dan PDC. Saya rasa mengenali apa yang berlaku itu adalah lebih penting.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerrudin bin Dato' Syed Ahmad):

Penjelasan, sedikit lagi. Yang saya khuatir, kita tidak pertikaikan niat elok Yang Amat Berhormat, untuk melicinkan tetapi sekiranya Y.A.B. Ketua Menteri sebagai manusia biasa yang mesti ada kesalahan dan kesilapan, adakah ahli-ahli lembaga yang lain berani untuk menegur Y.A.B. Ketua Menteri. Ini soalnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau begitu, sama juga kaedahnya. Kalau Y.A.B. Perdana Menteri ada buat sedikit kesilapan, adakah berani menegur? Saya rasa kalau organisasi itu sihat tentulah berani menegur. Saya hendak tanya kepada MT, kenapa tidak menegur Perdana Menteri, kerana tidak memecat Ketua Menteri Melaka yang terlibat dengan rasuah. Itu kira boleh tanya, kenapa tidak tegur.....(gangguan). Y.B. Telok Bahang dulu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih, Y.A.B. Ketua Menteri. Tadi saya dengar di luar ucapan Y.A.B. Ketua Menteri, saya cepat-cepat masuk hendak dengar dengan sah apa Y.A.B. Ketua Menteri cakap. Nampaknya setiap kali kita timbul soalan, Y.A.B. Ketua Menteri begitu *evasive*, ...(dengan izin), tidak mahu menjawab soalan dengan tepat, dia mengelak. Memanglah mengikut undang-undang Y.A.B. Ketua Menteri boleh menjadi Pengerusi Lembaga Tender tetapi mengikut amalan biasa dahulu, kita hendak mengelak dari tohmahan dan sebagainya, Ketua Menteri atau *politician*, ...(dengan izin), tidak pernah menjadi Pengerusi Lembaga Tender, seingat saya. Saya pernah menjadi wakil rakyat sejak tahun 1990. Yang kedua, timbulnya soalan adakah ini bermaksud Y.A.B. Ketua Menteri tidak percaya kepada pegawai-pegawai yang dilantik, misalnya Setiausaha Kerajaan, tidak percaya kepada dia kah? Jadi timbul soalan ini, waswas, Ketua Menteri tidak percaya kepada orang-orang yang dilantik. Sebagai contoh, Y.B. Dato' SUK, seorang yang berwibawa, memang kerja kuat dan telus, tidak percaya kepada Setiausaha Kerajaan, ini yang menjadi persoalannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Inilah yang dikatakan cuba melaga-lagakan. Janganlah jadi batu api atau penghasut. Di sini saya rasa yang penting, seperti yang saya sebutkan tadi, kita tidak pernah lari, kita tidak pernah lari. Tadi Yang Berhormat kata kita kena asingkan diri dari kemungkinan membuat tohmahan, kita tidak buat pun sudah kena fitnah. Itu biasa yang penting ialah untuk kita apabila kita ada kepercayaan, keyakinan kita bersih, kita tidak takut kerana semua kita bersih dan kita tidak makan wang, itu kita berani cakap, bukan masa macam, Yang Berhormat Telok Bahang sabar sikit, bukan macam zaman Barisan Nasional saya tengok ada bukti yang menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan negeri, skandal tanah Tan Heng Joo, Yang Berhormat sendiri yang meluluskan tanah itu. Saya habiskan beliau sendiri yang luluskan kita hadapi hukuman mahkamah RM29.4 juta tambah faedah RM40 juta, siapa yang bayar, kalau Yang Berhormat Telok Bahang yang bayar tidak apalah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Saya terbaca dalam surat khabar tadi The Star, Ketua Menteri Koh Tsu Koon *land scheme*, itu bukan *land scheme* setelah disiasat memang ada *genuine* kesilapan yang memang dibuktikan kesilapan, tanah itu tidak payah cerita, memang pun tidak ada niat lain *scheme*, kesilapan yang memang pasti berlaku. Jadi, saya hairan Ketua Menteri tidak boleh jawab, kaitkan yang itu, kaitkan yang ini, ubah lain tajuk pada hal kita bincang lembaga tender tadi, pusing sana, pusing sini, ini *style* Ketua Menteri mungkin lama-lama rakyat Pulau Pinang akan faham, jadi CAT ini tidak payah pakai, yang lain pula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini CAT, sekurang-kurangnya menyebabkan rakyat rugi RM40 juta, CAT ini berjaya menjimatkan wang RM11 juta CAT mana yang rakyat mahu, saya rasa rakyat lebih bijak daripada Yang Berhormat Telok Bahang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Tuan Speaker, Yang Berhormat Telok Bahang katakan ini lembaga pengerusi, sebenarnya *tender board* seperti Yang Berhormat bentangkan tahun 2003, tahun 2007, 21 projek yang tidak berterus tidak melalui tender ini mengakibatkan kerajaan negeri lebih kurang RM10 juta ini memang ada kelemahan seperti Yang Berhormat katanya yang lebih baik apa yang kerugian skandal menjadi kerugian kerajaan pada masa ini dan dia juga mengaku ini ada satu kelemahan ketika Barisan Nasional jadi kerajaan dan mengakulah kalau Yang Berhormat Telok Bahang kata begitu sila Yang Berhormat katakan ya, memang Barisan Nasional kerajaan pada masa itu lemah, kalau betul..... (ketawa).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti dahulu, duduk, duduk, saya akan bagi kepada pembangkang, saya rasa apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Lalang itu kepada jawapan Yang Berhormat Kebun Bunga memang benar, tender rundingan terus RM10 juta terbang, tidak ada tender terbuka, apa lembaga tender ini, ini sepatutnya lembaga tidak tender. Sila Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya mengikuti perbahasan begitu menarik sekali bagi pihak yang mengeluarkan pendapat dan yang saya hairannya adakah Yang Amat Berhormat memerlukan bantuan dalam perbahasan ini, saya tengok tadi Yang Berhormat Padang Lalang tadi seolah-olah Ketua Menteri *handle* semua perbahasan, dia sendiri jawab, ini Padang Lalang hendak bantu Ketua Menteri, janganlah, biar Ketua Menteri kewibawaannya jangan dicabarlah, biar pembangkang cabar, tidak usahlah dok bantu, dok tolong, itu adalah *convensation* dalam Dewan mungkin hendak bantu, jangan dia cakap pasal tender kita menghormati Y.A.B. Ketua Menteri boleh berbahas, boleh memberi penjelasan, orang lain jangan campur tangan, malulah sistem itu, seperti Ketua Menteri tidak boleh menjawab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey, okey baik, terima kasih kepada Yang Berhormat ketua pembangkang kerana cuba hendak bantu, sama seperti Yang Berhormat Padang Lalang pun sama-sama mengambil bahagian itulah mungkin saya rasa iklim yang baru, di mana kita benarkan berbahasan secara bebas, so dalam aspek ini tidak apalah, kalau dianggap bantu atau menyertai berbahasan, saya rasa itu yang iaitu mengenai pelantikan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya tidak pun hendak membantu Yang Berhormat, kita bertanyakan soalan-soalan yang difikirkan layak dibahaskan yang saya kata yang *back benchers* janganlah sokong seperti macam Yang Berhormat tidak boleh jawab, yang betulnya Ketua Menteri memerlukan bantuan ADUN-ADUN *back benchers* hendak tolong, saya tidak kata Yang Berhormat tidak boleh jawab, gambaran masyarakat di luar begitu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya dekat Parlimen, sama juga, bila Perdana Menteri buat penggulungan pun kadang kala *back benchers* bangun kita pun tidak cakup macam itu, kita berikan kebebasan, berbahas berucap tidak ada masalah, mengenai pelantikan Encik Mohd. Sabu, sebagai Pengarah, Perbadanan Bekalan Air Holding, PBAHB, beliau menerima elaun RM500 sebulan, elaun mesyuarat RM300 setiap kali menghadiri mesyuarat, Pengarah Lembaga Pengarah tidak bebas, Yang Berhormat Permatang Berangan menyatakan bahawa saya...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Yang Amat Berhormat walaupun *it is legally right morally wrong* dengan izin Yang Berhormat adalah yang tertinggi sekali dari segi kuasa di Pulau Pinang. Jika sekiranya berlaku apa-apa masalah dalam lembaga tender kepada siapa hendak dirujuk kalau Y.A.B. sendiri ada dalam lembaga tender, *to earn reinsurance* bukan menjadi kesalahan pada masa itu kepada siapa hendak kita rujuk lagi sebab Y.A.B. yang tertinggi di negeri ini, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Akhirnya saya sebagai Ketua Menteri akan bertanggungjawab untuk apa-apa yang berlaku dalam pentadbiran saya secara bersama dengan ahli-ahli Exco saya. Saya rasa itu kita hendak tegaskan, bukan macam kehilangan Tan Heng Joo RM40 juta tidak ada orang yang bertanggungjawab kita pula yang terpaksa menanggung segalanya. Adakah ini patut, adakah ini adil.

Yang Berhormat Permatang Berangan mengatakan bahawa saya pernah mengeluarkan kenyataan, tidak menghuni kediaman rasmi yang sekarang dikenali sebagai nama Seri Teratai, kerana kos memperbaikinya agak tinggi tetapi kenyataan tersebut(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Berkenaan dengan kes Lembaga PBA yang bercakap mengenai elaun, saya rasa kurang puas hati, jawapan yang diberi kepada saya, elaun yang diluluskan oleh Lembaga PBAHB, pengarah bebas, elaun mesyuarat RM300 itu betul, elaun tetap RM1500 dan elaun luar kawasan RM1500, tapi Yang Amat Berhormat bagi tahu yang lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa kalau ada jawapan sedemikian, maka jawapan itu silap, kerana Mohd. Sabu tidak boleh jadi pengarah bebas, pengarah bebas hanya golongan tertentu sahaja, beliau tidak dikategorikan sebagai pengarah bebas, pengarah bebas dibayar elaun yang dinyatakan yang mungkin mereka anggap sebagai pengarah bebas kerana mungkin Mohd. Sabu sebagai Mat Sabu, bila cakap Mohd. Sabu mereka ingat orang lain pula. Dalam aspek ini saya rasa ada, biar saya habis dulu, kalau soalan ini dinyatakan sedemikian kita menyatakan secara terbuka, kalau inilah soalan saya rasa ini tidak betul dan saya betulkan dia bahawa ini kerana beliau bukanlah ahli lembaga pengarah yang bebas, beliau adalah ahli lembaga pengarah bebas. Tetapi kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Permatang Berangan mempersoalkan tentang kos pembaikan rumah tersebut yang menelan belanja.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Supaya dikeluarkan kenyataan, minta maaf kerana kesilapan yang telah dibuat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau Y.B. Sungai Dua, duduk, duduk saya hendak jawab, kalau soalan sedemikian tidak betul saya minta maaf.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ini diminta supaya memberi jawapan sebenarnya, saya telah bercakap yang tidak benar, saya telah bercakap benar, tidak benar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak salahkan Yang Berhormat, saya mana ada salahkan Yang Berhormat, saya ingin jelaskan tadi saya tidak kritik Yang Berhormat pun, ini yang saya jelaskan, ini mungkin mereka anggap bahawa beliau adalah pengarah bebas, beliau sebenarnya ahli lembaga pengarah bebas, tapi beliau sebenarnya lembaga pengarah bebas, tidak boleh jadi ahli politik, dan beliau adalah seorang ahli politik dan beliau salah seorang ahli politik, kalau di sini ada kesalahan, itu jawapan sekiranya ada kesilapan, kita hendak betulkan kesilapan, saya minta maaf bagi pihak pentadbiran.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan sedikit, saya terdengar tadi, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyebut tentang pegawai kerajaan yang menjawab soalan dari Yang Berhormat Sungai Dua seperti menganggap Mohd. Sabu sebagai pengarah bebas, adakah menganggap ini sebagai bahawa pihak yang menjawab sebagai Ketua Menteri tidak berhati-hati dan tidak faham tentang perjawatan-perjawatan yang wujud di dalam PBA tersebut. Ini boleh melambangkan satu kelemahan dalam pentadbiran dan boleh menghilangkan keyakinan orang ramai kerana lembaga pengarah ini bukan berapa ramai sangat pun tapi kalau itu pun kita

tidak boleh *confirm*, kita masih memakai perkataan, menganggap sebagai pengarah bebas atau tidak. Jadi tak kan perkara ini adalah objektif dan bukan satu subjektif dan menganggap sebagai pengarah bebas atau tidak. Jadi tak perkara ini, benda ini benda ini objektif dan bukan subjektif jadi perkataan menganggap saya rasa dia menunjukkan pentadbiran begitu lemah nampaknya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa kalau Yang Berhormat ini tidak henti-henti hendak ungkit-ungkit perkara ini, saya telah pun jelaskan, kalau ini satu kesilapan saya hendak minta maaf bagi pihak pentadbiran saya. Tadi Yang Berhormat dari Pulau Betong pun cakap *to ear to ensurement for to give devide*, betul tak. Ini *unforgive* ialah merugikan RM40 juta, ini tidak boleh dimaafkan.... (ketawa), sudahlah Yang Berhormat nanti, sudahlah, untuk maklumat Yang Berhormat pada mulanya saya ingin mendiami rumah tetamu, disebabkan saya diberi tahu kos ubah suaian RM300,000. Perbelanjaan sebanyak RM300,000 adalah sangat besar, dan membebankan dalam ekonomi sekarang, jika hanya untuk kediaman saya dan ahli keluarga saya tetapi bila kemudiannya mendapati bahawa kos yang boleh dibelanjakan setakat RM35,000 saja, barulah saya bersetuju untuk masuk. Saya pindah masuk atas nasihat berkali-kali bekas Ketua Menteri Pulau Pinang Tun Dato' Seri Utama Dr. Lim Choong Eu yang menyatakan bahawa keselamatan adalah segala-galanya, bukan sahaja untuk saya, tetapi ahli keluarga saya, dan beliau rasa akan lebih selamat sebagai Ketua Menteri untuk pindah ke kediaman rasmi di mana keadaan keselamatan adalah lebih terkawal. Dalam aspek ini tentang kos yang saya tahu ialah RM33,000 tetapi oleh kerana keadaan rumah ini telah uzur dan sudah lama tidak tinggal dan banyak barang dan banyak pembaikan yang diharuskan. Apabila pembaikan pertama dijalankan sebanyak RM89,000 yang menjadikan RM122,000, saya tidak dimaklumkan mengenai perkara ini.

Dalam aspek ini saya hanya diberitahu kerja sedang dijalankan dan saya rasa yang menjalankan kerja-kerja pembaikan seperti ini mereka menjalankan tugas tetapi kerana tidak mendapat kelulusan dan pengetahuan saya barulah ia dibelanjakan. Kalau saya tahu ia akan dibelanjakan sedemikian, maka saya tidak akan pernah tanya dan saya telah pun mengeluarkan arahan bahawa sebarang pembaikan tidak harus dijalankan kerana sungguhpun keadaan rumah yang agak lama ini, agak kurang selesa. Kalau kita tengok tandas dan saya rasa jauh berbeza dengan apa yang kita rasa munasabah, tetapi tidak apa, saya rasa itu adalah rumah penginapan untuk ahli keluarga, yang penting ialah ia selamat.

Dalam aspek ini kalau kita membandingkan Sri Teratai, rumah kediaman rasmi Ketua Menteri. Kalau di bandingkan dengan semua rumah kediaman rasmi Menteri Besar-Menteri Besar, saya rasa ialah yang paling kurang mewah sekali, yang paling kurang mewah sekali, dan kita tidak akan membelanjakan wang lagi untuk menyewakannya. Tapi yang dibelanjakan sebelum ini ialah tambahan RM89,000, saya rasa ini ialah untuk pembaikan biasa, mengecat semula, dan sebagainya termasuk pondok polis dan sebagainya. Saya rasa untuk satu bangunan yang agak besar memang kita rasa lebih banyak diperlukan tapi saya telah arahkan bahawa ini dihentikan, dan kalau nak belanja apa-apa haruslah mendapatkan kelulusan saya terlebih dahulu. Dan perlu saya tegaskan di sini, saya telah pergi beberapa kediaman rasmi Menteri Besar dan Ketua Menteri saya rasa yang kediaman rasmi di Seri Teratai ialah paling *simple*

dan mudah sekali tak boleh banding dengan kediaman rasmi Ketua Menteri Sabah, Ketua Menteri Sarawak, malah kalah dengan kediaman rasmi setengah ADUN daripada parti pembangkang. Tak kira tentang rumah...(gangguan), mungkin kereta pun tak boleh banding, kereta rasmi pun kita tak boleh banding dengan ADUN daripada parti pembangkang ...(gangguan)... yang mana dulu ... (gangguan).

Ahli kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)

Y.B. Tuan Speaker, masalahnya rumah kediaman ini bukan dari segi harga perbelanjaan sebagai Ketua Menteri kita membangkang, kita bangkang juga, tapi kita tahu tahap mana dia punya kedudukan sebenarnya, cuma apabila Yang Amat Berhormat menjadi Ketua Menteri zaman dulu telah membuat pengumuman bahawasanya sanggup duduk di rumah kedai, adakah masih berhajat duk rumah kedai ke Yang Amat Berhormat Ketua Menteri masih nak pindah rumah, bukan kualiti rumah nak pindah rumah lain tapi *statement* yang dibuat itu, prinsip itu.

Y.A. B. Ketua Menteri:

Saya amat gembira Y.B. Bayan Lepas cakap tentang prinsip sebab lama tak cakap pasal prinsip, kalau cakap pasal prinsip saya ingat baca lah betul-betul, saya cakap saya enggan masuk ke Seri Teratai kerana kosnya RM300 ribu, tapi bila saya diberitahu kosnya RM33 ribu barulah saya bersetuju itulah prinsip. Terima kasih. Di sini saya juga telah mengarahkan bahawa untuk semua pekerja penyelenggaraan kediaman rasmi pada masa depan wajib dapat kelulusan daripada saya sendiri sebelum kerja-kerja dimulakan untuk memastikan prinsip perbelanjaan berhemat diguna pakai di dalam pentadbiran kerajaan negeri.

Berkenaan dengan lawatan luar negara yang dibangkitkan Yang Berhormat Sungai Dua, ingin saya perjelaskan di sini bahawa perbelanjaan Kerajaan Pakatan Rakyat adalah jauh lebih rendah dan berjimat cermat berbanding dengan lawatan luar negara oleh Barisan Nasional. Perbelanjaan Pakatan Rakyat bagi lawatan luar negara hanya separuh hingga 1/3 daripada yang dibelanjakan semasa pentadbiran Barisan Nasional pada tahun 2008 lawatan rasmi kerajaan adalah sebanyak RM77 ribu berbanding dengan RM884 ribu yang dibelanjakan oleh kerajaan lepas pada tahun 2007, atau pada 2006 sampai RM1,236,000 dibelanjakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kerajaan PR hanya 1/3 bising satu Dewan.(ketawa).

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Y. A. B. Ketua Menteri:

Tunggu sama Yang Berhormat.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri saya bukan bising apa, saya bising kerana saya melihat perbelanjaan yang terlalu tinggi kerana tempat itu dekat tapi perbelanjaan tinggi, tapi satu benda yang saya dapat lihat di sini bahawa kenapa kerajaan negeri membiarkan orang *sponsor* dia untuk lawatan ke misi Perdagangan, misi Perdagangan macam mana boleh bagi orang *sponsor* ini tak betul.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Kalau kita bawa peniaga-peniaga dan pedagang pergi sana takkan kerajaan negeri nak *sponsor*. Itu yang saya tak paham.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Pegawai-pegawai kerajaan negeri, VIP daripada kerajaan negeri harus ditanggung oleh kerajaan negeri kenapa perlu ditanggung oleh...(gangguan).

Y.A. B. Ketua Menteri:

Ia ditanggung oleh kerajaan negeri.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bukan ini ditanggung oleh penganjur

Y.A.B. Ketua Menteri:

Siapa?

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ditanggung oleh peniaga-peniaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu saya setuju apabila saya di undang untuk berikan ucapan dalam satu mesyuarat saya ditaja oleh penganjur mesyuarat tersebut macam Asia Foundation di Hong Kong, tapi untuk jimatkan wang bila saya pergi ke mesyuarat tersebut maka, saya ditaja dan kita bawa pegawai pergi sama supaya kita dapat(dengan izin) *Que to onesuit* kita dapat jalankan promosi dan misi pelaburan dan itu saya rasa maksud Yang Berhormat Sungai Dua. Daripada jumlah ini(gangguan) jelas terbukti bahawa kerajaan PR jauh lebih berjimat cermat daripada Barisan Nasional. Sila.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Y.B. Tuan Speaker apa yang saya tekankan di sini kenapa misi pelaburan informal ke Korea dan Hong Kong ini ditaja oleh penganjur. Siapa yang taja? Syarikat mana yang taja bawa semua pegawai kerajaan dan Yang Amat Berhormat ke Korea?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa maklumat mungkin ada masalah, kalau saya pergi ke Korea itu bukan di taja oleh *sponsor* ini ditaja oleh kerajaan negeri.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Jawapan yang diberi kepada saya.

Y.A.B. Ketua Menteri

Saya lihat dulu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini ialah *solve mission*, itu bukan ini kerana kita lawat dua kali, ini ialah lawatan peribadi bukan lawatan rasmi, *solve mission* itu sebab kita cakap *solve mission* so yang saya rasa bila kita kerja rasmi, itu bila kita tandatangan MOU so, bila dalam ini, saya pergi secara tidak rasmi so itulah sebab saya rasa daripada asalnya cakap tentang kos sekarang pula cakap mengapa kenapa kena taja.

Ahli kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Minta penjelasan. Saya cakap tentang kos, kos telah dijawab oleh Batu Maung jadi, jadi saya tak perlu jawapan lagi daripada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Batu Maung telah pun jawab, tapi tak tau lah kalau dua-dua tak boleh pakat jawapannya siapa? Tetapi saya nak tekankan pasal dalam soalan yang saya kemukakan, tentang misi Perdagangan ini ditanggung oleh orang lain, bukan ditanggung oleh kerajaan negeri kalau program ini bukan kerajaan negeri tak payah dimasukkan sebagai misi kerajaan negeri .

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baik, saya akan terima nasihat daripada World Peace Forum Di Jakarta. Saya di tanggung, ditaja oleh penganjur untuk berikan ucapan bersama dengan Pak Din Ketua Muhamadiyah, ini ialah taja bila kita pergi menghadiri mesyuarat. Tapi baik saya akan terima cadangan daripada Yang Berhormat bila itu kira ditaja oleh penganjur-penganjur internasional dan mesyuarat kita takkan masuk dengan jawapan nanti kerana itu tidak melibatkan perbelanjaan kerajaan negeri. Baik, ok, Yang Berhormat ADUN kawasan Penaga telah bertanya tentang perkembangan cadangan pelaburan daripada syarikat Korea yang berjumlah RM300 juta. Untuk maklumat Yang Berhormat, syarikat pelabur sekarang sedang jalankan *Flexibility Study* dan telah datang ke Pulau Pinang sebanyak dua kali selepas MOU itu di tandatangani. Yang Berhormat ADUN Teluk Bahang pula membangkitkan tentang isu pelaburan yang telah pun saya rasa dijawab tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II dan seperti yang kita telah jelaskan berkali-kali daripada jumlah tersebut pelaburan dalam bulan Januari hingga Februari di bulan pertama ialah pelaburan domestik 3.1 bilion, pelaburan asing 0.4 bilion sebanyak 3.5 bilion. Manakala dari bulan Mac hingga Disember 2008 pelaburan domestik adalah sebanyak 2 billion pelaburan asing menjangkau angka 4.7 bilion iaitu sebanyak 6.7 billion di antara bulan Mac hingga bulan Disember. (gangguan)

Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Amat Berhormat, tadi Yang Amat Berhormat laju sangat, bila sebut tentang pelaburan RM300 juta yang Y.A.B. sebut tentang Syarikat Kurier di Batu Kawan, saya dengar jawapan ini 6 bulan dulu. Masa persidangan kita yang lampau, yang lalu, Yang Amat Berhormat kita sudah buat tandatangani di perjanjian persefahaman pada masa itu katanya mereka sudah datang buat kaji selidik 6 kali sekarang ini Yang Amat Berhormat kata 2 kali telah menandatangani. Dalam masa 6 bulan, selain daripada datang untuk *flexibility study* ...(dengan izin), apakah tidak ada konkrit kerja-kerja yang lain selain daripada *flexibility study* nak tengok sesuai atau tidak. Yang saya bangkit perkara ini, kita nak tahu perkembangan lanjutnya setelah hasil lawatan Yang Amat Berhormat ke Korea setelah tandatangani MOU setelah mereka datang 4, 5 kali. Setakat apa dah buat, Yang Amat Berhormat jawab tadi masih lagi nak tengok kajian, *flexibility study*, itu yang maksud saya tu. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ingin beritahu Yang Berhormat Ketua Pembangkang, bahawa mereka cadangkan pelaburan sebanyak 300 juta, 1 juta US Dollar ini satu pelaburan yang besar ini mesti buat kajian yang teliti, ini bukan datang sini cuci longkang. Ini pelaburan besar, itu sebab mereka jalankan *flexibility study* dan sudah datang saya rasa perkembangan baru sebanyak 2 kali dan saya percaya bila *flexibility study* itu lengkap dan siapa maka mereka akan balik semula.

Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta penjelasan, saya pun tak mengata ini buat kerja longkang, kalau sekadar projek buat longkang saya pun tak bangkit dalam Dewan ini, 300 juta yang rakyat nak tahu apalah sekarang, Yang Amat Berhormat menjawab tadi masih lagi peringkat *flexibility study*, agak-agaknya bila nak selesai itu, kalau Yang Amat Berhormat ada maklumat supaya rakyat tahu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita pun tak sabar-sabar macam Yang Berhormat Ketua Pembangkang, kita berharap ia boleh cepat tapi kerana ia melibatkan jumlah pelaburan yang besar, kita harus berikan mereka masa untuk sekurang-kurangnya menentukan ia secara terperinci kerana yang belanjakan wang bukan kita, yang belanjakan wang mereka.

Lagi menjawab soalan daripada Teluk Bahang yang ada pertikaian tentang perbezaan jawapan saya Yang Berhormat TKM II, saya rasa ini adalah tempoh masa ada berlainan. Yang Berhormat TKM II adalah mengatakan 2008 dan saya pula sebut Januari hingga Mac 2009, saya rasa untuk usaha membantu mereka yang diberhentikan kerja saya rasa telah dibahaskan secara panjang lebar di antara langkah yang diambil oleh kerajaan ialah menubuhkan pusat CAT bukan sahaja dapat ...(gangguan), memadankan dan menyuruhkan mereka yang kehilangan kerja dengan majikan tapi kalau perlu pun untuk memberikan latihan semula dengan gaji tertentu supaya mereka dapat menghadapi masalah kemelesetan ekonomi, sila Yang Berhormat.

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Terima kasih, Y.B. Speaker, Pakatan Rakyat ini mendabik dada mengatakan bahawa ianya *principal base* tak beri pada kawan-kawan, dan apa-apa perkara yang pembangkang timbulkan adalah tohmahan dan fitnah. Sebenarnya kita memang tak mencari tulang dalam telur, sebab kita tahu tak ada tulang dalam telur, tapi dah ada tengkorak dalam almari.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Where's the scalp in the closet? Mana?

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Where's the scalp in the closet ...(dengan izin), kerana saya mengatakan begitu isu pemberian pemilikan tanah yang telah ditimbulkan oleh Ahli Sungai Dua kepada EXCO dan isteri kerajaan negeri sekarang adalah tidak mengikut peraturan kerana dalam kebiasaannya, mengikut peraturan, sebarang pemberi milikan tanah walau pun tanah itu asalnya pemohon dimiliki oleh pemohon hendaklah dibuat berdasarkan tawaran pada harga pasaran. Terpulanglah kepada pemohon untuk membuat permohonan dikurangkan kerana tanah yang telah dirampas balik oleh kerajaan pun kerana tak bayar cukai tanah terpaksa dimohon oleh tuan tanah semula dan dikenakan bayaran atas kadar harga pasaran begitulah juga sebagai contoh tanah yang dimiliki oleh seseorang yang mana telah dibuat pembahagian mengikut faraid, diletakkan sebahagiannya kepada Baitulmal, waris terpaksa memohon kepada Majlis Agama Islam dan dikenakan syarat dibayar mengikut harga pasaran dan mereka boleh merayu untuk mengurangkan harga pasaran. Jadi bila dibuat pembelian dengan bayaran RM1 itu adalah tidak betul, dan saya harap tidak akan dilakukan lagi pada masa hadapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau Yang Berhormat nak ungkit perkara lama, yang pertama saya nak sebut dahulu apa yang diberikan kepada Yang Berhormat Bagan Jermal ialah bukan tanah-tanah yang sedia ada kerana asalnya adalah tanah dia, selepas itu tanah ini dihakis oleh laut dan apabila hakisan semula dilakukan tanah ini kembali balik kepada beliau so, dalam aspek ini apa yang dia miliki diangkat oleh laut selepas ini laut berikan balik. Ini macam kita cakap dalam Bible ataupun dalam buku suci, kitab suci, *God Take and God Give, God Take Away and God Can Return you Back*. Apa yang diangkat oleh Tuhan boleh diberikan balik oleh Tuhan dalam sini ialah asalnya milikan Y.B. daripada Bagan Jermal, lepas itu apabila proses tadi berlaku dia dikembalikan dan pembelian adalah seperti pada asalnya.... (gangguan). Kalau nak cakap tentang pasaran semula kita boleh tanya tentang Safira Golf Club Seberang Jaya. Boleh juga kenapa tidak dikira berkaitan dengan pasaran semasa. Sekarang Safira Golf Club Bandar Seberang Jaya, kadar pajakan 1 Jun 1990 kepada 31 Mei 1995, RM34 ribu, daripada 1995 hingga 2000, RM37 ribu, daripada 2000 hingga 2005 RM56 ribu, daripada 2005 hingga 2010 RM84 ribu bukan satu bulan satu tahun. RM84 ribu satu tahun untuk keluasan tanah seluas 302 ekar, so saya rasa kalau kita nak cakap pasal pasaran semasa kita boleh sebut tentang Safira Golf Club, tapi tak apalah saya

rasa itu pun sudah lepas, itu pun saya tak mahu ungkit lagi, tapi kalau kita nak ungkit pasal pasaran semasa kita pun nak tanya mengapa kita tak gunakan nilai yang sama mengikut pasaran semasa.

Ahli kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sila.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Penjelasan. Saya rasa Y.A.B dari Air Puteh tak faham dasar sebab beliau menyebut tentang prinsip "*Principle On Bay*", kita bercakap tentang prosedur, prosedur tu tak kena kerana walaupun tanah sendiri yang tanah yang dirampas oleh sebab tak bayar hasil pun tanah sendiri bila dibuat permohonan semula hendaklah dinilai mengikut kadar pasaran, kemudian bolehlah dibuat pengurangan, selepas dirayu ini prosedur dia. Nak bangkit-bangkit tentang Safira Golf Club ianya adalah telah pun dibuat mengikut prosedur dan kadar itu kena ambil kira bahawa tanah itu adalah tanah yang dizonkan sebagai rekreasi sahaja dan hanya pada *list* pajakan yang pendek jadi tidak boleh disamakan dengan tanah yang lain, itu tidak adil, *hilding the belt* ...(dengan izin). Itu bukan rasuah. Saya minta maaf. Jangan membuat tuduhan yang tak betul. Itu fitnah kalau kata rasuah. Minta maaf ya. Jangan cakap sapa punya. Sapa punya pun kalau kata rasuah itu telah merupakan satu tohmahan dan fitnah. Minta maaf. Minta maaf. Y.B. Tuan Speaker, itu tidak adil. Buktikan ada rasuah.

Y.B. Tuan Speaker:

Siapa yang sebut.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jangan buat tuduhan. Jangan cari pasal dengan saya. Berani boleh buktikan. Boleh buktikan jangan buat tuduhan. Apa "eh,eh,": Yang Berhormat. Apa "eh, eh" Yang Berhormat, cuba beradab, apa "eh, eh."

Y.A.B Ketua Menteri:

Saya nak sambung penggulungan saya. *You* nak lagi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Isu ini belum selesai.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, saya bagi tahu, memang saya tau kes ini daripada dulu lagi tanah dia dihakis oleh laut dan memang lepas tu tinggal sikit sahaja dan lepas tu ditambah semula jadi hak kerajaan. Saya setuju bagi balik, memang

RM1 pun saya setuju bagi. Memang kalau tanya saya bagi. Tapi cuma yang dipersoalkan oleh Y.B. tadi prosedur, memang sepatutnya dikenakan yang penuh, RM1 pun bagi la. Itu prosedur dia, jadi jangan lah kita pusing sana pusing sini nak jawab soalan, tak mahu mengaku yang kita silap tu. Kalau silap mengaku silap Yang Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Prosedur tak silap.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Y.B. Tuan Speaker, isu tentang tohmahan ada rasuah tadi belum diselesaikan. Saya minta Tuan Speaker buat satu ketetapan.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Telok Ayer Tawar, kita, adakah Ahli Y.B. yang menyebut rasuah tadi? Adakah? Cuma ada yang tak mengaku di sini. Jadi Y.B. Telok Ayer Tawar, saya nak minta sambung..

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya nak minta sambung. Kalau boleh cari siapa baru itu lepas itu bangkit lah. Tapi seperti yang tadi disebutkan Y.B. Telok Bahang, kita ikut prosedur, jadi Y.B. Telok Bahang pun tadi sebut. Kalau Y.B. Telok Bahang menyatakan perkara ini, Y.B. sendiri pun akan setuju. Kalau Y.B. setuju, apakah perbezaannya? Kalau ikut prosedur, itu memang ikut prosedur seperti mana yang ditetapkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Saya minta Ahli Padang Lalang tarik balik dan mohon maaf atas kenyataan beliau. Mengatakan bahawa ada rasuah tadi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Tuan Speaker, saya ingat tak boleh buat tuduhan begitu Y.B. Tuan Speaker.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Siapa yang sebut? Tolong jangan buat teka-teki la. Katakan sebut itu Safira, dengan tempoh pendek seperti Y.A.B. sebut punya, tempoh yang begitu panjang daripada tempoh yang pendek...(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat adakah menyebut?

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Saya tak bersetuju kata saya yang menyebut.

Y.B. Tuan Speaker:

Okey, tak ada.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Tolong lah carikan sapa yang menyebutnya. Jangan buat tuduhan. Tolong minta maaf.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) :

Y.B. Speaker, dia kena minta maaf kerana buat tuduhan. Tak boleh buat tuduhan begitu. Y.B. Tuan Speaker, Telok Ayer Tawar kena minta maaf.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker sendiri pun mendengar.

Y.B. Tuan Speaker:

Kita boleh *trace* siapa yang menyebut nanti. Kita akan cuba *trace* nanti kita akan siasat, cuma ada ahli yang tidak berani mengaku yang menyebut?

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta Y.B. Telok Bahang minta maaf dengan saya, sebab saya tak sebut. Minta maaf dulu. Jangan buat tuduhan sewenang-wenang, sesuka hati sahaja. Pastikan dulu.

Y.B. Tuan Speaker:

Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta disiasat, kalau tak ada siapa dalam Dewan ini yang mengaku, saya minta disiasat dan kalau betul dalam hansard ada *play back the tape* dan saya nak orang itu mohon maaf.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Tuan Speaker, tadi Y.B. Telok Ayer Tawar bangkitkan kata saya yang perlu minta maaf. Jadi di sini saya minta dia minta maaf dengan saya dulu sebab saya tak bersetuju, saya tak kata benda ini.

Y.B. Tuan Speaker:

Telok Ayer Tawar, mungkin boleh minta maaf.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Saya tak mahu minta maaf. Saya dengar macam dia. Saya pun tak tau.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Jangan kata macam dia saja. Kita kena pastikan dalam Dewan yang mulia ini.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Speaker, tadi Y.B. Speaker katakan akan *trace* balik daripada hansard ya. hansard itu akan mengatakan siapa yang tadi. Semua pihak tak mengaku sekarang. Semak balik hHansard untuk dapatkan buktinya.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Speaker, saya bersetuju seperti Y.B. Ketua Pembangkang sebut, kalau siapa yang kata yang meminta maaf, tapi sebelum pastikan siapa yang sebut, Y.B. Telok Ayer Tawar katakan yang saya kena minta maaf. Adakah ini sewenang-wenangnya begitu? Saya nak dia minta maaf dengan saya dahulu.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Padang Lalang, kita siasat dahulu dan kalau kita dapat, dah pastikan mereka yang menyebut, dan saya seterusnya Telok Ayer Tawar boleh meminta maaf. Adakah bersetuju?

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Okey, saya bersetuju.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya minta Y.A.B. Ketua Menteri teruskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dia macam, saya rasa ini macam *tape* Lingam la. *Seem like him, sounds like him, looks like him but his not him*. Kita tak mahu kes macam Lingam dekat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Kalau nak cakap panjang jangan la

minta jalan banyak, tanya yang bukan-bukan tak ada masalah, so itulah kalau kita berikan peluang sekarang nak panjang lebar. So kalau tak mahu saya rasa janganlah minta jalan banyak dan di sini saya rasa Tuan Speaker, seperti yang saya cakap semua prosedur semua prinsip yang ditetapkan memang dipatuhi.

Berhubung dengan persoalan tadi tentang peruntukkan 31 ekar di Bukit Minyak, untuk tapak perindustrian Halal Hub yang setakat ini terdapat 2 buah syarikat yang akan beroperasi di situ antaranya syarikat yang dinamakan Halal Gel. Inisiatif pelaburan dan peluang perniagaan juga di tawarkan kepada semua pengusaha khususnya golongan Melayu dengan menggalakkan penglibatan dalam sektor pembuatan dan penyihatan akan di teruskan. Ini boleh dilihat dengan menerokai pasaran baru di Timur Tengah dan Indonesia serta mempergiatkan penglibatan dalam industri pelancongan seperti program *homestay* dan kelompok ICT serta penubuhan Taman Halal di Bukit Minyak. Pulau Pinang bergerak ke arah menuju sebuah masyarakat yang antarabangsa yang dinamik tetapi perlu dikongsi dan dinikmati oleh semua warga di Pulau Pinang. Itulah hasrat di sebalik inisiatif Penang at Wireless yang ingin memberikan liputan WiFi ke seluruh pelosok Pulau Pinang dalam masa 2 tahun. Untuk memastikan semua berupaya untuk menikmati dan berkongsi perkhidmatan ini, ia akan diberikan secara percuma. Ini akan merapatkan lagi jurang-jurang digital di antara golongan berada dan tidak berada, golongan kaya dengan miskin, golongan yang duduk di kawasan bandar dengan golongan yang duduk di kawasan kampung. Saya percaya pelajar-pelajar kita akan menggunakan kesempatan yang diberikan oleh kerajaan negeri untuk menguasai ilmu pengetahuan, dan pendidikan komputer serta *Internet* agar pelajar paling cemerlang baik India, baik Melayu, baik Cina yang paling celik komputer adalah berasal dari Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, berkaitan dengan pelancongan seperti yang telah disebutkan tadi, pertambahan bilangan pelancongan daripada 5.1 juta orang pada tahun 2007 kepada 6.3 juta pada tahun 2008 amat menggalakkan tetapi kerajaan negeri tidak akan memandangi sepi pertambahan ini dan akan berusaha untuk meneruskan momentum kejayaan ini hingga ke tahap yang lebih memberangsangkan. Walaupun dalam berkeadaan krisis ekonomi dunia yang telah memberi impak yang negatif kepada negeri kita. Dasar pelancongan adalah berteraskan 3. Satu produk, dua *events* atau persembahan dan ketiga adalah pengalaman, *Endowments*(dengan izin) *product event and unique experience*. Kerajaan negeri perlu memperbaiki produk dan persembahan yang sedia ada serta memperbaikinya dengan nilai tambah yang unik dan semula jadi dan menyegarkan. Produk dan persembahan ini akan bercantum untuk memberikan satu pengalaman yang paling istimewa baik dalam aspek makanan, peninggalan warisan dan budaya ataupun keindahan alam sekitar agar pelancong-pelancong mahu kembali balik semula ke Pulau Mutiara ini.

Sebagai sebuah Bandar Warisan Dunia, pelbagai faktor yang perlu diberi perhatian merangkumi produk, program dan pengalaman akan diberi perhatian agar menjamin perkhidmatan yang ditawarkan adalah juga bertaraf dunia. Kita akan cuba mempromosikan 12 jenis produk yang mesti dimiliki oleh setiap pelancong yang berkunjung ke Pulau Pinang supaya mereka dapat membawa baliknya dan menjadi kenangan manis semasa mereka berada di sini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya juga ingin merujuk kepada beberapa soalan berkaitan dengan cadangan mendirikan sebuah Taman Harimau di negeri Pulau Pinang. Dan cadangan ini hanyalah dalam setakat perbincangan, perundingan dan juga penerimaan maklumat oleh pelbagai pihak termasuk NGO. Dalam aspek ini kerajaan memang bersikap terbuka dan sekiranya didapati tidak wajar maka, ia tidak akan diteruskan. Tetapi kita hendak meminta maklumat dari semua pihak. Dalam aspek ini yang paling penting dalam apa-apa cadangan untuk mewujudkan Taman Harimau iaitu khususnya penglibatan dari pihak swasta. Ia mesti memenuhi tiga pra syarat yang penting.

1. Ia adalah projek yang berbentuk PPP iaitu *Public Private Partnership* di mana kerajaan negeri akan memberikan tanah kepada pelabur swasta untuk memulakan operasi dan beban kos di tanggung sepenuhnya, di tanggung sepenuhnya oleh pihak swasta. Pihak kerajaan negeri tidak akan memperuntukkan sebarang bantuan kewangan. Tetapi di jangka akan menerima pendapatan dan juga mendorong penggunaan yang produktif terhadap tanah rekreasi simpanan untuk mengelakkan kegunaan tanah dan pertanian secara haram.
2. Lesen untuk memelihara harimau-harimau mestilah diperoleh daripada jabatan pihak berkuasa di Malaysia dan memastikan ianya setaraf dengan tahap atau *benchmark* perlindungan binatang liar dan pun pemeliharaan harimau atau *tiger conservation*.
3. Pelabur swasta yang bertanggungjawab ke atas projek ini mestilah memastikan keselamatan haiwan dan orang ramai atau manusia bagi mengelakkan haiwan ini melepaskan diri dan mencederakan kalau ada penduduk-penduduk setempat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat ADUN daripada Pengkalan Kota telah membangkitkan mengenai isu tuan tanah tidak mengetahui status tanah mereka dikenal pasti sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Tapak Warisan Dunia George Town mempunyai keluasan 259.42 hektar, yang mana, 109.38 hektar terletak dalam zon teras atau *core zone* dan 150 hektar lagi terletak dalam kawasan *buffer* atau kawasan mampat. Di dalam kawasan teras terdapat 1,715 buah bangunan dan 1,928 bangunan lagi terdapat di kawasan *buffer*. Angka ini tidak termasuk lot-lot kosong milik persendirian yang masih belum dimajukan. Dalam hal ini, pihak MPPP dan kerajaan negeri memang menyedari mungkin terdapat tuan-tuan tanah yang tidak mengetahui status tanah mereka yang sebenarnya telah termasuk dalam kawasan Tapak Warisan Dunia. Sebelum ini pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan negeri dan MPPP untuk memberi maklumat kepada masyarakat setempat mengenai status tersebut.

Hasil bancian, rundingan, dialog serta cadangan pengurusan Tapak Warisan Dunia ini akan didokumentasikan dalam satu laporan yang di panggil *Integrated Management Plan For World Heritage Site of Georgetown* dan dijangkakan siap pada penghujung tahun 2009. Kerajaan negeri menekankan

komitmen mengekalkan status Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Kerajaan negeri menghadapi tekanan tentang proses permohonan kerana kurang jelas apa yang sebenarnya berlaku. Sungguhpun tawaran dibuat dengan kerajaan lepas untuk berganding bahu membangunkan nilai warisan secara bersama ia ditolak kerana kerajaan lama lebih berminat bermain politik. Kerajaan negeri mengharapkan kerajaan pusat boleh tunjukkan komitmen yang sama dengan membangunkan kejayaan pengiktirafan UNESCO ini. Saya harap Yang Berhormat Menteri KEKWA yang baru sedar bahawa kejayaan kerajaan negeri memelihara, mempromosi dan melindungi George Town adalah juga kebanggaan Malaysia dan janganlah pula seperti menepuk air di dulang dengan menafikan peruntukkan RM50 juta yang telah dijanjikan ini.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah mempersoalkan peranan kerajaan negeri dalam membantu menyelesaikan masalah jenayah yang semakin meningkat di negeri ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan negeri berhasrat untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang selamat. Bukan sahaja selamat tetapi dirasai selamat oleh penduduk tempatan. Demi menjayakan usaha ini, kerajaan negeri telah meminta tambahan anggota polis dan mengadakan sistem pasukan peronda sukarelawan (PPS) bersama dengan rakan COP yang akan diuruskan oleh Y.B. Sungai Puyu. PPS ini membabitkan masyarakat dan kerajaan negeri. Untuk tujuan ini kerajaan negeri telah memperuntukkan RM1 juta untuk melicinkan operasi PPS. Kerajaan dan kerjasama dengan pihak polis....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Kerajaan pusat telah pun membayar bayaran yang sedemikian terus kepada KRT-KRT yang membuat rondaan. Jadi, adakah ini pembayaran bertindih atau pun tambahan lagi kepada golongan-golongan tambahan yang membuat rondaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tentulah kita harap bahawa kita boleh bekerjasama dan kita sedia bekerjasama. Tapi usaha PPS ini adalah untuk menambah peranan yang dimainkan oleh rakan COP. Kerana seperti yang dinyatakan oleh Ketua Polis Negeri, beliau menyatakan bahawa bilangan penyertaan rakan COP di Pulau Pinang adalah di antara yang paling rendah di Malaysia. Oleh sebab itu, ini adalah salah satu usaha kerana kita nak jodohkan atau kita nak tarikan teknologi yang canggih seperti memasang CCTV dengan rondaan penghuni dan penduduk setempat. Barulah kita boleh pastikan keselamatan. Dan kita masih menunggu 48 buah CCTV yang telah dijanjikan tahun lepas oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan adalah diharapkan bahawa pemasangan ini yang telah dijanjikan pada tahun lepas boleh di buat dengan secepat mungkin. Pada masa yang sama, kerajaan negeri juga bercadang untuk memasang sekurang-kurangnya 160 buah kamera CCTV tambahan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti oleh pihak polis sebagai tempat di mana atau tempat jenayah hitam. Dalam aspek ini, saya rasa dokumen dan prosedur telah pun disediakan oleh pihak berkuasa tempatan untuk menjayakan usaha ini tapi hanya selepas pemasangan CCTV dijalankan oleh pihak kementerian. Yang Berhormat Tuan Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, sila.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Nampaknya kerajaan negeri ada bermacam-macam program untuk menyelesaikan masalah dan kita berharaplah semua ini apa yang dikatakan itu dapat dilaksanakan dengan jayanya. Salah satu aspek yang saya perhatikan di Pulau Pinang ini, ialah, pada hujung minggu konsentrasi golongan pekerja-pekerja asing, iaitu, pekerja-pekerja asing berkumpul dengan jumlah yang besar. Sebagai contoh macam petang kelmarin di kawasan apa jalan Gama tu, Brickfields tu, jalan apa tu? Tak kurang daripada saya ingat 1000 orang Bangladesh ada di situ. Itu tempat tumpuan mereka. Begitu juga KOMTAR kalau hujung minggu, kita tengok Indonesian satu puak, Vietnamese satu puak menyebabkan kita rasa, lalu dengan kereta pun kita rasa bimbang. Pasal terlalu ramai takut tersentuh mereka ke, mengamuk ke, apa ke. Persoalannya, di sini apakah langkah-langkah kita bila golongan pendatang ini terlampau banyak? Apatah lagi golongan pendatang tanpa izin. Tadi saya tengok Yang Berhormat Perai tak sentuh pun yang pendatang tanpa izin ini. Dulu jawapannya dia kata, dulu ni, ialah penggal pertama dulu, sidang yang pertama kata nak panggil imigresen lah, semua ini datang, kata nak buat operasi. Tapi sampai sekarang ini tak ada apa lagi termasuk dengan China Doll yang penuh tu. Menggalakkan lagi kes-kes jenayah. Saya tak kata mereka tu jahat. Tapi bila dah terlalu ramai daripada sesebuah negara itu, membimbangkan rakyat tempatan sendiri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, terima kasih. Saya rasa tentang itu masalah PATI ini memang di bawah tanggungjawab Jabatan Imigresen dan juga bersama dengan pihak polis. Saya rasa kita pun telah menyampaikan masalah ini kepada pihak berkenaan dan kita harap kita boleh dapat tambahan anggota untuk mengawal perkara ini. Tentulah saya rasa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat memang dalam perhatian kita. Kita boleh sama-sama menyampaikan atau membentangkan ini kepada pihak berkenaan.

Saya ingin menyambung berkaitan dengan isu tanah, kerajaan negeri telah berjaya meningkatkan kutipan hasil daripada cukai pintu sebanyak RM103 juta pada tahun 2008 berbanding RM94 juta pada tahun 2007. Kenaikan sebanyak 96.6% kutipan hasil daripada cukai tanah ini merumuskan keyakinan rakyat kepada kerajaan negeri bahawa yang dikutip akan digunakan demi kepentingan rakyat seperti kejayaan membasmi miskin tegar. Yang Berhormat ADUN Batu Uban telah membangkitkan mengenai tindakan Pejabat Tanah berhubung isu tapak pondok MCA berhampiran Pasar Awam Batu Uban yang telah tamat tempoh pajakan di mana berdasarkan semakan yang di buat didapati lot terlibat merupakan tanah kerajaan dan pernah dikeluarkan lesen pendidikan sementara atau TOL untuk digunakan sebagai Pusat Perkhidmatan MCA. Tetapi, telah pun dibatalkan TOL pada tahun 2008. Pembatalan ini di buat bersama-

sama dengan lot bersebelahan untuk tapak dewan gimnastik. Memandangkan TOL dengan MCA telah dibatalkan.

Notis pengosongan tapak akan dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah Daerah Timur Laut. Skandal pembinaan yang melibatkan kes tanah Tang Hak Ju, pada penggal lepas mengakibatkan kehilangan besar kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan negeri menerima perintah mahkamah yang mengarahkan kerajaan negeri mendepositkan wang berjumlah RM14.7 juta, 50% daripada kos ganti rugi pampasan ini di tuntutan. Ini adalah sesuatu yang amat berat dan walau pun kes ini masih dalam proses rayuan, namun kerajaan negeri juga terpaksa menurut perintah mahkamah dan memohon kepada mahkamah dan kalau boleh untuk memberikan sedikit kelonggaran. Dalam aspek ini, wang yang begitu banyak ini tentulah adalah sesuatu yang harus diperjelaskan. Mengapa kehilangan yang sedemikian boleh berlaku? Dan saya berharap bekas Timbalan Ketua Menteri, mungkin Yang Berhormat Ketua Pembangkang boleh sampaikan kepada beliau, bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dato' Abdul Rashid Abdullah bolehlah bekerjasama dengan usaha usul periksa perkara skandal tanah ini. Dan tidak cuba lari daripada menghadiri proses siasatan yang sekarang diusahakan oleh satu jawatankuasa khas yang di pimpin oleh Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang sekarang ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sila.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Bukankah saya rasa ianya ditakrifkan sebagai bukan skandal kerana kemungkinan pada masa penghakiman di buat, representasi daripada Jabatan Undang-Undang tidak hadir kemudian timbalannya tidak hadir dan sebagainya, maka, penghakiman di buat. Adakah itu benar? Saya tak tau, itu yang di cerita di luar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah saya rasa yang jadi masalah. Angka ini angka siapa. Angka ini timbul daripada kerajaan yang lepas dan sekarang pula dipersalahkan pula ialah Pejabat Penasihat Undang-Undang. So, bila kita melihat perkara ini kepada Y.B. L.A., dia tidak betul-betul tidak suka hati. Tentulah dia tidak boleh utarakan perasaan tidak senang hati sekarang tetapi dia benar-benar tidak senang hati kerana mengikut beliau ada hadir tetapi dibuat seperti tidak hadir, dibuat seperti pihak L.A. yang salah tetapi yang kena lihat mengikut beliau ialah siapa yang menimbulkan kes skandal tanah ini. Siapa yang melakukan kesalahan ini, siapa yang melakukan kesilapan ini. Y.B. Telok Bahang pun sendiri akui pada sesi yang lepas, beliau silap. Saya memuji kebenaran beliau, beliau silap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Saya tidak kata saya silap. Sebenarnya apa yang berlaku semasa saya jadi Pengerusi Tanah dan laporan yang diterima adalah daripada yang menyiasat dan didapati memang tanah itu adalah tanah kerajaan. Jadi tidak timbul dan sebab itu saya buat pembetulan. Itu yang kata dekat saya mengaku adalah Y.A.B. Ketua Menteri, bukan saya. Saya kata berlaku di masa saya oleh kerana kesilapan salah laporan daripada pihak pegawai. Itu sahaja dan memang didapati ada kesilapan yang bukan sengaja, memang silap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau kita rujuk balik kepada handsard, Yang Berhormat telah nyatakan dengan jelas kesilapan kita mesti akui. Saya rasa apa salahnya kalau akui silap. Seperti tadi bila kita silap tentang itu jawapan yang diberi kepada Y.B. Sungai Dua. Kita akui dan kita maaf tetapi kerana ia tidak mengakibatkan kehilangan kewangan maka Y.B. Sungai Dua terima. Betul kah, ya betul dia terima tetapi di sini sungguh pun mengakui kesilapan, tidak minta maaf. Tidak mengapa, tidak minta maaf, tidak mengapa. Tidak mencari jalan bagaimana kita boleh membayar, bantu membayar RM29 juta wang pokok dan tambah faedah RM40 juta. *What's say you.*

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Y.B. Tuan Speaker, saya ada menyebut tadi bahawa saya tidak menyatakan itu kesilapan saya dan yang saya sebut adalah bahawa ianya berlaku masa saya. Itu yang kesilapan dalam kesilapan laporan oleh pegawai yang berkenaan. Itu satu dan yang kedua, saya hendak bangkit tadi tentang, kalau Y.A.B. Ketua Menteri boleh pusing-pusing saya pun hendak pusing juga sedikit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak pusing, hanya pusing sahaja.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Y.A.B. Ketua Menteri pun suka pusing, saya pun hendak pusing sedikit, saya pun tidak mahu belajar, tidak mahu ikut cara dia tetapi oleh kerana kesempatan ini, saya hendak pusing sedikit. Boleh. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri kata berlaku kesilapan tentang dua, tiga perkara tadi. Dalam masa setengah jam saya dengar tiga kali silap. Itu kesilapan tidak mengapa tetapi kalau kesilapan sebagai pengerusi tender, bagaimana. Tiada tempat hendak rujuk. Kalau kesilapan sebagai Pengerusi Lembaga Tender Negeri, bagaimana. Ini saya hendak tanya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini Y.B. Telok Bahang ini pula satulah. Tadi cakap sudah silap, pegawai silap, okey. Pegawai silap tadi saya cakap mana sistem akauntabiliti. Akhirnya Y.B. Telok Bahang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tanah mesti bertanggungjawab sungguh pun bukan secara langsung tetapi dari segi akauntabiliti mesti bertanggungjawab. Tidak minta maaf pun. Tidak dengar satu

kali minta maaf pun hanya akui kesilapan sahaja tetapi tidak minta maaf. Tidak minta maaf, adakah ini sikap Barisan Nasional. Buat kesilapan dan tidak minta maaf. Ini saya hendak tolonglah, hendak tolong tidak mengapa nanti saya bantu, biar saya habis dahulu.

So, yang kedua, kalau pegawai itu salah, mengapa tidak ambil tindakan ke atas pegawai itu dan itu yang kita hendak tanya. Bila kita semak balik tidak dapat kerana usaha telah dijalankan sudah lepas begitu sahaja. Saya rasa itu adalah tidak betul sama sekali. Sila Y.B. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Terima kasih dan yang saya tahu selepas 2004 saya telah pergi ke Kuala Lumpur. Kemudian kerajaan selepas itu tindakan telah diambil ke atas pegawai itu secara pentadbiran. Kalau maklumat yang saya dapat tepat secara pentadbiran. Maknanya tindakan telah dibuat. Kalau kita hendak salahkan pegawai itu secara total tidak boleh juga kerana maklumat yang ada pada dia adalah maklumat yang dia beri laporan. Apabila tanah itu diserahkan kepada orang lain kepada Mr. Tan ini barulah timbul pemilik yang sebenarnya timbul, datang dan beritahu ini adalah tanah dia. Itu jadi, tidak tahu mana yang silapnya sebabnya itu saya dan hari ini memang saya cukup marah kalau memang laporan yang tidak tepat itu berlaku. Memang saya cukup marah.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya hendak tamatkan tentang kes Mr. Lee di mahkamah dan masing ada ruang untuk *renew*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ya, sekarang sedang dibuat di mahkamah, Y.B. Tuan Speaker. Ia ada berkaitan dengan kuantum dan bukanlah dengan merit. Merit telah lepas. Ini hanya tentang kuantum berapa kita bayar sahaja. Bukan lagi berkaitan dengan merit. Tadi Yang Berhormat cakap, lagi cakap lagi keliru. Awalnya cakap silap tetapi sekarang pula tadi tidak boleh salahkan dia habis. So, benar-benar pegawai silap atau Yang Berhormat silap. Itu yang buat kita keliru dan saya tidak mahu berpanjang lebar kali ini kerana lagi cakap nanti pula cakap bukan Yang Berhormat yang silap, kita pula yang silap.

Yang Berhormat, Ketua Pembangkang..... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tadi cakap tidak boleh cuma saya pun tidak mahu cakap panjang kata sudah kes mahkamah. Cumanya tadi saya terdengar Y.A.B. Ketua Menteri

mengatakan minta tolong bekas atau mantan Y.B. Timbalan Ketua Menteri, Dato' Sri Rashid. Dalam kes ini, saya tidak sebut pun nama Y.B. Dato' Sri Rashid. Wakil Y.B. Telok Bahang yang dia kata zaman dia, apa kaitnya dengan Y.B. Dato' Rashid pula kerana Y.A.B. Ketua Menteri kata suruh saya pergi tolong panggil dia, buat perjumpaan dan sebagainya dan yang mana satu ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dua-dua sekali.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tidak bolehlah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita mesti dua-dua sekali kerana kelulusan semasa Y.B. Telok Bahang dalam proses mendapat membuat penemuan bahawa ada skandal, ada penipuan berlaku semasa Y.B. Dato' Rashid bin Abdullah.

Y.B. Tuan Speaker:

Jadi cukuplah kerana kes masih lagi mahkamah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan, ini kes merit dan sekarang kuantum, lain.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau kata ada skandal, ada penipuan, itu tidak betul. Tadi pun Y.B. Telok Bahang sudah mengaku kata ada kesilapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini buat perakuan secara bersyaratlah. Selepas kesilapan tidak habis, tidak boleh salahkan semua, kita pun keliru.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kawasan Air Putih ini hendak menggunakan perkataan(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tiada, tiada. Ini peluang saya dan saya beri kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Gunakanlah baik-baiklah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tidak, saya kata saya tidak boleh guna itu sebagai skandal, rasuah dan sebagainya. Kata skandal digunakan tadi. Ini tadi diakui kata kesilapan dan cari jalan bagi betul. Jangan tuduh sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini skandal RM40 juta, bukan skandal? Saya pun terkejutlah, sampai tahap mana boleh jadi skandal.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Azhar bin Ibrahim):

Kesilapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kesilapan skandal RM40 juta bukan skandal. Saya pun geleng kepalalah, sudahlah. Itu pun pandangan berlainan daripada Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Sampai tengah malam pun tidak habis hari ini Y.B. Tuan Speaker.

Y.A.B. Ketua Menteri:

So, saya pun hendak habiskan hujah iaitu selain daripada meminta mantan Y.B. Timbalan Ketua Menteri pun harap bahawa bekas Ahli EXCO, Dato' Dr. Teng Hock Nan bolehlah sama-sama bekerjasama dengan Jawatankuasa Siasatan ECXO yang kini dipengerusikan oleh Y.B. Timbalan Ketua Menteri II. Dalam aspek ini saya minta jasa baik Yang Berhormat Ketua Pembangkang kerana Y.B. Dato' Rashid enggan datang, ingkar dan enggan datang. Tidak tahu apa yang hendak disembunyikan kerana saya selalu *percaya he has nothing to hide, he has nothing to fear. If he something to hide, he has everything to fear.* Y.B. Tuan Speaker, (gangguan)

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, boleh sedikit sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Boleh.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Jadi, kalau mungkin dijemput secara rasmi. Kemudiannya kalau dibuat sebagai skandal, itu orang sakit hati tahu tidak. Kalau dijemput datang untuk berunding, bincang mungkin mereka terima tetapi lagi kalau Y.A.B. Ketua Menteri asyik kata skandal-skandal ini, perasaan sakit hati sebagai manusia juga harus diambil kira. Saya boleh tolong tetapi saya tidak jamin kalau mereka tidak datang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya terima kasih pandangan Yang Berhormat Ketua Pembangkang, mungkin bekas mantan Timbalan Ketua Menteri sakit hati tetapi yang lebih sakit hati ialah rakyat Pulau Pinang, RM40 juta terbang. Itu lagi sakit hati, macam mana pula perasaan rakyat 1.5 juta Pulau Pinang. Adakah ia diambil kira.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Penjelasan. Kalau kita ikut sistem komunisme, *a person is guilty unless proven innocent*. Kalau ikut sistem demokrasi *a person is innocent unless prove guilty*. Jadi bekas Ketua Menteri tidak bolehlah dituduh terlibat dalam skandal kerana belum ada bukti-bukti yang menyatakan sedemikian dan ada juga *statement* yang menyatakan kemungkinan kesilapan dilakukan oleh pegawai yang berkenaan. Jadi kalau hendak menyelesaikan masalah, ketepikan sedikit tuduhan-tuduhan dan panggil secara elok. Marilah kita bincang mungkin ada hal-hal tertentu. Apakah salahnya demi kepentingan rakyat.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Dalam siasatan kes Tan Ah Choo ini, kita telah panggil beberapa orang untuk siasatan. Ini siasatan kita tidak tuduh siapa-siapalah termasuklah Y.B. Telok Bahang dan dia beri kerjasama yang saya rasa baik dan kita juga bincang. Baru-baru ini kita telah hantar surat pertama oleh Urus setia Jawatankuasa ini supaya memanggil Y.B. Dato' Rashid untuk siasatan. Bukan kita mahu siasat dia beri keterangan dalam kes ini tetapi kita tidak dapat apa-apa jawapan. Kemudian saya menulis surat kepada Y.B. Dato' Rashid dan baru-baru ini saya dapat surat bahawa bukan dia kata dia tidak mahu datang sebab dia kata tidak ada maklumat. Sebenarnya, maklumat ini mungkin ada sedia ada. Walaupun dia tidak katakan secara langsung dia tidak akan hadir tetapi apabila *you* baca surat daripada Y.B. Dato' Rashid, memanglah dia tidak akan hadir. Itu *message* yang kita dapat terbaru ini. Inilah saya mahu beri sedikit penjelasan. Bukan kita mahu siasat dia tetapi mahu membantu siasatan kita seperti Y.B. Telok Bahang dan juga seperti pihak-pihak lain. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, berpaling kepada isu urusan hak milik strata oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN daripada KOMTAR, di Negeri Pulau Pinang sentiasa di hadapan berbanding dengan negeri-negeri lain berkaitan dengan urusan hak milik strata. Mengikut rekod sehingga 31 Mac 2009, bilangan permohonan hak milik strata yang diterima ialah sebanyak 1,548 skim yang melibatkan 174,952 petak. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,382 skim telah pun diselesaikan yang terdiri daripada 144,808 petak. Terdapat masih lagi 166 skim yang masih lagi berbaki melibatkan 30,144 petak. Bagi menyelesaikan masalah pertikaian di antara pemilik petak dengan perbadanan pengurusan atau *management corporation*, kerajaan negeri telah pun menubuhkan Lembaga Hak Milik Strata dan sedang dikemaskinikan perjalanan bersesuaian dengan pindaan Akta Hak Milik Strata.

Mengenai penubuhan JMB (Joint Management Body) saya percaya tindakan yang sama telah diambil oleh MPPP dan MPSP yang menjalankan penguatkuasaannya berlandaskan kepada akta, bangunan dan harta bersama.

Berkenaan dengan soalan harga sebenar setiap unit pembinaan rumah kos rendah berdepan lot-lot banglo, projek perumahan PDC di kawasan ini mempunyai 204 unit rumah pangsa kos rendah dan 510 buah unit rumah pangsa kos sederhana rendah. Harga penjualan unit-unit perumahan ini adalah mengikut ketetapan kerajaan negeri iaitu RM42,000 setiap unit bagi rumah kos rendah dan RM72,000 seunit bagi rumah kos sederhana rendah. PDC akan mohon penetapan harga dan senarai pembeli kepada kerajaan negeri apabila penjualan hendak dilaksanakan kelak.

Y.B. Tuan Speaker, Y.B. Sungai Acheh ada meminta penjelasan tentang pembinaan masjid di dalam pelan pembangunan Batu Kawan. Sememangnya dalam pelan perancangan PDC dalam pelan induk Batu Kawan telah dirancang dua tapak masjid dan sebuah tapak perkuburan untuk penduduk Islam. Cadangan ini telah dirujuk dan dipersetujui oleh Majlis Agama Islam pada tahun 1996 lagi dan pembinaan masjid-masjid tersebut akan dibuat oleh PDC apabila terdapat keperluan. Pada masa ini pembangunan Batu Kawan hanya berpusat di fasa 1 sahaja. Penduduk –penduduk di kawasan fasa 1 telah mendapat kemudahan masjid sedia ada iaitu di kawasan Masjid Batu Kawan yang berkaitan. Merujuk kepada soalan tentang pembinaan Muzium Buddha di Batu Kawan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Sungai Acheh, di dalam pelan induk Batu Kawan tidak terdapat cadangan tersebut. Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Seberang Jaya berkenaan isu penyelenggaraan flat di Seberang Jaya, yang lemah oleh PDC. PDC telah membina 15 projek perumahan bertingkat di kawasan Bandar Seberang Jaya. Setakat ini sebanyak 8 projek yang mengandungi 31 Perbadanan Pengurusan telah ditubuhkan dan telah diserahkan kepada *Management Corporation* masing-masing untuk penyelenggaraan manakala sebanyak 7 projek yang mengandungi 13 *Management Corporation* masih belum diserahkan dan penyelenggaraan masih di bawah tanggungjawab PDC melalui anak syarikat PDC iaitu PDC Setia Urus Sdn. Bhd (PDC SU). Pihak PDC dan PDC SU selaku pengurus bangunan sentiasa mengambil berat tentang masalah yang timbul dan berusaha untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memperbaiki kerosakan yang diadakan. Namun begitu, bagi setengah pemasalah pembaikan, tindakan penyelesaian tentulah memakan masa. Kerajaan negeri juga sentiasa peka terhadap isu pembangunan wanita.

Walaupun setakat ini belum ada publisiti yang banyak terhadap usaha yang dirangka kerajaan negeri bangga bahawa kita telah berjaya pada 5 Januari 2009 menubuhkan Pusat Penjagaan Kanak-kanak di Padang Tembak. Ini telah membantu banyak keluarga yang berpendapatan rendah. Pada masa yang sama kerajaan negeri juga telah mendirikan Pusat Perkhidmatan Wanita di Seberang Perai pada 19 Januari tahun ini yang berfungsi untuk memberikan perkhidmatan kaunseling dan bantuan kepada golongan yang menghadapi masalah keganasan keluarga sebagaimana yang dinyatakan oleh Y.B. Puan Ong Kook Fook atau Y.B. Berapit, peruntukan untuk hal ehwal wanita pun telah ditambah sebanyak dua kali ganda daripada RM200 ribu kepada RM600 ribu. Mengenai alam sekitar kerajaan negeri telah mengadakan pelbagai program... (Gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, saya pun hairan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri jawab dia gulung semua portfolio habis, masjid lah, rumah khas strata *title* lah, hal wanita lah, alam sekitar lah. Yang EXCO ini jawab apa kelmarin pun tidak tahu. Adakah Yang Amat Berhormat tidak percaya kepada EXCO-EXCO yang portfolio masing-masing itu harus jawab, (gangguan)... tak apa eh! Apa pula, dah sungguh jawablah portfolio Yang Amat Berhormat, ini semua sekali, saya pun tidak retilah.

Y.A. B. Ketua Menteri:

Saya ingat Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendak cari pasallah. Kalau hendak cari pasal, bila kita tidak sebut kena kritik, bila sebut pun kena kritik, buat apa-apa pun tidak betul lah, so kalau hendak berikan satu kritikan biarlah ia membina, bukan bila saya sebut tentang masjid tadi, bila berkenaan dengan PDC. PDC ialah di bawah pengurusan saya dan Yang Berhormat Sungai Aceh tadi pun tidak bising, bila saya jawab dia mengganggu kepala, kenapa pula Yang Berhormat Ketua Pembangkang pula hendak bising?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya melihat tadi, okey lah PDC.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okeylah kalau tidak puas hati adakah Yang Berhormat Sungai Aceh tidak puas hati? Saya jawab kepada dia atau lain kali dia tidak mahu saya jawab kepada dia.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sila.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kalau PDC buat masjid semua okey di bawah portfolio PDC tetapi kalau wanita ini, alam sekitar ini, *strata title* ini, jadi saya tidak fahamlah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Ketua Pembangkang saya cakap tentang wanita satu setengah minit sahaja pun tidak boleh. Ini menunjukkan kita sayang kepada golongan wanita, itu pun kita kena kritik. Satu setengah minit pun tidak boleh dan tentang alam sekitar pun satu setengah minit. Saya rasa janganlah, janganlah kalau Ketua Menteri hendak tunjukkan kita sayang kita punya isteri, sayang kita punya ibu, sayang kita punya adik perempuan, takkan satu setengah minit pun tidak bagi kepada saya berucap. Saya rasa(ketawa), ini yang Berhormat(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Tuan Speaker minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Janganlah, janganlah nanti Yang Berhormat Ketua Pembangkang bising pula.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Sikit sahaja berkait dengan saya, sedikit sahaja okey, saya cuma hendak tanya tentang Muzium UDA. Mengikut Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sebut tidak ada perancangan tetapi soalan saya adakah pihak PDC membuat penjualan tanah untuk tujuan itu, bukan perancangan tetapi penjualan tanah PDC kepada satu syarikat untuk tujuan itu?

Y.A. B. Ketua Menteri:

Ini Yang Berhormat saya cakap terus terang kerana tidak ditanya tadi saya kena semak kerana saya tidak ikut semua proses penjualan tapak tanah tetapi mungkin perkara ini dijawab bila hendak buat permohonan akan diluluskan oleh Yang Berhormat daripada Padang Kota kerana ini di bawah urusan beliau sebagai Pengerusi MPPP. Saya tidak mahu cakap panjang lagi nanti Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak suka. Tentang alam sekitar, saya rasa di sini apa yang kita sangat mengambil berat ialah tentang penanaman pokok. Seperti yang saya selalu tegaskan bahawa penanaman pokok adalah sangat penting dan di samping itu selain daripada penanaman pokok yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri khususnya dalam bentuk *cherry blossom*, kita pun ambil berat tentang rawatan kualiti air sungai menerusi sistem EM Mark Bosch dan dalam aspek ini kita tidak boleh nafikan bahawa salah satu punca pencemaran sungai ialah pembuangan plastik, beg-beg plastik bahawa usaha ini kita telah adakan satu forum berkaitan dengan beg-beg plastik dan telah mendapat pandangan daripada penyokong dan penentang. Kita akan kumpulkan maklumat data ini untuk membuat pendirian tentang kedudukan penggunaan beg-beg plastik supaya ia tidak membawa pencemaran yang lebih kepada sungai dan juga alam sekitar.

Yang Berhormat Tuan Speaker, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Tanjong Bungah, perkara mengenai *freedom of information Committee*, kerajaan negeri telah dinasihatkan oleh Yang Berhormat Penasihat Undang-undang Negeri ianya adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan dan bukan bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun kerajaan negeri masih menerokai perihal perundangan dan juga menggariskan garis panduan yang tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan dan kuasa Kerajaan Pusat. Satu Jawatankuasa Kebebasan Maklumat CAT masih menjalankan kerja berkaitan dengan perkara ini yang dipimpin oleh Ahli EXCO Yang Berhormat daripada Batu Maung. Kerajaan negeri juga telah mengambil inisiatif berkaitan dengan WiFi kerana juga mendapat aduan yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Bungah tentang keselamatan atau ancaman kesihatan orang ramai kalau mendapat liputan di seluruh Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan WiFi dan

perlu ditegaskan bahawa *World House Organization*, sendiri telah menyatakan telah mengeluarkan kenyataan bahawa liputan WiFi adalah selamat.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sungai Dua lagi, Y.B. Tuan Speaker, hendak tangguh?

Y.B. Tuan Speaker:

Ada banyak lagi?

Y.A. B. Ketua Menteri:

Ada beberapa perkara lagi nanti kalau saya tidak buat, nanti pula.... (gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Kalau begitu, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan kita tangguhkan. Dewan akan kita sambung semula pada jam 2.30 petang ini.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.25 tengahari

Dewan bersidang semula pada jam 2.35 petang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Tuan Speaker, peraturan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin minta keputusan daripada siasatan yang dijalankan tadi Y.B. Telok Ayer Tawar katakan saya ada kata satu perkataan yang tidak patut saya kata. Tadi, keputusan hansard apakah keputusan?

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih Padang Lalang. Saya akan membuat pengumuman seperti yang dijanjikan. Saya akan beri pengumuman tentang hasil siasatan. Sebenarnya pertuduhan sebutan rasuah itu ada disebut di dalam Dewan ini dan bagaimana pun oleh kerana Ahli Yang Berhormat itu tidak menggunakan mikrofon dan CCTV kita tidak dapat fokus dengan tepat jadi kita tidak dapat bukti *point* siapa. Apa yang saya kesalkan ialah kalau kita sudah sebut perkataan itu sepatutnya kita berani bangun dan mengaku bertanggungjawab. Ini kita sebut tetapi kita tidak berani bertanggungjawab atas sebutan itu.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Tuan Pengerusi, tuduhan saya hendak menggunakan peraturan 46 (13) maksudnya menuduh seorang ahli yang lain mempunyai niat yang tidak baik, menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati dan saya minta ini dikenakan unsur-unsur yang tidak tepat itu unsur yang mengesyaki supaya sesuatu rayuan itu dibenarkan atau dicetak atau dirujukkan kepada sebuah jawatan atau pun ditolak dan melalui satu jawatankuasa yang hak dan kebebasan supaya menjalankan siasatan ini sebab saya memang tidak mengatakan ini dan seperti Y.B. Tuan Speaker kata siapa yang berani kata siapa yang cakap berani tanggung tetapi tuduhan yang secara tidak benar saya rasa Y.B. Telok Ayer Tawar dia pun kena meminta maaf dengan saya di Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker, Y.B. Telok Ayer Tawar bukan seorang wakil saja dari tempatan dia juga seorang peguam yang begitu yang profesional dan berbakat. Pandangan saya, kalau saya memang bimbang kalau saya rasa risau kalau seorang peguam selalu cakap atau buat tuduhan sebagai langsung tidak benar mungkin dia akan jadi seorang peguam yang tidak boleh dipercayai dan dengan ini saya harap rakan-rakan daripada parti pembangkang boleh membantu Y.B. Telok Ayer Tawar supaya dia tidak buat tuduhan kesilapan dengan sewenang-wenang.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Padang Lalang tadi saya sudah sebutkan kita tidak dapat membuat mengenal pasti siapa yang menyebut. Memang kita ada impak tetapi orang itu pun boleh menafikan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Permintaan saya cukup jelas. Saya tidak menyebut perkataan ini tetapi Y.B. Telok Ayer Tawar sudah menuduh saya katakan membunyikan perkataan ini dan di sini saya minta dia minta maaf kalau tidak tadi yang saya sebut itu pohon jelaskan dan diteruskan.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya tidak mahu panjangkan ini tetapi saya pulangkan kalau Y.B. Telok Ayer Tawar hendak minta maaf saya serah kepada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Y.B. Tuan Speaker, saya bertanggungjawab dengan apa yang saya cakap. Jadi kalau saya membuat tuduhan yang tidak tepat sebab Y.B. Padang Lalang sendiri telah mengakui. Tuhan saja mengetahui apa yang sebenar yang berlaku tetapi ramai kalau telinga saya saja yang dengar, telinga lain pun dengar, dalam *tape* pun ada. Jadi memang perkataan rasuah tadi sudah disebut mungkin bukan dari mulut Y.B. Padang Lalang. Kalau saya menyatakan beliau menyatakan dan itu tidak tepat saya mohon maaf.

Y.B. Tuan Speaker:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid):

Walau bagaimanapun Y.B. Tuan Speaker, perkara itu sudah berlaku dan ianya perkataan itu datang daripada *back benchers* bukan daripada pembangkang. Jadi ini juga menunjukkan satu sikap. Sikap daripada pakatan yang suka menuduh dan membuat tohmahan dan membuat fitnah. Kalau ada rasuah, sila buktikan dan dakwa. Sesiapa pun bersedia untuk menghadapi itu semua. Kalau betul itu semua. Itu saja.

Y.B. Tuan Speaker:

Okey, terima kasih. Jadi, saya tidak mahu panjangkan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Tuan Speaker, satu perkara.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tadi rakan saya daripada Telok Ayer Tawar telah sekarang memperbesarkan tuduhan di mana seluruh *back benchers* di tuduh sekarang. Saya memang tidak menyatakan itu dan saya minta dia tarik balik tuduhan.

Y.B. Tuan Speaker:

Cukup. Saya kata ini.....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

This is open(dengan izin). Semua jadi *suspect* sekarang. Saya tidak menyatakan mungkin boleh diperjelaskan perkataan kerana tadi *back benchers* secara keseluruhan di tuduh. Itu tidak tepat. Itu memang tidak tepat.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Datok Keramat terima kasih. Saya buat ketetapan di sini. Saya sudah buka peluang ini untuk bahas tentang siasatan yang kita buat. Saya hendak berhenti di sini. Pertuduhan Telok Ayer Tawar sudah minta maaf.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Yang di-Pertua, saya rasa Y.B. Telok Ayer Tawar itu dia cuma minta maaf secara tidak ikhlas. Dia kata kalau tetapi yang tadi dia tuduh saya bukan kalau. Jadi dia kata kalau saya kata ini tidak secara ikhlas. Minta dia meminta maaf

dengan ikhlas. Kalau berani sebut buat tuduhan sewenang-wenang mengaku minta maaf dengan ikhlas. Kalau tidak saya tidak bersetuju.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya hendak membuat ketetapan di sini, kita minta semua Yang Berhormat beri kerjasama kita hendak teruskan dan kita tidak mahu bincang. Selama ini, selama Dewan bersidang saya memberi kesempatan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat baik daripada pembangkang mahu pun pihak kerajaan untuk membahaskan dan terdapat banyak kali gangguan-gangguan. Saya tidak pernah menggunakan kuasa yang ada pada saya untuk meminta Ahli Yang Berhormat untuk keluar, tetapi kalau ini telah di salah guna saya tidak teragak-agak kalau terus melakukan gangguan macam ini. Jangan tuduh saya *bias* atau berat sebelah, saya akan meminta Ahli Yang Berhormat untuk keluar. Saya tidak mahu Dewan ini terlalu lama kita berbincang hanya tuduh menuduh. Tuduh menuduh kadang-kadang kita bangkit peraturan. Saya jarang hendak menggunakan buku peraturan bila saya gunakan buku peraturan maknanya terlalu berat dan saya akan terpaksa meminta Ahli Yang Berhormat itu keluar. Jadi saya hendak minta teruskan dan saya hendak menjemput Y.A.B. Ketua Menteri untuk menyambung penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak mahu lanjutkan itu perkara tapi ini saya harap apabila hendak menuding jari harap boleh ingat kalau tidak berasas empat jari lain akan menuding balik ke diri sendiri. Ini adalah berkaitan dengan Safira Golf Club Seberang Jaya.

Y.B. Tuan Speaker, menjawab soalan daripada Y.B. Sungai Dua berkenaan dengan isu pelantikan orang luar sebagai Timbalan Pengurus Besar PDC di mana Y.B. Sungai Dua sekali membuat tuduhan liar dan melulu bahawa dia ini adalah kawan rapat saya, *personal friend*. Tunjuk bukti mana *personal friend*. Timbalan Pengurus Besar, Julian Kandaya dilantik atas kebolehan dan kemampuan beliau dia bukan *personal friend* saya. Saya tidak pernah kenal dia. Dia lebih muda dari saya dia pergi Universiti Cambridge dapat *first class honors* dalam *manufacturing engineering* lepas itu dapat sarjana, master dari *Cambridge*. Ingat senang pergi *cambridge*? Ahli Sungai Dua ingat senangkah? Senang? Ha, senyum sahaja. Itulah kalau buat tuduhan liar dan melulu ini.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sila.

Y.B. Tuan Speaker:

Minta laluan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ya. Kalau bukan kawan Ketua Menteri bagaimana Y.A.B. Ketua Menteri boleh ambil dia bubuh situ kalau Y.A.B. Ketua Menteri kenal dia macam mana? Macam mana boleh kenal dia? Kenal dia *Cambridge* Universiti, macam mana boleh kenal? Siapa *recommmend* kepada Yang Amat Berhormat

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang akui bahawa bukan *personal friend* saya. Asalnya akui *personal friend*. Selepas kena cabar, tahu itu tuduhan tidak berasas. Yang Berhormat sudah berdosa. Yang Berhormat sudah lakukan tohmahan dan fitnah. Kalau balik, tanya Y.B. Pengerusi MNVV. Itu kesalahan dosa macam mana? Sendiri akui bukan *personal friend* dan saya di sini cakap bukan *personal friend* tetapi bila ia dicadangkan. Julian Kandaya bukan saja mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang dapat *first class honor* seperti yang saya cakap. Senang dapat *first class honor di University Cambridge*. Senangkah? Warga anak watan Pulau Pinang boleh dapat *first class honor*. Kita hendak orang-orang pandai tetap tinggal di Pulau Pinang. *You* cakap semua yang kita ambil semua *personal friend*. Mengapa tidak mempertikaikan bila kita angkat sama Puan Wan Zalina tidak perlu sebut pun dia *personal friend* saya. Bila kita lantik Dato' Rahim Uda sebagai Pengerusi Lembaga Rayuan tidak sebut pun dia *personal friend* saya. Mengapa macam itu? Mengapa ada *double standard*? Jangan buat tuduhan melampau, melulu, liar seperti ini tidak ada bukti jangan cakap kerana kalau tidak ada bukti cakap menunjukkan anda tidak bermaruah. Buktikan bahawa dia *personal friend* saya dari segi pendidikan lain. Dia *Cambridge University*, dia lebih muda dari saya dan dia pun selepas habiskan pengajian dia bekerja dengan semua syarikat antarabangsa kewangan, *credit swiss* semuanya kenal dia. Di mana saya rasa gaji dia pun lebih besar lebih banyak daripada saya berpuluh kali ganda. Sekarang kerana beliau hendak berkhidmat untuk Negeri Pulau Pinang, dia rehat seketika. Sungguh pun ada syarikat-syarikat kewangan tempatan hendak minta dia jadi pekerja dengan *six figures salary* satu tahun. Enam angka, dia tolak untuk berkhidmat dengan untuk tempoh sementara untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Dengan elaun berapa? Dengan elaun untuk perbelanjaan dia hanya satu bulan RM4,000.00. Boleh gaji seorang *first class honor dari Cambridge* yang dapat *master* dari *Cambridge* dengan RM4,000.00 sebulan. Bolehkah?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Saya mempertikaikan tentang cara pelantikan. Kita kalau hendak lantik Timbalan Pengurusan dia datang daripada pegawai-pegawai dalaman, ikut prosedur JPA, ikut pekeliling-pekeliling yang ada. Ini ambil bubuh macam itu, tohmahan tentu berlaku.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sekarang akui sendiri buat tohmahan. Tohmahan berlaku, sendiri akui buat tohmahan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Prosedur tidak betul.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa *no cure for you*.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ketua Menteri kena akui prosedur tidak betul.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mana prosedur tidak betul,.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

CAT tidak dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Mana CAT tidak dilaksanakan? Mana tidak betul? Prosedur mana tidak betul? Dari aspek mana tidak betul?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak ikut prosedur *government*, cara pelantikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bila kita buat *interview*, kita ambil yang baik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bila ada *interview*?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Interview yang dapat berikan sumbangan. Apa yang tidak betul? Saya hendak tanya Y.B. Sungai Dua. Kalau kita ada pemohon yang sedia berikan sumbangan untuk satu tempoh jangka masa yang pendek. Kalau Y.B. Sungai Dua ada rancangan *graduate first class honor from Cambridge*, ada *masters from Cambridge*, dapat gaji yang besar daripada semua syarikat kewangan antarabangsa, *credit swiss*, *u need it he's got it*. Boleh cadangkan? Boleh tidak?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sila.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tak kan pegawai-pegawai yang ada yang menunggu begitu lama untuk naik pangkat, tidak ada pengalaman, tidak ada kepakaran untuk melaksanakan tugas berkenaan. Takkan hendak ambil orang lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah. Bila saya tanya satu *you* jawab lain. Saya tadi sudah cakap ini untuk satu tempoh sementara. Takkan kita dapat mampu menahan dia begitu lama. Ia bukan panjang sangat kerana bila dia habiskan dia punya *national service* untuk Negeri Pulau Pinang, negeri tercinta beliau. Dia hendak bekerja supaya dia boleh dapat bayaran yang lagi lumayan. Ini pun hendak dipertikaikan sampai Y.B. Sungai Dua pun sendiri akui buat tohmahan. Saya rasa kena balik bertaubat betul-betul.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa tidak payah. Duduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya rasa kalau kita pukul orang, kita bagi *change* orang *back*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Bagi *change the back*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Duduk. Tidak payah....(gangguan). Mana ada takut. Duduk.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Laluan Tuan Speaker.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti saya habiskan dulu benda yang sama, saya akan bagi kepada Y.B. Sungai Aceh. Tadi saya jawab kepada Y.B. Sungai Aceh pun kena tegur daripada *you* kena ketua, tengok begitu baik saya layan sama Y.B. Sungai Aceh. *You* buat tuduhan liar macam mana? Di sini saya rasa amat kecewa kerana dengan kemampuan cemerlang begini. Saya ingin tegaskan beliau adalah seorang pelajar biasiswa kerana tidak mampu untuk pergi dengan perbelanjaan sendiri ke *University Cambridge* atau pun dapat master daripada

Cambridge University. Di mana beliau adalah pemegang biasiswa *Commonwealth Trust* dan juga Sime Darby. Ini adalah *national scholar*, dan kalau kita boleh dapat seorang *national scholar* untuk berkhidmat untuk tempoh sementara saya itu sesuatu yang kita hendak galakkan untuk Negeri Pulau Pinang. Di sini sekali lagi saya nyatakan berdasarkan garis panduan JPA individu yang mempunyai kelayakan dan kemahiran tertentu adalah dibenarkan dilantik di dalam perkhidmatan secara kontrak. Itu memang telah dinyatakan dalam JPA. Cakap JPA saya jawab JPA. Saya tidak faham mengapa pihak pembangkang perlu menimbulkan persoalan tentang pelantikan Encik Julian Kandaya seorang yang berbangsa India sebagai Timbalan Pengurus Besar I.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tetapi berdiam diri apabila kerajaan negeri melantik Puan Wan Zalina binti Mohd. Nordin seorang wanita sebagai pengurus besar investPenang dan juga tidak mempersoalkan tindakan kerajaan negeri apabila kami melantik Dato' Abdul Rahim Uda sebagai pengerusi Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang menggantikan tempat Puan Wong Hon Chin. Di sini saya hendak tegaskan saya tidak mahu pelantikan kerajaan negeri dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Kalau kita lantik seseorang adalah berdasarkan kemampuan, kebolehan dan juga kejayaan beliau dalam bidang masing-masing baik Dato' Abdul Rahim bin Uda, baik Wan Zalina, baik Julian Kandaya semua ini *best* belaka. Semua ini paling cemerlang dan kita amat bangga dapat Puan Wan Zalina, dapat Dato' Abdul Rahim bin Uda dan dapat Julian Kandaya. Itu yang kita hendak bina di Negeri Pulau Pinang bahawa kita sebagai negeri bertaraf antarabangsa. Kita ada pelajar yang paling baik, baik dia pelajar Melayu, pelajar India, pelajar Cina tidak kira asalkan dia pelajar paling baik berasal dari Negeri Pulau Pinang kita semua akan berasa bangga tetapi bukan sekadar mempersoalkan ini dan itu tidak asal usul itu tidak penting yang penting ialah kemampuan untuk memberikan sumbangan kepada kerajaan negeri dan warga Pulau Pinang. Sungai Acheh silakan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Saya punya soalan begini, biasanya bila ada kekosongan sesuatu jawatan sama ada di jabatan Kerajaan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan keluar iklan dan pemohon-pemohon boleh memohon mengikut kelayakan yang disebut di dalam iklan itu. Kemudian baru kita jalankan proses itu. Lazimnya ada budi bicara juga kita beri keutamaan kepada kakitangan atau pegawai yang sedang berkhidmat. Adakah proses ini berlaku?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itulah, sekarang *you* masih *missing the root the trees*. Ini punya masalah tidak boleh buat lonjakan minda, tidak boleh membuka pemikiran kita kepada konsep baru. Saya sudah cakap beliau tidak akan berkhidmat dalam tempoh masa yang panjang hanya masa yang pendek kerana kita tidak dapat bayar dia gaji yang lumayan, hanya RM4,000.00 saja. Ini pun untuk perbelanjaan. Apa

salahnya dengan seorang yang begitu berbakat dengan pengalaman yang begitu baik dan meluas antarabangsa? *We want international, international exposition. Can you please understand there?*

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Soalan saya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baik. Pulau Pinang memilih calon paling.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria):

Soalan saya, adakah proses situ berlaku? Itu soalan saya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Itu sebab saya sudah jawab itu untuk tempoh masa yang pendek. Ini secara kontrak bagi tempoh masa yang pendek. Kalau yang panjang betul seperti Yang Berhormat cakap tapi ini untuk tempoh masa yang pendek asalkan kita dapat manfaat daripada pengalaman beliau. Itu sebabnya saya menegaskan kerajaan Pulau Pinang memilih calon yang paling sesuai dan berkebolehan untuk jawatan di kerajaan tanpa kira kaum, tanpa kira agama, tanpa kira latar belakang politik pun asal dia boleh sokong sistem CAT kerajaan negeri Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Kami berharap semua warga Pulau Pinang yang berbakat akan mendapat peluang yang sama rata untuk satu masa depan yang lebih cerah dan saya yakin bahawa rakyat Pulau Pinang bukan sekarang bangsa termasuk rakyat Melayu, kita boleh jadi jaguh dunia bukan sekadar jaguh kampung kita nak jadi jaguh dunia kita ada banyak jaguh dunia berbangsa Melayu di Dubai. Tanya mereka mengapa tak mahu pulang ke tanah air yang mereka cintai ini kerana mereka rasa sistem seperti ini tak akan melayan dan memberi ruang kepada mereka itulah kenapa Barisan Nasional kalah teruk dalam *political* tsunami pilihan raya tahun lepas...(tepuhan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan-penjelasan. Bagi penjelasan sikit, bagi sikit penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tak mahu, *you* nak lagi ka. Kalau nak lagi saya rela juga.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya ingat Y.A.B. Ketua Menteri ni dia sedang mengalihkan pandangan kepada isu-isu lain dia bawa kepada benda-benda perkauman, kita tak bercakap perkauman pun tidak ada pun yang menyentuh tentang perkauman. Y.A.B. Ketua Menteri cuba mengalihkan isu yang saya bentangkan apa yang saya bahaskan. Prosedur pelantikan saya kata, pegawai-pegawai tidak ada peluang untuk naik pangkat kerana telah diambil oleh orang lain. Ini isu yang dimainkan, kenapa Y.A.B. Ketua Menteri bercakap dan menoleh saya ingat Y.A.B. Ketua

Menteri cuba nak alih dan saya ingat Y.A.B Ketua Menteri cepat marah. Janganlah marah, jawab elok-elok.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tak marah, saya hanya tegas saja, ketegasan ini mungkin Y.B. Sungai Dua ada perasaan bersalah anggap saya marah...(ketawa), itulah masalah sendiri, hati ada hantu punya pasal ...(tepuhan). Y.B. Tuan Speaker, saya sudah jelaskan tempoh waktu pendek berkali-kali saya tak mahu ulang lagi Y.B. Sungai Dua faham apa yang tersurat dan tersirat. Yang penting sekali kita lantik seseorang kerana kemampuan dan kita bangga dengan semua ini yang kita rasa yang paling baik, Y.B. daripada Air Itam saya cakap, lembaga rayuan bukan macam dulu lantik orang politik kita lantik orang profesional sungguhpun tak ada latar belakang politik sungguh pun sokong sama Pakatan Rakyat so itulah perbezaan di antara yang baru dan yang lama, itulah paradigma baru yang kita nak buka saya harap Y.B. Sungai Dua janganlah...(gangguan), duduklah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya cuma nak menekankan tadi Yang Amat Berhormat kata kita tak lantik orang politik kata Pakatan Rakyat tak lantik, saya ada bukti kata Pakatan Rakyat dalam lembaga PBA dia lantik orang politik jangan cakap macam ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini Lembaga Rayuan bukan PBA, saya cakap Lembaga Rayuan di mana kita mesti menghakimi sesuatu. Itu lain, tak akan tak faham mana sama itu lembaga rayuan nak menghakimi dan itulah sebabnya paradigma baru saya rasa itu Y.B. Sungai Dua mestilah membuka minda sedikit, kalau tidak nanti terkongkong dan juga mungkin tersangkut di situ saja. Tuan Speaker, dalam satu perkara lain, kegagalan bayaran bil elektrik kepada TNB melebihi RM1.1 juta oleh Syarikat *Distreet Colling System (DCS)* yang menghadapi kerugian sebanyak RM150 ribu sebulan sejak bulan Ogos 2008 telah menjejaskan bekalan air dingin kepada EON dan hampir 20 premis perniagaan yang lain termasuk Lembaga Hasil Dalam Negeri, Balai Polis, dan ibu pejabat MPSP.

Dalam mesyuarat pada 13hb Mac, TNB telah memberi amaran kepada DCS untuk memutuskan bekalan elektrik mereka pada 20hb Mac 2009, ini bermaksud semua pengguna air dingin dalam bandar PERDA termasuk agensi-agensi kerajaan akan menghadapi masalah kekurangan hawa dingin sekiranya ianya diputuskan mulai 20hb Mac 2009. Dalam kes ini, pihak berkenaan telah meminta bantuan daripada kerajaan negeri dan kerajaan negeri telah meminta secara umum bahawa perkara ini diselesaikan oleh PERDA kerana PERDA ada tanggungjawab sosial, ada tanggungjawab moral, ada tugas etika untuk memastikan perkara ini selesai. Dan saya menyatakan ia harus diselesaikan kerana di Aseana Mall adalah syarikat milikan penuh anak syarikat milikan penuh Aseana Development Sdn. Bhd. yang telah menandatangani surat perjanjian usaha sama GV Agreement dengan PERDA pada 14hb November 1994. Nyata sekali kalau kita lihat Aseana Development Sdn. Bhd. dengan PERDA hampir milik kerana syarikat-syarikat ini yang ada usaha sama dengan PERDA, semuanya ada Ahli Lembaga Pengarah yang terdiri daripada pemimpin UMNO seperti Dato' Omar bin Haji Faudzar, Ketua Bahagian UMNO Bukit Gelugor

seperti Datok Musa bin Haji Shaik Fadzil, Ketua Bahagian UMNO Bukit Mertajam seperti Datok Abdul Aziz bin Haji Shaik Fadzil ahli majlis MKT UMNO yang baru dilantik oleh Y.A.B Perdana Menteri, so akhirnya atas desakan kerajaan negeri hutang kepada TNB tertunggak adalah sebanyak RM1.1 juta yang tidak dibayar sebelum ini telah pun dibereskan dan dilangsaikan. TNB telah pun mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri atas bantuan kerajaan negeri mengatasi masalah ini dan kerajaan negeri berbangga dapat berjaya memujuk UMNO dan syarikat UMNO membayar hutang kepada bukan sahaja cukai pintu kepada MPSP tetapi hutang elektrik kepada TNB dan inilah prinsip yang kita mahu selepas tsunami politik.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, saya pun tak faham dikaitkan dengan PERDA dikaitkan dengan Aseana lepas itu syarikat yang melaksanakan apa nama tadi, soalnya sudah bayar atau belum sudah dibayarkan ini lagi duk bising apa kalau tak bayar *and then* Y.A.B. boleh katakan PERDA dari segi moral cuma dikait-kaitkanlah abis dah dibayar, bukan PERDA yang bayar syarikat berkenaan *Cooling System* itu telah pun langcai yang menjadi persoalan sekarang ialah saya bangkit itu ialah MPPP dan SP yang belum dijawab lagi yang berhutang dengan TNB yang sampai saat ini belum dibayar. Benda dah selesai dibangkitkan untuk apa untuk saja bercakap nak dapat *political mileage* itu bukan PERDA yang hutang. Terima kasih.

Y.A.B Ketua Menteri:

Saya jawab kerana saya menghormati Y.B. Ketua Pembangkang kerana Y.B. Ketua Pembangkang bangkitkan perkara ini dalam ucapan kerana saya hormati Y.B. Ketua Pembangkang barulah jawab dan jelaskan so...(gangguan) itulah pada masa itu nanti saya akan bagi sebelum itu memang tak bayar hanya dengan campur tangan kerajaan negeri baru bayar dan itu ialah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan so itulah jawapan yang saya berikan kerana Y.B. sendiri yang timbulkan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Siapakah yang berhutang? Y.A.B. Ketua Menteri, minta laluan. Adakah PERDA yang berhutang? syarikat tadi *Cooling System* yang berhutang saya tak ingat nama dia, *whatever* nama dialah tapi dia yang berhutang dia yang menjelaskan hutang. Apa yang sangkut dengan PERDA itu yang cuba saya nak terangkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ada sangkut kerana PERDA ada perjanjian usaha sama GV Agreement dengan Aseana Development Sdn. Bhd. itu dalam aspek ini saya sebut ada *social of begasion moral duty etiquette responsibility* itu yang saya sebut so dalam hal ini adalah syarikat usaha sama dengan PERDA, PERDA ada moral *responsibility* dan *etiquette* moral ini...(gangguan) so dari segi undang-undang memang betul tapi dari *social obligation moral duty dan etiquette responsibility* tak boleh lari. Sila.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, Y.A.B. juga menyebutkan dari segi undang-undang tidak ada kaitan kita berlandaskan undang-undang, *agreement* antara Aseana dengan syarikat itu tiada kena mengena dengan PERDA. PERDA dengan Aseana dan lagi bangunan-bangunan dekat itu telah pun di *transfer* hak milik kepada MPSP ka, kepada TESCO ka atau pada siapakah juga *once* saya dapat bukan hak milik PERDA begitu juga dengan syarikat yang berkenaan dengan *Cooling System* itu Y.B. juga mengaku ia tidak ada kaitan dengan segi undang-undang kaitan PERDA cuma *moral obligation*, cukup-cukup inilah yang kita boleh kait saya juga kata *moral obligation* kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah bil elektrik yang dituduh 3000 orang mencuri elektrik, ini Penang ini kalau itu yang dituduh LML dituduh *moral obligation* tanggungjawab kerajaan negeri untuk selesaikan kalau nak cakap dari segi moral.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Moral obligation sudah jelas, ini jelas kerana Aseana ini semua terdiri daripada orang UMNO ini semua Aseana Development senarai *roll call of UMNO leaders* dan di sini kalau cakap tak ada tanggungjawab moral dan sosial saya rasa itulah penyebabnya dalam pilihan raya besar rakyat tidak setuju saya rasa dan hanya jawab apa yang ditimbulkan...(gangguan), apa yang ditimbulkan Y.B. Ketua Pembangkang yang itu saya nak jawab dan itu jelas dan itu jelas dalam aspek ini bahawa tak boleh lari dari tanggungjawab untuk memastikan bahawa yang dijanjikan mesti ditunaikan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Sebenarnya ahli lembaga pengarah yang disebutkan tadi mereka bukan lagi ahli lembaga pengarah dan syarikat ini bukan milik mereka lagi jadi berhati-hatilah elok *the laters search*. Ini bukan yang terkini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya cakap semasa mereka itu yang penting kerana bila syarikat itu nak tandatangani tak akan EON dan JUSCO...(gangguan), ini dia nak tandatangani ahli lembaga syarikat yang tak kenal kerana orang yang ternama seperti ini barulah dia tandatangani sebab ini, pada masa itu kerana mereka bersetuju untuk memberikan syarikat DCS dan Aseana Mall untuk menguruskan masalah hawa dingin.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Alasan yang dibangkitkan ialah tidak bayar bil elektrik bukan orang ini yang tak bayar orang baru *so it is related to the new person* itu pun sudah dijelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tadi saya cakap tanggungjawab moral, *social of obligation etiquette duty* saya sudah berulang-ulang banyak kali tak mahu terima juga, dan di sini juga saya rasa saya tak mahu jawab dengan tuduhan politik bahawa saya *you*

know bahawa Pakatan Rakyat sudah menjadi renggang bahawa dalam aspek ini saya bagi tahu kepada PKR Datuk Seri Anwar saya rasa ini semua hal politik yang saya tak payah jawablah kerana akhirnya yang menentukan sama ada saya adalah Ketua Menteri dengan kuasa yang diberikan oleh rakyat akan ditentukan oleh rakyat sendiri. So dalam aspek ini saya tak mahu itu pihak pembangkang cuba untuk melaga-lagakan tetapi hanya saya rasa di sini kalau nak cakap tentang Pakatan Rakyat kita jika masih sahabat kita masih kawan kita masih bersama sebagai satu pasukan bukan macam Barisan Nasional Pulau Pinang, UMNO dan Gerakan sudah tak ngam, potong hubungan, putus hubungan betul tak dan bila sampai bila gambar pemimpin parti komponen Gerakan Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dikoyakkan secara umum. Ada minta maaf kepada beliau tak, ada tak?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan, tadi Y.A.B. Ketua Menteri kata tak mahu cakap politik tak dan habis senafas dia cakap politik balik, kalau *you* nak bahas cakap pasal politik kita bahas pasal politik jangan kata saya tak mahu nak langkau ini politik dalam senafas itu juga dah ada pergi pula Gerakan untuk pengetahuan, Y.A.B. Gerakan dengan orang UMNO selalu berbincang, ya selalu berbincang *open house* saya pergi rumah Gerakan punya rumah Y.A.B. saya pergi walaupun kita dari segi politik memang kita bermusuh, musuh politik ya, tetapi saya pergi rumah Gerakan pimpinan UMNO pun pergi hari raya pun mereka datang kita tidak setuju dari segi beberapa prinsip sahaja tetapi dari persahabatan, perjuangan masih lagi dalam landasan yang sama kalau Y.A.B. hendak cakap pasal politik kita cakap pasal politik, kalau kata tidak mahu jangan bangkitkan soal politik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya bukan cakap tentang kata, itu kata saya tidak mahu tetapi bila sebut renggang itu perkara lain dan saya hendak tanya ini untuk *double type* sekarang Y.B. Ketua Pembangkang menyatakan bahawa UMNO dan Gerakan ada berbincang adakah ini bermakna bahawa hubungan antara gerakan dan UMNO sudah dipulihkan semula bukan putus hubungan seperti yang diumumkan oleh Dato' Dr. Teng Hock Nan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya hendak beritahu kepada Yang Amat Berhormat ya. Dalam mesyuarat yang seminggu sebelum persidangan wakil-wakil datang, Gerakan datang. Okeylah kita...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sudah pulih semula.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Itu soal pulih semula, tidak pulih semula itu cuba tengok Y.A.B. Dato' Seri Najib lantik Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon jadi Menteri, itu apa dia, bukankah jadi menteri penuh bukankah itu membuktikan bahawa UMNO dan Gerakan, bukan

baik semula tetapi bekerjasama (gangguan) kalau hendak cakap politik sampai habis kita cakap politik (gangguan) saya juga pasal apa sampai hari ini kosong itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Baiklah terima kasihlah kerana pengesahan daripada Y.B. Ketua Pembangkang bahawa sekarang telah menjalinkan balik di antara UMNO dan Gerakan Pulau Pinang. Ini pusat, pusat punya hal, tapi antara Pulau Pinang sudah baik semula kerana sebelum ini Dato' Dr. Teng Hock Nan cakap dengan begitu kuat, begitu lantang telah putus hubungan kerana telah mengoyak itu gambar Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon tidak mahu baik lagi dan sekarang sudah baik lagi, sungguh pun tanpa sebarang minta maaf tidak mengapa saya pun tidak mahu panjangkan isu ini biarkan saya pergi ke perkara lain.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Apa masalah yang kata Gerakan dengan UMNO, kalau Gerakan dengan UMNO MCA kerjasama, apa Pakatan Rakyat rasa terkejut? Kalau tidak ada apa yang hendak sibuk sangat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Bukan, kerana sibuk dengan kita renggang, tapi yang kita lihat Gerakan telah umumkan bahawa telah putus hubungan dengan UMNO Pulau Pinang selepas kes Ahmad Ismail, selepas kes koyak gambar Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon sekarang tanyalah kepada Y.B. Ketua Pembangkang hubungan antara Pulau Pinang Gerakan dan UMNO sudah baik semula tahniahlah Y.B. Ketua Pembangkang, nanti tidak boleh habis(ketawa).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat kita hendak bercakap pasal politik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey, ini sudah saya masuk kepada perkara lain, pasal miskin tegar, ia dengan harapan bahawa sekiranya ada mana-mana keluarga miskin tegar maklumkan kepada kerajaan negeri dan kita akan jalankan siasatan dan akan *brainstorming* termasuk di kawasan Y.B. Ketua Pembangkang kita akan memilih apakah perbezaan fahaman politik kerana itu adalah satu masalah rakyat dan kita akan tangani kerana mekanisme sudah wujud, mekanisme sudah wujud untuk pastikan Negeri Pulau Pinang adalah negeri sifar miskin tegar sekarang, kalau tidak suruh berikan maklumat saya cakap mekanisme, mekanisme semua sudah wujud, sudah Y.B. Telok Bahang nanti *you* buat saya keliru lagi sendiri sudah keliru jangan buatlah saya keliru lagi sudahlah. Saya pun sudah hendak habis penggulungan saya ini sila-sila duduk. Kerajaan negeri berharap agar semua usaha dalam membangunkan Negeri Pulau Pinang akan mendapat kerjasama dari semua Yang Berhormat termasuk daripada pihak pembangkang bagi memenuhi impian dan harapan mencapai kecemerlangan kita mestilah berpegang teguh kepada beberapa prinsip utama iaitu berakhlak, berkebolehan,

tekun, berani dan akhir sekali harapan agar tuah juga menyebelahi kita. Akhlak yang mulia pada hakikatnya adalah peribadi yang tidak boleh dipisahkan dengan kehidupan seharian kita dan jika tidak dijaga akan menyebabkan masyarakat itu lingkup dan terperosok. Kerajaan negeri berbangga dengan kejayaan yang dicapai dalam setahun yang singkat itu yang saya rasa lebih menonjol kalau berbanding dengan pemerintahan 51 tahun Barisan Nasional mahu tidak mahu, suka tidak suka kejayaan ini mesti diakui tidak kira pelaburan pecah rekod sebanyak RM10.2 bilion, tidak kira kejayaan membasmi miskin tegar menjadikan Pulau Pinang Negeri pertama di Malaysia yang berjaya membuat demikian tidak kira penjimatan RM11.1 juta daripada perbelanjaan berhemah dan kutipan hasil yang dapat dikutip dengan apa yang tidak dapat dikutip... (gangguan), nanti dahulu.

Ketegasan memerangi rasuah, tidak kira kepimpinan berintegriti bantuan wang kepada sekolah bantuan kerajaan termasuk sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina, Sekolah Tamil, Sekolah Mubaligh dan Sekolah Menengah Persendirian Cina termasuk juga pengiktirafan pelajar-pelajar cemerlang dan para Hafaz Al-Hafiz untuk kali pertamanya dan juga tender terbuka dengan e-Tender agar kontrak diperoleh bukan menerusi kabel politik tetapi menerusi kabel, belum tutup lagi, jangan bimbang kita mahukan kerjasama dengan semua pihak termasuk Kerajaan Pusat. Keikhlasan kita terbukti bila kita lihat sumbangan oleh warga Pulau Pinang sebanyak RM15.62 bilion dalam cukai di antara tahun-tahun 2001 hingga 2007, tetapi yang kita dapat balik daripada RM15.62 bilion ini hanya sekadar RM9 bilion sahaja malah peruntukan kepada Pulau Pinang telah dipotong di bawah RMKe-9 daripada RM 6.152 bilion kepada hanya RM1.5 bilion dalam kajian separuh penggal RMKe-9.

Y.B. Tuan Speaker, kita mahu wujudkan satu pemerintahan berjiwa rakyat berteraskan prinsip 5K, (Kebenaran, Kebebasan, Keadilan, Kebajikan dan Ketakwaan) kepada tuhan. Kita yakin dapat memperkuatkan dan memperkasakan keutuhan kepada rakyat dalam membuktikan bahawa seorang pemimpin cina boleh menjaga hak orang Melayu seorang pemimpin Melayu juga boleh menjaga hak orang cina dan seorang pemimpin India boleh menjaga hak semua warga Pulau Pinang. Inilah impian bangsa Malaysia berdasarkan kebaikan, berdasarkan "amar makruf nahi mungkar" dan merealisasikan modal insan setiap warga Pulau Pinang.

Akhirnya Y.B. Tuan Speaker, yang pipih tidak akan datang melayang, yang bulat tidak akan datang bergolek itulah peribahasa yang menunjukkan bahawa untuk mencapai kejayaan, kebolehan sahaja tidak mencukupi tanpa ketekunan dan kerajinan, selain daripada itu kita juga mengharap agar masa depan yang cerah adalah milikan mereka yang berani untuk melakar impian dan menjadikan impian satu kenyataan dengan ini kita harap Negeri Pulau Pinang akan dapati menjadi sebuah pelantar APEC *form* kepada pereka-pereka impian ini APEC *from for dream designer don't design gipts he give applet form to dream designer*. Untuk merealisasikan lakaran kecemerlangan mereka di bumi tercinta ini bukan sekadar Melaka di alam mimpi, buka sekadar igauan dan igauan di siang hari tetapi adalah tersebut mimpi tersebut dapat diterjemahkan dengan mencapai wawasan menjadikan Pulau Pinang menjadikan sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan paling penting sekali negeri bertaraf antarabangsa yang dimiliki oleh semua warga Pulau Pinang, bukan hanya untuk

golongan kecil sahaja. Itulah impian bangsa Malaysia Pakatan Rakyat sekian terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Masalahnya yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa kami, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada TYT. Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan yang mulia ini di mesyuarat yang pertama penggal yang kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Kedua belas pada 20 April 2009 dipersetujui. Ahli-ahli bersetuju katakan “Ya,” yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Ahli-ahli Pembangkang:

“Tidak.”

Y.B. Tuan Speaker:

“Ya” sebulat suara. Usul dipersetujui.

Setiausaha:

8. Rang Undang-undang.

(A) Rang undang-undang enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang projek bangunan arked dan pusat makanan laut Batu Kawan tahun 2009.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Tuan Speaker, saya mencadangkan Rang undang-undang nama satu enakmen untuk membenarkan kerajaan negeri meminjamkan sejumlah wang daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan Pulau Pinang bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Bernama satu enakmen yang membenarkan kerajaan negeri meminjam sejumlah wang daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi yang kali pertama.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Tuan Speaker, mengikut Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya berikan kebenaran.

Setiausaha:

Rang Undang-undang untuk membenarkan kerajaan negeri meminjam sejumlah wang daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai Projek Bangunan Arked dan Pusat Makan Laut di Batu Kawan, Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya bagi bacaan kali kedua.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini yang bernama satu enakmen bagi memberi kuasa kepada kerajaan negeri meminjam wang tidak lebih daripada RM6 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai Projek Bangunan Arked dan Pusat Makan Laut di Batu Kawan, Pulau Pinang dibacakan kali kedua.

Y.B. Tuan Speaker, fasal 2 perkara 111 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa sesuatu negeri tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang negeri, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan memberi kuasa kepada kerajaan negeri untuk meminjam wang sebanyak RM6 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut Batu Kawan, Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker, projek bangunan arked dan pusat makanan laut di Batu Kawan di Pulau Pinang adalah projek yang telah dirancang di bawah RMKe-9 dengan kos projek berjumlah RM13,174.519 juta. Projek ini merupakan produk pelancongan baru yang dibangunkan bagi tujuan menarik kedatangan lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang di samping mengujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan yang secara langsung membantu dalam meningkatkan pendapatan mereka melalui promosi makanan dan buah-buahan tempatan di kalangan pelancong. Pembangunan projek ini adalah melibatkan pembinaan *indoor arcade* yang terdiri dari pusat kraf tangan, galeri artis, barangan kraf pelbagai kebudayaan, pusat makanan laut yang direka bentuk dengan taman landskap yang menarik dan terbuka, gerai jualan, tempat makan dan kemudahan tempat meletak kenderaan.

Pelaksanaan projek telah pun bermula pada awal tahun 2008 dan dijangka siap pada akhir tahun 2010 di mana komponen kos projek pada keseluruhan terdiri daripada kos tanah yang berjumlah RM2,613,600.00. Yang

kedua kos pembangunan bagi kos RM9,920,918.95, kos kewangan RM240,000, lain-lain kos RM400,000.00 jumlah semua adalah RM13,174,518.95. Daripada keseluruhan kos tersebut, geran sebanyak RM3.8 juta telah pun diperolehi daripada Kementerian Pelancongan Malaysia dan sebanyak RM3.3 juta lagi ditanggung oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai agensi pelaksana. Sumbangan daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tersebut adalah termasuk kos tanah berjumlah RM2.6 juta yang disumbangkannya. Memandangkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mempunyai sumber kewangan yang terbatas, maka baki RM6 juta yang dibiayai melalui pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Memandangkan Pembangunan Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan, adalah penting dalam mempergiatkan perkembangan sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang, maka usaha perlu dibuat bagi menyempurnakan sepenuhnya pelaksanaan projek tersebut. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pada masa kini mempunyai sumber kewangan yang terbatas dan dengan demikian, pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan.

Oleh yang demikian, Rang Undang-undang ini akan membolehkan kerajaan negeri meminjam dari Kerajaan Persekutuan untuk memberi bantuan kewangan berupa pinjaman berjumlah RM6 juta kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk tujuan pembangunan produk pelancongan sepertimana yang dinyatakan. Y.B. Tuan Speaker, saya memohon untuk mencadangkan.

Y.B. Tuan Speaker:

Ada sokongan?

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Tuan Speaker, demi kemajuan sektor pelancongan untuk Negeri Pulau Pinang saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut Batu Kawan) 2009. Ahli-ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin mengambil bahagian dahulu dalam perbahasan. Silakan Y.B. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Weng):

Terima kasih kepada Y.B. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Enakmen Pinjaman Negeri Pulau Pinang (Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan) 2009. Memang tidak dapat dinafikan sektor pelancongan merupakan satu sektor yang membawa banyak sumber pendapatan kepada Negeri Pulau Pinang. Selain daripada produk ataupun *hot sport*, *hot sport* pelancongan yang menarik pelancong untuk datang melawat ke Pulau Pinang, saya percaya makanan enak seperti makanan laut juga mempunyai daya tarikannya kepada para pelancong sama ada dari dalam negeri atau luar negara. Jadi usaha mempromosikan makanan laut yang enak ini perlu dipertingkatkan dan selaras dengan ini, saya

percaya pusat bangunan arked dan juga pusat makanan laut ini adalah tepat pada masanya. Enakmen ini bertujuan untuk mendapatkan sumber kewangan secara pinjaman dari Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan itu.

Saya berpendapat bahawa projek pembangunan ini sebenarnya adalah tanggungjawab bersama kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Maka saya berharap pada masa-masa akan datang ini, peruntukan kewangan dari Kerajaan Persekutuan boleh diberi secara *outright grant* dan bukan melalui pinjaman. Oleh itu, saya pohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ada lagi yang ingin berbahas? Sila Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Terima kasih Tuan Speaker kerana membenarkan saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan kali ini iaitu mengenai perwujudan sebuah Rang Undang-Undang Enakmen Pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang bertujuan untuk mengurus dan mentadbir serta mengawal pelaksanaan sebuah Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan dalam tahun 2009.

Tuan Speaker, pada dasarnya saya memang bersetuju dan menyokong sepenuhnya pada rancangan ini kerana wang yang akan dilabur oleh kerajaan dalam projek ini adalah satu jumlah yang besar. Sekiranya ia dapat diurus dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya serta mengikut jadual sepertimana yang dirancang, ia sudah pastinya akan mendatangkan faedah yang besar kepada para penduduk tempatan yang berada di Batu Kawan khususnya dan para pelancong amnya.

Tuan Speaker, perancangan dan pendirian kerajaan negeri untuk mengadakan projek pembinaan sebuah bangunan arked, galeri dan ekopelancongan dan pusat makanan laut di Batu Kawan harus dipuji dan disokong dengan sepenuhnya kerana ia dijangka akan menarik lebih ramai pelancong sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri untuk datang ke SPS bagi tujuan berehat. Tindakan ini juga mewujudkan satu peluang keemasan kepada penduduk di Batu Kawan dan Pulau Aman, malahan ianya juga dapat memperkenalkan kepulauan Batu Kawan kepada dunia pelancongan yang tiada terhad. Di samping itu juga rancangan ini akan dapat meningkatkan taraf hidup kaum nelayan dan penduduk-penduduk kampung yang berhampiran ke satu lagi tahap hidup yang lebih memberangsangkan kerana ia juga akan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada berpuluh keluarga nelayan yang berada di Pulau Aman untuk naik ke darat tanpa perasaan waswas.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, menangkap ikan di laut bukan sahaja terpaksa menghadapi arus lautan yang bergelora, saingan sesama rakan dan menghadapi musim buruk dan sebagainya. Boleh dikatakan nasib kaum nelayan adalah tidak terjamin langsung sejak akhir-akhir ini kerana harga minyak dalam pasaran yang tidak menentu. Sungguhpun soal harga minyak, negara kita adalah sebuah negara pengeksport minyak mentah yang 100%

mengeluarkan minyak mentah, namun hasil keuntungan dari sumber ini adalah tidak berkesan langsung untuk membantu rakyat jelata kita. Ini adalah angkara siapa? Ini adalah satu angkara dari sebuah pemerintah yang sombong dan bongkok iaitu kerajaan Barisan Nasional.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Sedarkah Yang Berhormat bahawa projek yang hendak dijalankan ini adalah projek yang dirancang oleh kerajaan Barisan Nasional?

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Okey. Saya pun tidak mahu cerita panjang lebar, saya teruskan ucapan saya pada hari ini. Pendek kata projek ini membawa banyak kebaikan jika dibandingkan dengan keburukan. Rancangan pembangunan ini juga adalah sejajar dengan dasar kerajaan negeri kita untuk memajukan golongan yang miskin dan memajukan pelancongan kita. Saya sekali lagi menyuarakan sokongan saya sepenuhnya kepada rang undang-undang ini diwujudkan. Itu sahaja, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Pulau Betong, teruskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Tuan Speaker, saya ingin juga turut mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya sempat menyemak bahawasanya projek ini adalah projek yang dicadangkan oleh PDC pada tahun 2006, sebuah projek oleh Barisan Nasional yang hendak disambung oleh kerajaan pada hari ini. Maka saya bersyukur kerana kita tidak bercakap kosong tetapi kita nampak usaha-usaha kita disambut baik oleh pihak kerajaan negeri. Ini bermakna idea oleh pihak Barisan Nasional adalah idea-idea yang baik, bukan seperti yang dikatakan oleh pihak Jawi tadi. Saya berasa bersyukur.

Saya hendak bertanya mengenai dua, tiga perkara. Pertamanya mengenai peruntukan RM400,000, peruntukan kewangan hanya RM240,000 tetapi lain-lain hal ini, kontingensi sebanyak RM400,000, satu jumlah yang cukup besar. Ke manakah ianya akan dibelanjakan? Kedua, tanah dinilai sebanyak RM2.6 juta, satu jumlah yang agak besar, adakah tanah ini milik PDC, kalau tanah ini milik PDC kenapa tidak diberi kepada kerajaan negeri, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Enakmen Rang Undang-undang Pinjaman Kerajaan Negeri ini, bersangkutan dengan pembinaan arked dan makanan laut ini. Memang seperti Y.B. Pulau Betong kata ini adalah satu dirancangan yang telah dilancarkan dan sekarang pelaksanaannya diteruskan. Cumanya saya bimbang arked ini yang disebutkan hendak dibuat 2 atau 3 tingkat, kalau buat 2 tingkat, biasanya tingkat atas jarang dikunjungi, takut esok lantai atas itu menjadi tempat di mana orang-orang salah gunakannya, seperti tempat-tempat menghisap dadah dan

sebagainya. Itu, banyak yang terjadi kepada bangunan 2 lapis. Harus dinilai balik. Keduanya kalau kita hendak minta sampai RM6 juta, membelanjakan RM13 juta ertinya kerajaan negeri dibantu oleh kerajaan pusat membelanjakan 100% untuk pembangunan kawasan itu. Apakah tidak terfikir untuk kita panggil pihak swasta, seperti apa yang berlaku di Auto City? Auto City itu satu tempat yang menarik bukan sahaja pelancong di dalam negeri tetapi juga luar negeri. Semua itu dilaksanakan oleh pihak swasta dan begitu maju sekali. Bahkan ramai penduduk Pulau Pinang yang pergi ke sana untuk makan, berlibur, berehat dan sebagainya. Kita fikirkan itu sama, jangan 100% kita hendak *dump* duit kerajaan negeri dan di mana kita terpaksa berhutang dengan kerajaan pusat untuk membangunkan kawasan itu. Cuba fikirkan bersama tentang sumbangan pihak swasta yang boleh memajukan kawasan tersebut. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Saya juga ingin bangun untuk mengambil di dalam perbahasan tentang cadangan pinjaman kerajaan negeri kepada Kerajaan Pusat untuk membina arked ini. Memang dari awal saya setuju dan sokong usaha kerajaan negeri meningkatkan lagi pelancongan di negeri kita. Satu lagi tempat tarikan pelancong di negeri kita, selama ini di sebelah sini dan sekarang di sebelah sana. Bagus, itu pun usaha dari pihak kerajaan sebelah sini dahulu. Yang kita hendak tahu dan yang tidak diterangkan siapa sebenar *owner of this project*, adakah kerajaan negeri atau PDC? Keduanya *management* nya bagaimana, adakah hendak disewa terus atau hendak diletak sebagai *tenant* ataupun hendak disewa secara individual. Bermakna kerajaan atau PDC pegang atau *manage* pusat ini dan disewakan kepada individu. Ini saya hendak tahulah, saya harap tidak dijual, cuma di *manage* dan disewa, dan kalau dijual pun akan ada masalah, kalau dia tukar *business* kita tidak boleh hendak kata apa-apa. Jadi kalau di sewa, kalau dia membuat *business* lain daripada yang dikehendaki, maka kita boleh *interment* padanya, kerajaan akan *interment* dia.

Kemudian kita juga hendak tahu unjuran *income*, bagaimana kita hendak membayar semula hutang itu dan satu lagi cadangan saya ialah bahawa pastikan pusat ini hanya menjual makanan halal, kerana kalau kita menjual makanan tidak halal, cuma satu dan sebahagian orang, rakyat yang akan pergi makan dan Islam tidak pergi makan. Jadi kalau kita *make sure* halalkan semua, maka semua orang pergi makan, jadi menguntungkan peniaga-peniaga di situ. Terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Ada penggulungan?

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Pulau Betong, bahawa ini memang adalah projek daripada kerajaan dahulu dan seperti yang kita tahu, kerajaan negeri juga bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan bukan dari

segi untuk tempat makanan di Batu Kawan sahaja dari beberapa projek seperti Bukit Bendera dan Taman Botanical juga bekerjasama dengan projek pelancongan, dan di sini tadi saya berkata, kita dapat sebanyak 3.8 juta geran daripada Kementerian Pelancongan. Jadi cadangan daripada Y.B. Sungai Bakap, Bukit Tengah, supaya 6 juta ini, kita minta geran sebenarnya pinjaman 6 juta hanya *lower interest*(dengan izin) dan kita akan minta geran untuk projek-projek yang lain dan untuk RM400,000.00 ini lain-lain kos. Sebenarnya ini adalah kos untuk kontingensi, seperti kalau ada barang-barang naik, baru kita perlu kos ini. Ini hanya tambahan, so kalau barang tidak naik, kita boleh menjimatkan perkara ini juga.

Berkenaan dengan cadangan daripada Ketua Pembangkang, iaitu Y.B. Penaga. Adakah ini dan kenapa tidak mencari pihak swasta? Projek ini telah lama dirancang seperti itu, memang kita ada projek untuk orang swasta, jadi ini tidak sesuai lagi untuk tambah untuk swasta, memang peniaga daripada yang ingin berniaga di sana memang boleh masuk sebagai pihak swasta, tetapi projek ini memang dari segi projek PDC, jadi PDC telah mengeluarkan tanah ini, so jadi untuk tingkat dua ini...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat boleh minta laluan sedikit ya. Saya tidak bermaksud bahawa untuk berniaga di gerai-gerai yang disediakan nanti itu, kerajaan atau swasta, memangnya swasta, maksud saya seperti pembangunan *Auto City* itu yang saya sebutkan tadi.

Segala bangunan konsepnya, cara perniagaannya, itu semuanya adalah pihak swasta, kerajaan tidak campur tangan pun dalam aspek ini. Itulah yang saya maksudkan iaitu kalau program dalam perancangan boleh kita ubah suai lagi supaya pihak swasta boleh masuk dan membuat reka bentuk dan sebagainya, itu maksud saya.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Tadi saya telah kata, Y.B. Penaga, ini adalah projek dari kerajaan lama telah diswastakan untuk masa sekarang, jadi kesuntukan kewangan, jadi kita melalui PDC untuk meminjam 6 juta supaya boleh menghabiskan projek ini kalau saat ini kita menjemput swasta masuk tengah-tengah projek ini. Kalau ada kita mungkin mengalu-alukan, tapi untuk masa sekarang ini kesuntukan kewangan, jadi kita harus meminjam untuk menghabiskan projek ini dan cadangan untuk Y.B. Telok Bahang bahawa tempat untuk menjual makanan halal, sebenarnya ini adalah tempat jualan makanan laut. Makanan laut memang untuk semua orang, jadi ini memang sebagai halal *food center* juga. Bukan sahaja di tempat itu untuk ada makanan laut, tetapi juga di Pulau Aman juga kita mempunyai tempat makanan laut di Batu Kawan, Bukit Tambun juga kita mempunyai makanan laut.

Jadi semua ini sebagai makan *hub center*, so sebagai kerajaan negeri kita tubuhkan satu lagi tempat makanan yang lebih besar supaya kesemua tempat ini boleh menarik lebih ramai pelancong dari tempatan dan juga luar negeri, so jadi memang tempat itu adalah halal *food center*. Saya memohon untuk cadangan ini diluluskan.

Y.B. Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi adalah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali yang kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakana "Ya." Yang tidak bersetuju katakana "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak"

Y.B. Tuan Speaker:

"Ya," lebih banyak. Sebulat suara, setuju.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama, satu enakmen yang membenarkan kerajaan negeri meminjam sejumlah wang daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan pembinaan arkib dan pusat makanan laut di Batu Kawan Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah di baca kali yang kedua, Rang Undang-undang sekarang berada dalam jawatankuasa.

Setiausaha:

Fasal 1 hingga 6.

Y.B. Tuan Speaker:

Fasal 1 hingga 6, adakah menjadi sebahagian Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu enakmen untuk membenarkan kerajaan negeri meminjam sejumlah wang daripada Kerajaan Persekutuan bagi tujuan membiayai Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan, Pulau Pinang dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Y.B. Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Dewan:

“Ya.”

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Saya memohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang enakmen pinjaman negeri Pulau Pinang Projek Bangunan Arked dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan 2009 dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal di dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan.

Saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan.

Y.B. Tuan Speaker:

Sokongan?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Tuan Speaker, saya memohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali ke tiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya”, dan tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Ahli-ahli Pembangkang:

“Tidak”

Y.B. Tuan Speaker:

“Ya,” lebih banyak. Sebulat suara, setuju.

Setiausaha:

Enakmen pinjaman Negeri Pulau Pinang Projek Bangunan Arkib dan Pusat Makanan Laut di Batu Kawan 2009, maka dengan ini adalah diperundangkan oleh kuasa undangan Negeri Pulau Pinang

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ke tiga serta diluluskan.

Setiausaha:

B: Rang Undang-undang enakmen pinjaman perancangan untuk membekal air bagi Negeri Pulau Pinang pindaan 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu enakmen untuk meminda enakmen pinjaman rancangan untuk membekal air bagi Negeri Pulau Pinang 1997 dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, saya memohon sokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu enakmen untuk meminda enakmen pinjaman rancangan untuk membekal air bagi Negeri Pulau Pinang 1997.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, mengikut Peraturan 59, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mencadangkan bacaan kali yang kedua, Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta merta.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya memberikan kebenaran.

Setiausaha:

Rang Undang-undang untuk meminda enakmen pinjaman, rancangan untuk membekal air bagi negeri Pulau Pinang 1997 bacaan kali yang kedua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu enakmen untuk memberi kuasa meminjam sejumlah wang tidak melebihi 1.6 bilion ringgit atau RM1 bilion dan RM600 juta sahaja daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai rancangan bekalan air bagi Negeri Pulau Pinang dibacakan bagi kali ke dua.

Fasal 2, perkara 111 Perlembagaan Persekutuan, memperuntukkan bahawa sesuatu negeri tidak boleh meminjam kecuali di bawah kuasa undang-undang negeri. Di samping itu enakmen pinjaman rancangan untuk pembekal air bagi Negeri Pulau Pinang 1997 di bawah seksyen 3(1) memperuntukkan kepada kerajaan negeri kuasa meminjam daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud membiayai rancangan pembekalan air Negeri Pulau Pinang dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya satu jumlah yang tidak melebihi RM600 juta.

Y.B. Tuan Speaker, dalam latar belakang dan untuk makluman Dewan ini, pinjaman yang diluluskan di bawah enakmen pinjaman rancangan untuk membekal air bagi negeri Pulau Pinang 1997 tersebut adalah bertujuan untuk membiayai projek bekalan air bagi skim bekalan air Telok Bahang, Batu Feringhi, Skim Sungai Muda, Sungai Perai, Loji air Sungai Dua di Seberang Perai Utara dan yang lainnya.

Sungai Muda merupakan sumber air utama untuk negeri ini di mana 80% daripada sumber bekalan air bersih negeri diperolehi daripada skim Sungai Muda. Namun demikian memandangkan simpanan air mentah bagi Negeri Pulau Pinang pada masa kini hanya mampu menampung keperluan sebanyak 650 juta liter sahaja sehari, sedangkan permintaan sebenar ialah 740.86 juta sehari, maka jika berlaku kemarau panjang, Pulau Pinang akan menghadapi krisis bekalan air dan terpaksa meminta bantuan dari Negeri Kedah untuk melepaskan takungan air dari Empangan Pedu untuk disalurkan ke dalam Sungai Muda.

Oleh itu siling pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM600 juta tersebut perlu ditambah kepada 1.6 bilion bagi membolehkan kapasiti simpanan air sedia ada di Empangan Mengkuang dipertingkatkan daripada 22 juta meter padu kepada 56 juta meter padu iaitu peningkatan sebanyak satu setengah kali ganda atau 154%. Cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan ialah untuk meninggikan Empangan Mengkuang sedia ada dan membina empangan baru di sebelah kiri dan kanan empangan tersebut. Kedua-dua empangan ini akan dicantumkan menjadikan empangan yang lebih besar dan dapat beroperasi secara bersama.

Empangan ini menyediakan takungan air yang berfungsi sebagai empangan simpanan strategik Pulau Pinang pada musim kemarau dan untuk memenuhi permintaan sehingga tahun 2020. Tambahan siling pinjaman daripada Persekutuan adalah diperlukan bagi melaksanakan komponen-komponen projek seperti berikut:-

- (1) Meninggikan empangan sedia ada dan membina empangan baru yang melibatkan pembinaan empangan utama hingga ke paras 56.65 meter. Membina alur limpah, membina muka sauh atau *draw of works* dan

menaik taraf muka sauh sedia ada serta membina empangan pelana (*saddle damp*).

- (2) Melaksanakan kerja-kerja aliran air mentah yang melibatkan pembinaan stesen pam baru berkeupayaan 333 juta liter sehari dan memasang paip jenis *mulsteel* dari stesen pam ke Empangan Mengkuang untuk tujuan penghantaran 948 juta liter air sehari. Anggaran kos projek yang terlibat dengan kerja-kerja menaik taraf tersebut secara keseluruhannya ialah RM976 juta iaitu terdiri daripada kos berikut:-
- (i) Pengambilan balik tanah RM198 juta.
 - (ii) Pembinaan empangan RM380 juta.
 - (iii) Pembinaan kerja-kerja aliran air mentah dan stesen pam RM398 juta.
- yang menjadikan keseluruhan RM976 juta.

Sehingga Disember 2008, jumlah pinjaman bagi rancangan bekalan air Negeri Pulau Pinang yang telah diterima itu masih berbaki sebanyak RM591 juta dan dengan tambahan sebanyak RM976 juta yang diperlukan maka siling pinjaman sedia ada perlu dinaikkan kepada RM1.6 bilion.

Dengan peningkatan jumlah pinjaman daripada Persekutuan tersebut, keupayaan simpanan takungan air mentah dapat ditingkatkan dan Negeri Pulau Pinang akan dapat mengatasi masalah kekurangan bekalan air mentah semasa musim kemarau. Projek ini sangat penting kepada Negeri Pulau Pinang kerana masalah krisis air terjadi disebabkan pada musim kemarau Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Kesemuanya bergantung kepada sumber air yang sama iaitu daripada Sungai Muda. Dengan siapnya projek ini nanti, Negeri Pulau Pinang akan berkeupayaan untuk menyimpan lebih air dari Sungai Muda semasa hujan untuk kegunaan ketika musim kemarau tiba.

Pelaksanaan projek ini perlu disegerakan kerana pertambahan penduduk yang pesat di negeri ini menyebabkan permintaan air yang semakin meningkat. Jika pelaksanaan projek ini ditangguhkan, Negeri Pulau Pinang dijangka akan menghadapi krisis air yang teruk dalam beberapa tahun akan datang. Pada masa kini, keupayaan pembekalan air dari takungan iaitu 650 juta liter sehari berbanding dengan keperluan sebanyak 740 juta liter sehari. Oleh kerana terdapatnya keperluan yang mendesak bagi membiayai pelaksanaan projek rancangan bekalan air Negeri Pulau Pinang maka had pinjaman sedia ada perlu dinaikkan daripada RM600 juta kepada RM1.6 bilion.

Y.B. Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II.

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan Rang-rang Undang-undang Pinjaman (Rancangan Untuk Membekal Air Bagi Pulau Pinang) (Pindaan 2009).

Ahli Yang Berhormat, siapa yang ingin mengambil bahagian dahulu. Silakan Y.B. Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Tuan Haji Mohd Hamdan bin Abd Rahman):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi untuk turut membahaskan iaitu menyokong usul Y.A.B. Ketua Menteri bagi meluluskan satu enakmen Pinjaman Rancangan Untuk Membekal Air Bagi Negeri Pulau Pinang (Pindaan 2009) yang merupakan satu projek yang amat perlu disegerakan bagi negeri kita, Pulau Pinang. Pinjaman yang dimaksudkan dalam enakmen ini ialah iaitu RM1.6 bilion akan digunakan bagi pembesaran Empangan Mengkuang untuk membekalkan air yang berkualiti kepada penduduk dan kepada rakyat kita. Memandangkan projek yang asalnya menelan belanja RM600 juta seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dinaikkan kepada RM1.6 bilion yang telah diuruskan untuk mendapat kelulusan Kerajaan Persekutuan maka ianya perlulah pula mendapat kelulusan Dewan yang mulia ini.

Kita berterima kasih juga kepada Kerajaan Persekutuan di atas pinjaman tersebut namun sebagai negeri pembayar cukai antara yang tertinggi di negara kita ini, bukan sahaja dari segi pembayar cukai individu tetapi juga di kalangan para korporatnya maka sememangnya Pulau Pinang layak untuk memperoleh pinjaman tersebut. Pulau Pinang mempunyai penduduk yang sekarang ini seramai 1.5 juta yang merupakan atau pun yang mewakili 5.6% daripada seluruh penduduk negara kita ini.

Y.B. Tuan Speaker, pembesaran Empangan Mengkuang akan membantu Pulau Pinang bagi memenuhi keperluan air dari masa ke semasa kerana penggunaan air terus mencatatkan peningkatan ketara dari setahun ke setahun. Anggaran penggunaan air di Pulau Pinang seperti yang disebut tadi bagi tahun ini sahaja dianggarkan di dalam lingkungan 250 bilion liter di mana setiap orang di Pulau Pinang menggunakan air purata 285 liter seorang pada sehari.

Y.B. Tuan Speaker, oleh itu, kerajaan amat sedar dan prihatin tentang kepentingan projek ini pada rakyat Negeri Pulau Pinang dan projek ini melibatkan pelaksanaan dua komponen seperti yang disebutkan tadi iaitu komponen utamanya iaitu pembinaan empangan dan kerja-kerja aliran air mentah dengan mengadakan stesen pam yang baru. Kerajaan juga sedar bahawasanya kerja-kerja pembesaran empangan dan pembinaan aliran air mentah dengan stesen pam ini dijangka mengambil masa mungkin selama empat tahun dan perlu dimulakan secepat mungkin. Oleh itu, kerajaan sedang mengkaji keperluan di segenap sudut dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9 ini juga supaya rancangan ini menjadi kenyataan.

Y.B. Tuan Speaker, jadi dengan beberapa pandangan tentang hujah-hujah yang saya cuba paparkan tadi itu, maka saya menyokong usul Y.A.B. Ketua Menteri sebagaimana pembentangan beliau sebentar tadi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya minta izin Y.B. Tuan Speaker, minta maaf sekejap. Y.B. Tuan Speaker, selaras dengan peraturan 6 A (i) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa persidangan tidak akan ditangguhkan pada hari ini, 27 April 2009 sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Y.B. Tuan Speaker:

Ada sokongan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah pun mengemukakan usul di bawah Peraturan 6 A (i). Saya mohon supaya masa persidangan tidak akan ditangguhkan pada hari ini, 27 April 2009 sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya.” Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Ahli-ahli Pembangkang:

“Tidak”

Y.B. Tuan Speaker:

“Ya,” lebih banyak. Sebulat suara, usul dipersetujui.

Kita sambung perbincangan Rang Undang-undang Pinjaman Bekalan Air. Y.B. Telok Bahang, silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Y.B. Telok Bahang, silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahya):

Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan enakmen Pinjaman Untuk Bekalan Air Pulau Pinang ini. Y.B. Tuan Speaker, majlis hari ini tidak payah ditangguhkan kalau Y.A.B. Ketua Menteri tidak cakup banyaklah. Y.A.B. Ketua Menteri cakup banyak, dia panjanglah.

Saya mendengar ucapan daripada Y.B. Permatang Pasir tadi, bunyi seperti EXCO sahaja. Y.B. Tuan Speaker, bekalan air adalah satu perkara yang amat-amat penting bagi rakyat. Bekalan air, bekalan elektrik terutama sekali bekalan air lebih penting daripada bekalan elektrik. Kalau tiada air di rumah memang kita bermasalah tetapi kalau bekalan elektrik, mungkin kita boleh tahan lagilah. Jadi, ini sangat penting. Memang yang saya ingatlah, saya pun sudah tinggal Pulau Pinang pergi ke Parlimen satu penggal jadi yang saya ingat memang telah dirancang jangka pendek dan jangka panjang untuk pastikan bekalan air diperkemas dan diperbaiki.

Seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi bahawa Pulau Pinang memang bergantung aktif 80% bekalan air daripada Sungai Muda. Kita perlu bahawa ingat Sungai Muda ini dia bekal bukan hanya untuk minum sahaja tetapi untuk pertanian juga untuk Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Saya masih ingat lagi tahun 1998 bila hampir berlaku krisis bekalan air minum untuk Pulau Pinang. Masa itu kemarau panjang dan bekalan air untuk pertanian memang telah pun dikurangkan dan bekalan air hampir-hampir putus kerana kemarau panjang dan bekalan air daripada Pedu Dam itu tidak dilepaskan. Apabila dilepaskan ia makan masa dua hari untuk sampai ke pusat untuk pengambilan air di Sungai Muda. Ini kawasan Pulau Pinang.

Jadi nasib baik di Kedah lepas segera dan kita dapat air dua hari kemudian. Hampir-hampir putus bekalan air. Ini kita harap tidak akan berlaku lagilah dan selepas itu nampaknya tidak berlaku dan kita berdoa supaya perkara ini tidak akan berulang. Maknanya kita kena buat persediaan dan Pulau Pinang kena buat persediaan tentang bekalan air ini. Saya bimbang jugalah apabila bekalan Mengkuang Dam ini, bekalannya adalah di pam dan disedut daripada Sungai Kulim. Bila kemarau, Sungai Kulim juga akan terputus bekalan air, bekalan daripada sungai akan putus. Jadi kita hendak tahu juga berapa hari tahan bekalan air itu yang disimpan di Mengkuang Dam. Apabila Mengkuang Dam telah siap 56 juta kapasiti dan kali 750 juta liter satu hari, berapa? Mungkin dalam dua bulan telah habis.

Jadi, yang saya hendak tekankan bahawa kita harus juga lihat bekalan sumber yang lain. Pernah saya sebut baru ini dalam Dewan ini kita kena lihat bekalan air daripada sumber lain. Dahulu telah ada cadangan supaya kita juga melihat bekalan air mentah daripada Perak, Sungai Rui. Telah ada cadangan cuma saya hendak tahu apa sudah jadi dengan cadangan itu. Adakah kita sudah mula berunding dengan Perak dan bagaimana kita hendak buat.

Saya sebut tadi, kita tidak boleh harap sepenuhnya kepada Sungai Muda. Sungai Kulim pun terhad dan Sungai Muda kalau berlaku pembangunan di *up stream* ...(dengan izin) maka akan berlaku pencemaran. Sekarang pun kalau kita pergi lihat Sungai Muda memang macam teh tarik punya *colour*. Jadi tidak bersih dan kalau ada pencemaran lagi, lagi teruklah kita dan kita akan minum daripada air yang tercemar tetapi kalau daripada Perak, sumber daripada gunung sana bekalannya memang lebih bersih dan tidak begitu bahaya kepada

kesihatan kita. Jadi ini perlu dilihat dengan segera. Kalau kita biarkan keadaan sekarang dengan Pulau Pinang menjadi satu negeri *water stress stage*. Kita semua tahu dan apa hendak jadi dengan bekalan kita.

Hari ini pun saya yakin Pulau Pinang tidak menggalakkan industri-industri yang menggunakan banyak air. Tidak boleh kerana kita hendak minum pun tidak cukup kemudian kita tidak boleh menggalakkan industri-industri yang perlu bekalan air yang banyak. Jadi perkara-perkara ini yang saya harap pihak kerajaan negeri melihat kepada keseluruhannya. Kalau kita pembangkang bukan bangkang semua, kalau yang baik kita setuju. Kita setuju cadangan oleh kerajaan negeri untuk hendak pinjam lagi RM1 bilion cumanya kalau kita lihat rekod yang lama kerajaan negeri tidak bayar hutang ini.

Saya duduk di Parlimen dahulu saya lihat biasanya kerajaan negeri tidak bayar, jadi rekod kita kurang baik. Rekod kerajaan negeri tidak bayar hutang ini, saya pernah lihat sekali tetapi ini kurang baik. Memang negeri lain memang mereka pinjam duit tidak bayar dan saya itu perkara itu semua. Pulau Pinang kita kena jaga rekod kita dan jangan tidak bayar hutang. Kalau boleh tiap-tiap tahun yang ada itu bayar. Dengan ini saya ingin menyokong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan boleh.

Y.B. Tuan Speaker:

Ya, Y.B. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya ingin turut juga bersama dalam perbahasan ini cuma saya hendak tahu tentang kesan jangka panjang kepada masyarakat dan juga kepada kehidupan. Apa akan berlaku kepada persekitaran, kehidupan masyarakat dan juga mata pencarian masyarakat. Itu saya hendak tahu, adakah kajian telah pun dibuat. Kalau telah pun dibuat, saya mohon kepada Y.A.B. Ketua Menteri supaya membentangkan kertas projek ini secara *detail* kepada masyarakat terutama mereka yang mempunyai kesan rapat, (*direct impact*) hasil daripada projek yang besar ini kerana pinjaman daripada RM600 juta kepada RM1.6 bilion, 250 *percent*. 2.5 *percent* lebih besar daripada yang asal dan itu satu jumlah yang cukup besar. Jadi saya minta justifikasi sebenarnya tentang pecahan harga projek ini. Apa kesan jangka panjang kepada masyarakat kerana masyarakat perlu tahu dan saya juga kalau boleh memohon kepada pihak Y.A.B. Ketua Menteri supaya memberi kepada semua wakil rakyat kertas cadangan itu. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Silakan Ahli Kawasan Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil perbahasan dalam Rang Undang-Undang yang dibentangkan oleh Ahli Kawasan Air Putih tadi.

Pertama sekali, seperti Yang Berhormat Telok Bahang katakan tadi berkenaan sumber air kita. Tadi diberitahu kepada kita 80% daripadanya adalah datang daripada Sungai Muda. Pernah suatu ketika, suara-suara daripada para pemimpin Kedah, menyatakan air yang kita ambil dari Sungai Muda itu, yang kita proses menjadi air bersih harus juga dibayar dan mereka juga mendapat manfaatnya. Kedua, mereka juga mengungkit bahawa mereka juga pelihara kawasan tadahan hujan. Mereka yang pelihara hutan-hutan tu yang menjadi kawasan tadahan hujan. Sekiranya dalam keadaan kegawatan ekonomi global ini, Kerajaan Kedah walau pun Pakatan Rakyat, sama, tetapi kemungkinan sekiranya mereka menuntut bayaran itu, kita tak boleh kata mereka itu sokong kita, mereka tak menuntut, tidak. Apabila soal kepentingan rakyat negeri itu, dia tak cukup wang untuk membangun dan menjalankan projeknya, dia akan menggunakan ini. Ini pernah dilalui dulu. Jadi, saya harap Y.A.B. Ketua Menteri dan juga barisan EXCO, memikirkan kalau ini *problem* yang terjadi. Bekalan air daripada Kedah itu disekat atau di minta bayaran dan sebagainya. Apa harus tindakan dilaksanakan?

Yang kedua, betul, daripada pinjaman RM0.6 bilion ditingkatkan kepada RM1.6 bilion. Tadi, Y.B. Telok Bahang pun kata rekod kita tak bagus. Tak bagus dalam segi bayar balik ni, *quite bad pay master*(dengan izin). Jadi, kalau RM1.6 bilion ini yang nak dihutang, apakah perancangan kerajaan negeri untuk melunaskan sekiranya pinjaman ini diluluskan? Berapa lama jangka masa yang diperlukan untuk melangsaikan hutang kepada Kerajaan Pusat? Atau pun, mungkin difikirkan, alah, susah-susah esok, kita tangguh, tangguh, tangguh tak perlu bayar. Walau apa juga pun, kami pihak pembangkang memikirkan ini adalah perkara yang penting yang harus dilaksanakan dalam menjamin bekalan air yang cukup bagi seluruh penduduk Pulau Pinang. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Penggulungan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 4 orang Yang Berhormat yang sempat mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini khususnya Y.B. Permatang Pasir diikuti Y.B. Telok Bahang, Y.B. Pulau Betong dan juga Y.B. Ketua Pembangkang. Seperti yang dinyatakan ini oleh Y.B. Permatang Pasir, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mesti menjamin bekalan air yang berkualiti dan bermutu. Ini adalah suatu janji yang tentu yang menjadikan salah satu teras kehidupan yang menjadi kebiasaan untuk warga Pulau Pinang. Dalam aspek ini juga Y.B. Tuan Speaker, memang dimaklumkan bahawa kadar air, khususnya kadar air domestik di Negeri Pulau Pinang adalah yang terendah di Malaysia. So, ini adalah sesuatu manfaat dan faedah kepada rakyat Pulau Pinang tetapi pada masa yang sama ia juga menyusahkan usaha kerajaan negeri untuk menggalakkan penjimatan penggunaan air. Dalam aspek ini, Y.B. Tuan Speaker, penggunaan domestik per kapita setiap seorang sehari adalah yang tertinggi di Malaysia iaitu sebanyak

280 liter seorang sehari dan ini jika dibandingkan dengan penggunaan air di Singapura, iaitu sekadar 150 liter sahaja. Ini menunjukkan bahawa kita guna air dengan kadar sekali ganda lebih daripada apa yang digunakan oleh rakyat Singapura.

Perkara ini amat membimbangkan kerana sekiranya kita terus membazirkan air, ianya akan menimbulkan banyak tekanan ke atas usaha kerajaan negeri bukan sahaja untuk menjimatkan air tapi untuk mencari sumber air yang baru. Kita terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk membina empangan yang baru, membina tempat tadahan air dan membina sebagainya. Dan ini hanya akan menambahkan kos kepada kerajaan negeri. Oleh sebab itu, bagi mengelakkan perkara ini daripada meruncing, PBA dan kerajaan negeri telah dan sedang usaha menggalakkan penjimatan air dengan sasaran bahawa kita kurangkan menggunakan air sebanyak 10% iaitu daripada 285 liter sehari, kita berharap dapat dikurangkan kepada 257 liter sehari. Sekiranya ini dapat dicapai, saya rasa ini akan mengurangkan tekanan ke atas sebuah negeri yang mengalami, seperti yang disebutkan tadi, *water trustee* dan mengurangkan kesan sekiranya musim kemarau berlaku. Iaitu, kita sekali lagi menyeru kepada seluruh rakyat negeri Pulau Pinang, untuk memberikan kerjasama. Menilai betapa pentingnya air bukannya sebagai satu rahmat daripada tuhan tetapi satu *necessity*(dengan izin), satu keperluan asas yang tidak boleh ditidakkan. Cuma dalam aspek ini kita ingin meminta kerjasama daripada semua warga Pulau Pinang supaya kita sama-sama mengurangkan penggunaan air. Sekiranya, dapat dikurangkan sebanyak 10% untuk tahun ini, dan akhirnya akan mencapai matlamat di kalangan 200 liter sehari seorang. Saya rasa ini akan mengurangkan tekanan sekiranya musim kemarau berlaku.

Oleh itu, untuk mengelakkan impak sedemikian, kerajaan negeri telah mencadangkan dan memohon daripada Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk meluluskan Rang Undang-undang ini supaya kita dapat meningkatkan pinjaman yang diperlukan. Tentang hujah-hujah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Telok Bahang. Tentulah kita tidak nafikan bahawa Sungai Muda merupakan punca utama bekalan air untuk negeri Pulau Pinang. Sungguhpun kita ada cuba mencari sumber-sumber lain, saya rasa kita masih belum mendapat sesuatu yang muktamad kerana kerajaan pusat telah mencadangkan untuk mengambil-alih perkhidmatan bekalan air yang kini sedang dijalankan secara berperingkat-peringkat dan juga telah saya rasa dah dilaksanakan di negeri Melaka dan sebagainya. So, dalam aspek ini untuk menimbang masalah punca sumber air mentah yang lain. Oleh kerana ia melibatkan wang yang begitu besar dan juga pelaburan yang begitu banyak, perkara harus dirundingkan bersama dengan SPAN dan juga pengurus bekalan air dan sekarang dipertanggungjawabkan di bawah undang-undang pusat.

Dalam aspek ini kita sentiasa mencari jalan dan pun berusaha untuk mendapat satu permuafakatan dengan pihak kerajaan pusat supaya perkara ini dapat diselesaikan iaitu dengan baik. Dalam aspek bekalan air yang mencukupi, bekalan air mentah yang mencuri. Dan yang kedua, memastikan kadar telefon yang dikenakan adalah munasabah. Sekiranya kita dapat mengurangkan penggunaan air yang berlebihan, saya rasa ini akan mengurangkan tekanan untuk menaikkan kadar tarif. Saya ingin memberikan jaminan di sini, bahawa tidak ada sebarang cadangan untuk menaikkan kadar air. Tetapi sekiranya perkara ini terus berlarutan dengan kadar air yang begitu

rendah, saya rasa ini mungkin akan mendesak kerajaan negeri untuk mengenakan penalti kepada mereka yang membazirkan air.

Dalam aspek ini, sekiranya penggunaan air masih tidak berkurangan, kerajaan negeri mungkin terpaksa untuk mengkaji langkah-langkah penalti ke atas mereka yang membazirkan air supaya mereka yang menjimatkan air masih boleh terus membayar dengan kadar yang sama. Tetapi mereka yang membazirkan air, mungkin, saya nak tekankan di sini, mungkin akan dikenakan satu penalti. Tentang cadangan yang dibuat oleh Pulau Betong agar kita umumkan semua, apa ini, butiran-butiran terperinci bagaimana kita belanjakan pinjaman RM1.6 bilion ini. Oleh kerana sehingga hari ini kita masih belum menerima sebarang maklumat lanjut daripada kerajaan pusat. Kita pun belum pasti macam mana wang atau pinjaman RM1.6 bilion ini akan dibelanjakan. Yang kita dapat tahu, ia akan dilaksanakan secara berperingkat, iaitu 2 Fasal. Fasal yang pertama, ia berkaitan dengan melebarkan atau membesarkan Empangan Mengkuang. Satu lagi Fasal ialah tentang pusat rawatan dan *the pumping station* ...(dengan izin). Tetapi dalam aspek jumlah ini, kita hanya mendapat angka yang kasar belum dimuktamadkan. Oleh sebab itu, sekiranya kita dapat maklumat yang muktamad kita akan maklumkan kepada dewan yang mulia ini dan juga akan edarkan risalah untuk pengetahuan semua ADUN-ADUN.

Dalam aspek ini kita telah pun menulis surat kepada kerajaan pusat agar kerja atau projek ini dijalankan secara tender terbuka. Tetapi, untuk bahagian, bahagian, pembesaran Empangan Mengkuang, kita ada minta bahawa ia diberikan kepada sebuah syarikat yang pernah jalankan kerja di Empangan Telok Bahang di kawasan Y.B. Telok Bahang, di mana saya rasa ada satu persetujuan untuk mengatasi mungkin kemelut dan pertikaian semasa membina Empangan Telok Bahang bahawa kerja ini akan diberikan kepada syarikat itu. Saya rasa maklumat lanjut mungkin dapat diberitahu lebih lanjut dan terperinci dan mungkin lebih tahu dari saya mungkin boleh tanya sama dengan Y.B. Telok Bahang. Pada masa yang sama, pinjaman projek bekalan air ini adalah dilaksanakan iaitu dalam dua rancangan iaitu RMKe-9 dan RMKe-10, dan kerajaan negeri akan memohon supaya kalau boleh dapat sokongan daripada semua ADUN di sini. Bahawa pinjaman ini kalau boleh ditukarkan kepada geran. Saya harap Y.B. Telok Bahang dan Y.B. Ketua Pembangkang boleh sama-sama sokong usaha ini. Ini demi kepentingan warga Pulau Pinang. So, janganlah tengok tanpa perasaan. Haraplah boleh cuba sama-sama bekerjasama dalam aspek ini.

Akhirnya, cadangan daripada Y.B. Ketua Pembangkang tentang tuntutan daripada Kerajaan Negeri Kedah, saya memang bersetuju. Apabila bahawa kita menyentuh tentang kepentingan rakyat, kita macam mana pun, tanpa mengira apa-apa syarat pun, kita mesti mempertahankan hak warga kita sendiri sepertimana yang dipertanggungjawabkan. Inilah mandat yang diberikan kepada kita yang kerajaan negeri Pulau Pinang akan menjalankan tugasnya dengan penuh bertanggungjawab iaitu mempertahankan hak warga Pulau Pinang sebagai keutamaan. Dan dalam aspek ini, kita berpegang teguh bahawa apabila kita mengambil air itu adalah dalam kawasan, dalam kawasan sempadan daerah negeri Pulau Pinang. Oleh sebab itu, dalam aspek undang-undang, apa yang disebutkan sebagai *repairing rights*, jelas menunjukkan sekiranya air yang di angkat di dalam kawasan negeri Pulau Pinang ini memang adalah hak mutlak

negeri Pulau Pinang kerana kita tidak angkat dari sebelah negeri Kedah, kita angkat dari sebelah negeri Pulau Pinang.

Oleh sebab itu tuntutan atau permintaan ganti rugi tidak timbul langsung, dalam aspek ini saya rasa kita masih boleh bincang tetapi sekiranya untuk membayar ganti rugi saya berpendapat kalau dalam aspek ini kita angkat air bagi kita, kita kena bayar ganti rugi, bukankah pihak sebelah kena bayar ganti rugi, sekiranya air berlebihan menyebabkan ia melimpah ke tebing dan menyebabkan banjir yang teruk siapa yang akan bertanggungjawab pada masa yang tersebut. So dalam aspek ini saya rasa kita akan terus memastikan bekalan air yang mencukupi dan termasuk juga menimbang apa yang dicadangkan oleh ADUN-ADUN bahawa kita menimbang mendapat bekalan air mentah daripada negeri Perak, dan kajian teknikal bersama kajian negeri Perak bagi cadangan tersebut sedang berterusan, tetapi ia pun tertakluk kepada pengambilalihan perkhidmatan bekalan air sepertimana yang dicadangkan oleh kerajaan pusat. Tapi dalam aspek ini apa yang kita mesti jalankan tugas ialah untuk memastikan bekalan air mentah yang mencukupi so saya rasa di sini kita sama-sama ada tanggungjawab iaitu memastikan pinjaman ini dapat diluluskan supaya kerajaan negeri dapat kuasa untuk membuat pinjaman dan membolehkan hujah ini terus berjalan, tentu sekiranya kita dapat persetujuan oleh kerajaan pusat dengan sokongan semua ADUN baru kita boleh tukar kepada satu geran, saya rasa ini adalah sesuatu yang merupakan hak rakyat Pulau Pinang membandingkan betapa banyak hasil cukai yang kita bayar kepada kerajaan pusat so, dengan ini saya ucapkan terima kasih... (gangguan) silakan.

Ahli kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ini yang tadi kata kerajaan Kedah, yang dibangkitkan bayaran ganti rugi itu, sebenar itu lah *argument* yang kerajaan negeri telah buat dengan Kedah apabila dia buat tuntutan. bila masuk dalam kawasan kita, kita boleh ambil bukan hak dia lagi. Bila berlaku banjir dia harus bayar tapi dia juga ada satu *solution* dia *divert* satu sungai pergi dalam negeri dia. Kalau dia nak buat boleh, dia ubah aliran sungai itu daripada keluar melalui Kuala Muda dia boleh bawa pergi keluar kawasan Yan ke mana ke, itu yang.....(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kalau kita lihat dari segi undang-undang perairan ini memang tidak dibenarkan, tentulah sekira ini berlaku kita akan menjalankan langkah-langkah yang sewajarnya, tapi sehingga sekarang kita tidak terima sebarang maklumat bahawa usaha telah dijalankan untuk menukar aliran sungai sekiranya ada saya akan meminta Yang Berhormat Ketua Pembangkang memaklumkan perkara ini kepada saya tetapi saya akan meminta PBA untuk memantau perkara ini supaya ia tidak berlaku dan menjejaskan bekalan air kepada negeri Pulau Pinang. Dia tak buat lagi dan kita akan memantau perkembangan sedemikian, terima kasih kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Dalam aspek ini saya sekali mengucapkan terima kasih kepada semua ADUN-ADUN yang telah membahaskan mengambil bahagian dalam Rang Undang-Undang ini dan ada apa-apa yang tak di sentuh kita akan mengkaji dan memberikan perhatian yang sewajarnya, sekian terima kasih.

Y. B. Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali kedua. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya". Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak."

Y. B. Tuan Speaker:

"Ya." lebih banyak.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu enakmen untuk membina enakmen pinjaman (Rancangan untuk membekal air bagi Negeri Pulau Pinang 1997).

Y. B. Tuan Speaker:

Rang undang-undang telah di baca bagi kali kedua, Rang Undang-undang sekarang berada dalam jawatankuasa.

Setiausaha:

Fasal 1 hingga 3.

Y.B. Tuan Speaker:

Fasal 1 hingga 3. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama satu enakmen untuk meminda enakmen pinjaman (Rancangan Untuk Membekal Air bagi Negeri Pulau Pinang) (Pindaan 2009).

Y. B. Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundang. Adakah ia menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Y. B. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan speaker saya memohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang pinjaman rancangan untuk membekal air Pulau Pinang, Pindaan 2009 telah dipertimbangkan sefasal demi sefasal dalam jawatankuasa dan dipersetujui dalam pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang sekarang dibacakan bagi kali yang ke tiga serta diluluskan.

Y.B. Tuan Speaker:

Sokong ke?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibaca kali ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan “Ya.” Yang tidak bersetuju katakan “Tidak.”

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Ahli-ahli Pembangkang:

“Tidak.”

Y.B. Tuan Speaker:

“Ya.” lebih banyak.

Setiausaha:

Enakmen pinjaman (Rancangan Untuk Membekal Air Bagi Negeri Pulau Pinang) (Pindaan 2009). Maka dengan ini adalah diperundangan oleh kuasa perundangan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang undang-undang telah dibaca bagi kali ke tiga serta diluluskan. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan untuk berhenti rehat selama 25 minit dan akan sambung semula pada pukul 5.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.35 petang.

Dewan disambung semula pada jam 5.10 petang.

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Setiausaha:

C. "Rang Undang-undang Enakmen Ketua Menteri, Perbadanan 2009."

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang di nombor 1 Enakmen, untuk Memperbadankan Ketua Menteri Pulau Pinang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya di bacakan kali yang pertama.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama suatu enakmen untuk Memperbadankan Ketua Menteri Pulau Pinang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, mengikut Peraturan 59 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta-merta.

Y.B. Tuan Speaker:

Saya beri kebenaran.

Setiausaha:

Rang Undang-undang untuk Memperbadankan Ketua Menteri Pulau Pinang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya bacaan kali yang kedua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang bernama 'Suatu Enakmen bagi menubuhkan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang tahun 2009 dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Perbadanan Ketua Menteri di Pulau Pinang untuk bergiat di dalam aktiviti pelaburan dan promosi pelaburan yang berpotensi untuk dimajukan demi menjana pertumbuhan ekonomi Negeri di Pulau Pinang. Memang ini membolehkan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang mempunyai kuasa untuk membuat kontrak, memperoleh, memegang dan menikmati apa-apa peralihan harta dan tak alih, dan menjual, menggadai janji atau selainnya melupuskan apa-apa harta alih atau harta tak alih yang terletak hak kepada Perbadanan. Berkuasa yang diperoleh melalui enakmen ini Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang akan dapat memainkan peranan dan fungsinya lebih rancak. Tertakluk kepada mana-mana Undang-undang bertulis dan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang perlu bagi atau suai manfaat atau bersampingan dengan pelaksanaan tugasnya dan hendak mempunyai kuasa untuk:-

- (i) menjalankan aktiviti yang ternyata padanya perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan tugasnya;
- (ii) menggalakkan perjalanan aktiviti perbadanan, syarikat dan lain-lain kumpulan orang dan untuk memberi bantuan kewangan kepada mana-mana perbadanan, syarikat, badan berkanun yang lain, mana-mana orang atau kumpulan orang dengan mengambil syer atau di *inventor* atau dengan cara pinjaman pendahuluan, pemberian atau selainnya;
- (iii) melabur dan menggunakan harta perbadanan untuk pelaburan dalam mana-mana pelaburan yang akan di beri kuasa oleh Akta Pemegang Amanah 1949 atau mana-mana pelaburan dan untuk melupuskan pelaburan itu atas apa-apa yang terma dan syarat yang difikirkan patut olehnya;
- (iv) membeli, memperoleh atau melupuskan apa-apa stok dan syer dalam mana-mana syarikat persendirian atau awam;
- (v) memasuki usaha niaga komersial atau perusahaan, atau memasuki perkongsian atau usaha sama dengan mana-mana orang atau organisasi ;
- (vi) menubuhkan atau mengalapkan penubuhan atau perkembangan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 atau mana-mana badan sama ada di bawah kawalan atau sebahagian kawalan perbadanan itu sendiri atau secara bebas, atau ;

- (vii) meninjau dari masa ke semasa apa-apa jumlah wang yang dikehendaki oleh perbadanan bagi memenuhi apa-apa obligasinya atau melaksanakan mana-mana tugasnya atau menjalankan mana-mana kuasanya atau apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Rang Undang-undang ini akan membolehkan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang berfungsi dan beroperasi dengan sewajarnya. Di samping itu, Rang Undang-undang ini juga boleh membantu Perbadanan Ketua Menteri mengerakkan usaha memelihara, melindungi dan mempromosikan nilai warisan selaras dengan status George Town yang disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Kerajaan negeri telah menyediakan cadangan permohonan bagi melaksanakan program dan aktiviti bagi memelihara dan memperkukuhkan keunggulan nilai sejagat Bandar George Town. Peruntukan kewangan sejumlah RM25 juta adalah diperlukan oleh Negeri Pulau Pinang daripada bahagian RM50 yang diumumkan oleh Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek-projek seperti berikut :-

- (i) Senarai GIS bersepadu dengan aset di dalam zon warisan sebanyak RM1.3 juta.
- (ii) Pelan pengurusan bersepadu Tapak Warisan Dunia Melaka dan George Town, RM350 ribu
- (iii) Manual pembaikan dan penyelenggaraan untuk pemilik rumah RM1.2 juta
- (iv) Pelaksanaan projek yang telah dikenal pasti di dalam pelan pengurusan RM19.25 juta dan akhirnya
- (v) Penubuhan pejabat Warisan Dunia sebanyak RM2.5 juta menjadikan keseluruhan RM25 juta.

Y.B. Tuan Speaker, berikut adalah penjelasan mengenai pelaksanaan projek-projek seperti yang dinyatakan. Bagi senarai GIS bersepadu, pelaksanaan projek ini adalah bagi memantapkan dan mengemas kini pangkalan data dan maklumat sedia ada mengenai bangunan-bangunan di tapak warisan bagi membantu perancangan program pemeliharaan dan pemuliharaan warisan di Pulau Pinang.

Kedua, pelan pengurusan bersepadu tapak warisan Dunia bertujuan mewujudkan satu dokumen pelan kelulusan bagi MPPP dan *World Heritage Office* dalam mentadbir, mengurus, memelihara dan membangunkan kawasan tapak warisan. Manual pembaikan dan penyelenggaraan pula bertujuan bagi menyediakan satu manual yang seragam dan menjadi rujukan kepada pemilik bangunan untuk kerja-kerja pembaik pulih bangunan. Dan juga monumen dalam kawasan tapak warisan Dunia George Town. Pelaksanaan projek yang dikenal pasti adalah bertujuan bagi menjalankan kerja-kerja pemuliharaan dan pembangunan fizikal dalam kawasan teras seperti mana yang dikenal pasti berdasarkan *integrated management plan*.

Akhirnya penubuhan sebuah pejabat Warisan Dunia adalah perlu bagi menyelia, mengkaji, menyelidik dan menguruskan Tapak Warisan Dunia

khususnya dalam usaha memberikan pendidikan dan juga ilmu pengetahuan kepada semua yang berminat dengan perkara berkaitan dengan warisan dan juga untuk menimbulkan kesedaran tentang warisan di kalangan warga Pulau Pinang. Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang untuk Memperbadankan Ketua Menteri Pulau Pinang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya. Ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian, dipersilakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mengambil bahagian dalam membahaskan cadangan yang telah dikemukakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu Rang Undang-undang Enakmen Ketua Menteri ataupun Perbadanan Ketua Menteri. Sebagaimana yang kita sedia maklum berdasarkan daripada keterangan-keterangan yang telah disampaikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri dan juga dengan apa yang telah pun terlaksana selama ini. Pulau Pinang sebenarnya telah mempunyai banyak agensi-agensi yang telah ditubuhkan bagi membantu kerajaan negeri Pulau Pinang sejak daripada zaman kerajaan Barisan Nasional sehinggalah sekarang iaitu di antaranya ialah investPenang, PDC, Penang Global Tourism. Kita juga ada PEGIS, kita juga ada SSI, itu di antaranya, mungkin ada lagi yang saya tak dapat senaraikan di sini.

Persoalannya di sini ialah kalau kita lihat tujuan-tujuan penubuhan agensi-agensi yang telah disebutkan tadi adalah bertujuan untuk menjalankan segala peranan-peranan sebagaimana yang telah disebutkan oleh ahli daripada Air Putih sebentar tadi. Jadi kalau kita melihat hal-hal yang berkaitan dengan pelaburan, hal-hal yang berkaitan dengan pelaburan tanah, permodalan, perkara-perkara yang berkaitan dengan *tourism* dan *heritage*, kesemuanya ini telah pun di *cover* (dengan izin) atau pun telah pun dijalankan oleh agensi-agensi yang telah disebutkan tadi.

Oleh yang demikian saya ingin menyatakan pendirian saya di sini bahawa saya tidak bersetuju dengan cadangan tersebut kerana ini telah menunjukkan satu keadaan *redundency*, satu pertindihan dan yang kedua mewujudkan satu keadaan di mana seolah-olah kita tidak meyakini tentang keupayaan, *capability* pegawai dan agensi yang telah kita tubuhkan tersebut. Dan persoalan yang seterusnya, apakah agensi-agensi yang kita telah tubuhkan seperti SSI, investPenang, PDC, *Penang Global Tourism*, PEGIS telah pun mencapai satu tahap *outcome*, *output* yang maksimum sehingga mereka tidak lagi berdaya berkeupayaan untuk mengendalikan segala isu-isu yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi? Apakah mereka sudah sampai kepada satu tahap yang maksimum keupayaan dia, sudah menjadi tepu, sudah tidak boleh bergerak lagi sehingga memaksa kita menubuhkan Pemerbadanan Ketua Menteri tersebut. Jadi saya bimbang apabila kita menubuhkan terlalu banyak agensi dan

terutamanya agensi ini adalah agensi yang menjuruskan kepada *power centric* kerana ada pepatah menyebutkan *power corrupt absolute power corrupt absolutely*. Kita bimbang, saya tidak menuduh apa-apa tetapi saya bimbang kerana kadang-kadang peribahasa ini pun betul ya. Kadang-kadang kita lihat kalau dah sampai satu peringkat kita menjadi macam, macam apa nama firaun, saya kata macam, saya tak tuduh siapa-siapa. Maknanya dia berkuasa, semua dia tentukan kita bimbang takut nanti ada *corrupt absolutely*.

Jadi merujuk kepada pemerintahan Kalifah Omar Abdul Aziz yang menjadi teras yang didakwa oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam pentadbiran ingin mengikut cara pentadbiran Kalifah Omar Abdul Aziz. Di antara cerita yang cukup popular dalam pengurusan tadbir Kalifah Omar Abdul Aziz ini ialah dari segi sikapnya, pendirian dia dalam menguruskan harta-harta milik kerajaan yang begitu hati-hati dan cermat dan berjimat tidak ada pembaziran sehingga pelita yang digunakan untuk membincangkan urusan keluarga dengan urusan negara dibezakan. Menunjukkan pada satu sikap perlu kepada satu ketegasan dari segi penjimatan dan sikap berhati-hati. Namun begitu kalaulah ditubuhkan pula Pemerbadanan Ketua Menteri tadi yang kita rasa ada *redundancy* nya, maka di sini sudah menunjukkan wujud pembaziran. Bila ada satu pemerbadanan, maknanya ada pegawai dia, ada logistik dan sebagainya yang melibatkan emolumen, yang melibatkan *whatever* perbelanjaan, dan sudah pasti perbelanjaan-perbelanjaan ini adalah perbelanjaan berulang kerana kita dah ada agensi-agensi lain yang melaksanakan kerja-kerja yang sama ataupun kita boleh menyerapkan tugas-tugas dan juga cadangan-cadangan tadi ke dalam agensi-agensi yang berkaitan, sebab dari segi pelancongan pun kita dah ada Penang Global Tourism, kita besarkan sedikit dan berikan keupayaan kepada agensi-agensi yang telah kita wujudkan tadi. Memperkasakan agensi-agensi yang telah kita wujudkan supaya di sini kita dapat menunjukkan satu kepercayaan kepada agensi yang kita bentuk, dapat mengelakkan pembaziran dan sekali gus kita menunjukkan satu bukti kepada rakyat bahawa kita bukan satu kerajaan yang hanya membentuk, membentuk dan terus membentuk pelbagai agensi-agensi yang akhirnya besok kita risau ianya menjadi Gajah Putih. Kita risau ianya menjadi satu pemulangan-pemulangan yang tidak bermanfaat. Jadi dengan ini saya ingin menyatakan pendirian bahawa kami tidak menentang kalau nak ditubuhkan tadi enakmen yang berkaitan dengan air. Kita sokong, itu untuk kepentingan rakyat, nak tubuhkan arked perniagaan kita di Batu Kawan, buatlah kita sokong. Tetapi dalam isu Pemerbadanan Ketua Menteri saya mohon dipertimbangkan dan difikirkan semasak-masaknya, dikaji sehalus-halusnya apakah dan difikirkan semasak-masaknya, dikaji sehalus-halusnya apakah kerugian-kerugian yang akan ditanggung oleh rakyat? Terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Seterusnya, Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker, saya memohon kebenaran untuk membahaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-undang enakmen Ketua Menteri (Pemerbadanan) 2009. Pada asasnya saya amat persetujuan secara penuhnya bahawa kerajaan negeri menubuhkan sebuah Perbadanan

Ketua Menteri Pulau Pinang demi tujuan menjana dan membangkit lagi pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang. Dalam aspek ini saya berpendapat Perbadanan Ketua Menteri ini boleh menumpukan aktiviti dalam pelaburan, pengangkutan awam dan juga kerja pemeliharaan warisan.

Y.B. Tuan Speaker, krisis ekonomi global kini melanda di seluruh dunia termasuklah Pulau Pinang. Saya percaya sekiranya sebuah Perbadanan Ketua Menteri dapat ditubuhkan, Ketua Menteri Pulau Pinang akan dapat memainkan peranan beliau dengan lebih efisien melalui Perbadanan Ketua Menteri ini. Saya telah meneliti Rang Undang-undang ini khususnya Fasal 4, Fasal 5 dan Fasal 6 Rang Undang-undang enakmen ini. Melalui kuasa-kuasa yang dirangkumi dalam enakmen Ketua Menteri akan dapat menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Penubuhan Ketua Menteri Pulau Pinang Perbadanan ini, patut dilihat sebagai satu langkah positif oleh kerajaan negeri dalam usahanya memajukan ekonomi Negeri Pulau Pinang dengan langkah yang lebih progresif dan pro aktif.

Y.B. Tuan Speaker, dengan adanya Ketua Menteri Perbadanan dan prinsip-prinsip korporat dapat diterima pakai. Saya melihat Perbadanan Ketua Menteri ini, sebagai sesuatu penggerak pertama dan juga utama dalam khidmat sokongan dalam perkembangan ekonomi dan industri negeri. Perbadanan ini akan menjadi pangkalan kepada semua aktiviti yang berfaedah dan dilaksanakan oleh Ketua Menteri. Melalui Perbadanan Ketua Menteri segala dasar yang ditentukan oleh Ketua Menteri akan dapat di *channel* dan diperluaskan kepada jabatan-jabatan serta agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan di mana Ketua Menteri akan bertindak sebagai CEO (dengan izin). Segala maklumat mengenai dasar-dasar memperkembangkan ekonomi negeri memerlukan satu sistem hebahan yang efektif kepada setiap agensi kerajaan dan lapisan masyarakat negeri Pulau Pinang. Dari Perbadanan Ketua Menteri ini, Perbadanan ini dapat menyelaraskan agensi, dapat menyelaraskan agen-agen penghebahan dasar ini.

Di samping itu Perbadanan Ketua Menteri ini juga boleh memegang saham dalam syarikat atau industri-industri tertentu dalam menjana pendapatan kepada kerajaan negeri dan sumber pendapatan ini juga dapat digunakan untuk membantu industri lain yang lebih lemah di negeri ini. Saya juga melihat Perbadanan Ketua Menteri ini sebagai pemikul tanggungjawab untuk menjadi pemantau kepada semua dasar dan projek pelaburan yang akan dilaksanakan oleh kerajaan negeri. Y.B. Tuan Speaker, sebenarnya perbadanan seperti Perbadanan Ketua Menteri ini telah diwujudkan oleh negeri-negeri lain di mana Perbadanan Menteri Besar ditubuhkan di negeri-negeri lain seperti di Negeri Sembilan, Selangor, Terengganu, Kelantan, negeri-negeri itu mempunyai Perbadanan Menteri Besar.

Oleh itu saya nampak tidak ada apa-apa halangan kepada Negeri Pulau Pinang untuk menubuhkan sebuah Perbadanan Ketua Menteri seperti Perbadanan Menteri Besar di negeri lain. Begitu juga di Negeri Melaka, Perbadanan Ketua Menteri Melaka juga ditubuhkan pada 1June 2002 yang bertujuan membantu anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Melaka dan anak-anak agensi Kerajaan Negeri Melaka dari segi pengurusan kewangan dan khidmat nasihat kewangan. Oleh itu saya memang setuju bahawa satu Perbadanan Ketua Menteri yang serupa juga patut ditubuhkan di Negeri Pulau Pinang ini.

Saya juga difahamkan bahawa Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang ini boleh memainkan peranan besar dalam usaha memelihara, melindungi dan mempromosikan warisan George Town selaras dengan pengurniaan status Tapak Warisan UNESCO kepada George Town. Memandangkan kepentingan tujuan memelihara dan memperkukuhkan nilai warisan George Town. Pelbagai program dan aktiviti mengenai pemeliharaan warisan ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan sekiranya dilaksanakan dan dipantau oleh Ketua Menteri sendiri.

Oleh yang demikian, Perbadanan Ketua Menteri dapat mengambil alih peranan ini dan menguruskan sebarang mengenai warisan ini. Dengan wujudnya Perbadanan Ketua Menteri ini saya juga berpendapat kerajaan negeri dapat mengambil lebih ramai profesional atau pakar-pakar agar lebih menyumbang pengetahuan mereka kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya amat sokong bahawa semangat korporat dapat diaplikasikan dalam sesebuah agensi kerajaan terutamanya jawatan Ketua Menteri yang merupakan jawatan paling penting dalam sesebuah pentadbiran kerajaan. Unsur-unsur korporat dipakai dalam agensi kerajaan bukanlah lagi satu perkara yang aneh dan baru di dunia ini termasuklah di Malaysia. Dengan penubuhan Perbadanan Ketua Menteri saya percaya dengan kredibiliti Ketua Menteri akan dapat memainkan peranannya sebagai pelabur yang penting dalam membantu menjanakan pendapat kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Oleh demikian Y.B. Tuan Speaker saya memohon menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Pantai Jerejak, silakan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil perbahasan dalam enakmen Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang. Tuan Speaker, saya nampak enakmen ini sebagai satu langkah positif terhadap satu *political will* menjadikan Pulau Pinang untuk menarik pelabur-pelabur daripada luar negara. *Political will* ini tunjukkan oleh Ketua Menteri kerana kalau pelabur-pelabur datang ke Malaysia, ke Pulau Pinang mereka ingin berjumpa dengan Perbadanan yang boleh membuat keputusan dan ini dengan memperbadankan Ketua Menteri, *investors* dapat jumpa dengan Ketua Menteri dan juga Perbadanannya yang dijalankan secara mengkoordinasi seterusnya mendapatkan membawa *investor-investor* ke Pulau Pinang dengan lebih efektif dengan keadaan ekonomi yang begitu mencabar, langkah ini yang perlu diambil oleh kerajaan negeri. Y.B. Tuan Speaker, ini memang menunjukkan satu penubuhan sikap bagi kerajaan negeri, saya akui bahawa kita mempunyai PEGIS, kita mempunyai PDC, SSI, InvestPenang, dan sebagainya. Kita tahu bahawa ada banyak agensi di negeri kita ini tetapi walau bagaimanapun kita memerlukan satu *driver*, kita memerlukan satu pemangkin yang di mana ia akan memajukan dari segi pelaburan, dari segi menarik pelaburan dari segi melaksanakan projek-projek ini adalah penting bagi Pulau Pinang. Dulu kita mempunyai banyak agensi tetapi kita tidak mempunyai *driver*, kita mempunyai banyak agensi tetapi mereka buat kerja sendiri dan tidak mempunyai satu hala tuju.

Jadi di bawah pimpinan Barisan Nasional dulu kita tidak mempunyai satu *direction* kita mempunyai *reactive* terhadap yang berlaku jadi Negeri Pulau Pinang menjadi semakin mundur dan tidak bermaya. Jadi saya nampak ini adalah satu cara baru *political will* di mana kita telah mempunyai Ketua Menteri sebagai *driver and get things done*. Y.B. Tuan Speaker kita juga harus saya mempunyai harapan yang baru kepada Perbadanan Ketua Menteri kerana kita memerlukan pelaksanaan projek dengan lebih besar, lebih *effective*, lebih *efficient*. Kita mempunyai banyak masalah di kawasan-kawasan seperti pengangkutan awam dan juga Tapak Warisan UNESCO. Kita perlu pelaburan untuk merencanakan lagi aktiviti seperti sektor perumahan, hartanah, pembuatan, pelancongan dan lain-lain lagi. Sektor ini adalah penting kepada ekonomi Pulau Pinang. Jadi Perbadanan Ketua Menteri boleh memajukan pelaburan dan juga kemajuan dari segi sektor-sektor ini semua. Tuan Speaker, Perbadanan Ketua Menteri juga akan menjalin hubungan yang baik dengan pelabur-pelabur kerana kalau menjadi *driver* dan menjadi perbadanan yang utama dia akan membina reputasi dan juga kredibilitinya sebagai pemaju ekonomi Negeri Pulau Pinang. Jadi pelabur-pelabur akan terus datang ke Perbadanan Ketua Menteri.

Dalam keadaan ekonomi yang mencabar ini adalah penting sebagai seorang ahli kerajaan negeri saya juga ingin memainkan seorang ahli yang setia saya juga mengharapkan supaya Ketua Menteri akan berusaha menyusun supaya PDC, InvestPenang dan sebagainya tidak mempunyai *ovulating of functionality* supaya kita mempunyai satu barisan satu *team* untuk mencapai matlamat memajukan ekonomi Pulau Pinang dan dengan adanya Ketua Menteri Cooperated, tohmahan-tohmahan seperti oleh Pembangkang seperti Gerakan adalah Ketua Menteri sebagai boneka kepada Datuk Seri Anwar adalah tidak wujud sekali pun. Jadi saya meminta memohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli Kawasan Telok Bahang silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Ketua Menteri cuma satu *point* sahaja. Tadi Y.B. daripada Permatang Berangan sebut tentang jawatan-jawatan yang dipegang oleh Ketua Menteri memang terlalu banyak beliau, adalah ADUN, beliau adalah Ketua Menteri, beliau Ahli Parlimen, Pengerusi PBA, PDC, Pengerusi Lembaga Tender, satu lagi Pengerusi Ketua Menteri Cooperated, banyak sangat kot Ketua Menteri. Saya apabila mendengar ucapan daripada Y.A.B. Ketua Menteri tadi beliau hendak menumpukan kepada aktiviti warisan yang tu yang saya dengar tadi lah. Kalau itu tujuannya, tak payah lah buat, buat satu anak syarikat di bawah SSI, SSI dah ada berjalan lama dah. Buat satu *special beakers* APV dan buat aktiviti ini. Dah ada dah, cukup tak payah melibatkan kos seperti yang disebut tadi dan tak kan kita tak yakin dengan SSI yang kita lantik ini, satu orang yang kita dah sebut dah, semua *quality* dia *very good* buat bagi tugas. Ketua Menteri dah banyak sangat tugas, tak payah, saya ingat kita tak payah setujulah Tuan Speaker, kita buat *special vehicle* dan jalankan tugas itu, terima kasih Y.B. Tuan Speaker.

Y.B. Tuan Speaker:

Adun Komtar, silakan.

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Terima kasih Y.B. Speaker kerana diberikan bagi saya menyertai perbahasan ke atas Rang Undang-undang ini. Tuan Speaker, penubuhan Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang atau dalam singkatannya CMI akan memberi satu dimensi yang baru terhadap aktiviti pelaburan di Pulau Pinang. Yang penting sekali CMI akan memberi fokusnya terhadap komitmen kerajaan negeri untuk memelihara, mempromosi dan melindungi nilai warisan di George Town untuk khususnya selepas George Town disenaraikan sebagai Tapak Warisan UNESCO.

Y.B. Tuan Speaker, semalam dewan-dewan perniagaan bersama Pulau Pinang dalam memorandum yang dihantar kepada kerajaan negeri menyatakan bahawa kerajaan negeri kelihatan tiada hala tuju atau kurang berpandangan jauh dalam perancangannya untuk memelihara atau mempromosi nilai warisan di George Town. Keadaan ini kemungkinan besar akan menyebabkan status George Town sebagai Tapak Warisan UNESCO dilucutkan. Ini menyebabkan warga kota George Town, para pelabur, para peniaga serta badan-badan bukan kerajaan yang inginkan kerajaan negeri mengambil satu tindakan proaktif dalam memangkinkan lagi pembangunan Tapak Warisan Sedunia ini termasuk juga rang undang-undang yang terletak, bangunan-bangunan warisan yang terletak di luar kawasan Tapak Warisan George Town. Tuan Speaker, memandangkan kebanyakan bangunan usang dalam lingkungan Tapak Warisan George Town adalah dalam milikan persendirian, maka CMI dapat memainkan peranan yang aktif dalam menarik minat pelabur-pelabur asing dan tempatan untuk membuat pelaburan ke atasnya termasuk memasuki usaha niaga komersial atau perusahaan atau masuki perkongsian atau usaha sama dengan mana-mana orang atau organisasi. CMI juga boleh menubuhkan Yayasan Pembangunan Warisan dengan kerjasama sektor swasta untuk memberi atau mengambil-alih bangunan berwarisan pada kadar yang sama untuk dibangunkan semula.

Walaupun Y.A.B. Perdana Menteri telah mengumumkan sejumlah RM57 juta dalam bajet yang dibentangkan dalam Parlimen tahun lepas dalam tujuan pemuliharaan Tapak Warisan Sedunia di mana George Town dan Melaka yang diiktiraf sebagai bandar-bandar bersejarah Selat Melaka oleh UNESCO masing-masing di peruntukkan RM50 juta untuk tujuan tersebut. Namun sehingga hari ini peruntukkan tersebut masih belum disalurkan sesen pun kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jikalau tanpa mengambil sebarang inisiatif seperti menubuhkan CMI bagi menjana sumber pendapatan tambahan bagi tujuan tersebut maka kerajaan negeri terpaksa menunggu sahaja dana tersebut disalurkan yang sehingga kini tiada sebarang berita lagi walaupun kertas cadangan telah diluluskan oleh kerajaan dan telah disalurkan kepada Warisan Negara selepas itu. Pemuliharaan Tapak Warisan Sedunia selalunya melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi. Y.A.B. Ketua Menteri telah memohon peruntukkan RM251.6 juta termasuk RM200 juta dalam bentuk pinjaman berfaedah rendah pada tahun ini. Pinjaman tersebut bertujuan untuk membantu pemilik-pemilik tanah persendirian dalam lingkungan Tapak Warisan George Town memperbaiki dan menambah lagi premis-premis mereka yang semakin usang dan ada di antaranya akan jatuh jikalau sebarang kerja dilakukan dengan segera. Sejak

Akta Kawalan Sewa 1996 dimansuhkan oleh Kerajaan Persekutuan pada 1 Januari 2000. Kadar sewa bagi bangunan-bangunan yang di George Town sebelum Perang Dunia Kedua telah melambung tinggi sehingga penghuni yang asal telah berpindah ke kawasan-kawasan luar bandar George Town.

Bagi penghuni-penghuni yang masih menghuni di sekitar George Town mereka juga menghadapi masalah pendapatan sumber kewangan atau pinjaman bagi menjalankan kerja-kerja pembaikan ke atas bangunan-bangunan usang tersebut. Dengan itu saya bercadang CMI bekerjasama dengan pihak bank atau Institusi Kewangan yang sesuai supaya pinjaman dapat disediakan pinjaman dengan kadar yang rendah kepada pihak-pihak yang ingin membuat permohonan terhadapnya. Kerajaan Persekutuan pernah menyediakan pinjaman sedemikian bagi tujuan pemuliharaan bangunan-bangunan usang tapi kurang mendapat sambutan daripada warga-warga Pulau Pinang atas sebab kadar faedah 4% dikenakan yang dilihat sebagai satu beban kewangan terhadap mereka yang berpendapatan kurang tinggi.

Saya harap kerajaan negeri dapat mengambil iktibar daripada kegagalan tersebut supaya pinjaman dengan kadar faedah yang lebih rendah seperti 1 % atau 2% dapat disediakan oleh pihak bank swasta kepada mereka yang memang memerlukannya untuk menjamin keselamatan nyawa sekeluarga mereka, jikalau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan tidak dapat disediakan. Kerja-kerja yang perlu dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri termasuklah memulihara kedai-kedai, rumah-rumah ibadat dan tugu peringatan serta kerja-kerja landskap. Selain dari kerja-kerja fizikal, kita juga perlu menggiatkan lagi usaha-usaha bagi penggalakan pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong ke tapak warisan George Town serta aktiviti-aktiviti kebudayaan untuk menyuntik idea-idea yang baru serta nafas yang baru ke dalam tapak warisan George Town. Sehingga kini adakah sebarang aktiviti yang telah dirancang untuk meraikan 7 Julai 2009 yang merupakan ulang tahun pertama bagi George Town disenaraikan sebagai tapak warisan George Town. Saya berharap dengan penubuhan Penang Global Tourism Sdn. Bhd., dan CMI yang bakal diluluskan ini kita dapat menganjurkan pelbagai jenis program untuk menarik minat pelancong ke sini di samping meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan memelihara bangunan-bangunan warisan.

Y.B. Tuan Speaker, di Melaka kita ada Jonker's Street, di Singapura kita ada Orchard Road, di Bangkok kita ada Kau San Road, di Xianmen yang merupakan Bandar berkembar bagi Pulau Pinang kita ada Chong San Road tetapi di Pulau Pinang kita mempunyai Penang Road yang kehilangan daya tarikannya jikalau dibandingkan dengan tahun 1980 an dan 1990 an. Penang Road merupakan satu-satu jalannya di Pulau Pinang yang dapat menonjolkan dan melambangkan identiti Bandar George Town. Jikalau usaha-usaha tertentu dapat dilakukan untuk memulihkan Penang Road termasuk jajaran dari *Times Square* sehingga ke *Upper Penang Road* selaras dengan projek pemuliharaan KOMTAR yang sedang kita usahakan dan membangunkan kawasan di sekitar Pasar Chowrasta sebagai Bazar Malam dengan mengilhamkan Si Lin, *night bazaar* di Taipei maka saya percaya rakyat kita pasti bangga dengan Penang Road seperti rakyat Singapura yang sering bangga dengan Orchard Road mereka.

Seperti CMI atau MBI yang telah ditubuhkan di negeri-negeri yang lain, penubuhan CMI yang terkandung dalam Rang Undang-Undang ini sememangnya membolehkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melibatkan diri secara langsung dalam aktiviti-aktiviti yang lain. Namun saya berharap CMI yang akan ditubuhkan ini dapat menubuhkan segala usahanya dan menjuruskan terhadap pemuliharaan pembangunan dinamik serta promosi warisan tapak Georgetown supaya status kita sebagai Tapak Warisan Sedunia dapat dikekalkan selama-lamanya.

Y.B. Tuan Speaker, saya melihat penubuhan CMI sebagai sesuatu yang positif supaya kita dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya terhadap pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan sedunia. Ini tidak bermakna bahawa Kerajaan Negeri telah hilang keyakinan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan yang seperti di dakwa oleh Yang Berhormat daripada Permatang Berangan. Tuan Speaker, CMI juga dapat dilihat sebagai sebuah badan penggerak atau pusat sehati yang dapat mengkoordinasikan fungsi-fungsi yang dimainkan oleh pelbagai agensi yang berlainan seperti MPPP, Jabatan Pembangunan Bandar dan Desa, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Warisan Negara dan Penang Global Tourism Sdn. Bhd. supaya kita dapat memainkan peranan yang lebih menyeluruh untuk melaksanakan pelan pengurusan warisan yang telah digariskan untuk tujuan penyenaian George Town sebagai tapak warisan sedunia. Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan, sekian terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Ada lagi, Ahli Kawasan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, saya bangun untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Ketua Menteri diperbadankan. Saya mohon semua Ahli-ahli Dewan baik pembangkang atau Ahli-ahli daripada *back benchers* supaya kita menolak cadangan penubuhan Perbadanan Ketua Menteri ini kerana kalau kita bersetuju menunjukkan bahawa kita hendak membazirkan wang rakyat kerana kita telah melihat bahawa kerajaan negeri telah pun ada *State Secretary* yang telah diperbadankan dan saya melihat fungsinya adalah sama dengan Ketua Menteri yang diperbadankan, sama. Sekiranya Ketua Menteri menjelaskan tadi untuk *invest* untuk buat tarik pelaburan, kita sudah ada invest Penang cuma perlu dipermantapkan sahaja. Kalau kita bercakap tentang warisan, kita juga telah ada Jawatankuasa khusus untuk melihat tentang warisan ini maka itu juga perlu dipermantapkan. Jadi kenapa perlu tubuh Ketua Menteri diperbadankan lagi? Maka tidak nampak apakah arah tujuan sebenarnya penubuhan Ketua Menteri diperbadankan? Kalau kita semua menyokong bermakna kita semua membazir wang rakyat. Kita bercakap tentang CAT, kita bercakap tentang ketelusan...(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Minta penjelasan, minta penjelasan, terima kasih Y.B. Kawasan Sungai Dua. Konsep penswastaan adalah satu konsep penswastaan yang telah pun dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional. Jika bila ada konsep penswastaan,

kenapa sekarang pula hendak menolak? Ini tidak masuk akal jadi CMI ini sebab di dalam CMI *Incorporated* siapa-siapa yang tidak puas hati boleh dakwa atau didakwa. Ketelusan dia ada, tidak perlulah waswas sangat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang Berhormat Tuan Speaker

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan, penjelasan, sebenarnya Yang Berhormat daripada Batu Uban, kalau kita kata penswastan yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional itu adalah merupakan satu konsep dalam penjimatan kos kerajaan. Daripada kita terpaksa membelanjakan sesuatu perkara, kita minta swasta buat tetapi masalah di Negeri Pulau Pinang seperti Y.B. Ahli Kawasan Sungai Dua tadi kita sudah ada empat lima agensi-agensi yang ditubuhkan untuk memainkan peranan yang sama. Ini yang kita sebut *redundancy* tadi ...(dengan izin). Yang Berhormat Speaker, di mana penjimatan dia?. Berbeza dengan penswastan tadi itu penjimatan. Sekarang ini perbezaan di antara Chief Minister Incorporated dari segi fungsinya dengan agensi-agensi yang kita sebutkan tadi terlalu tipis, terlalu dekat jadi sehinggakan silap urus *redundant*, silap urus kita akan bertindih, silap urus kita akan bertindih jadi *what for?* Untuk tujuan apa kita membelanjakan wang yang banyak sebagaimana kita kata tadilah untuk emolumen, untuk logistik untuk segala urus tadbir, tiba-tiba kita melaksanakan tugas yang sama, terima kasih Y.B. Kawasan Sungai Dua.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam):

Minta laluan, hendak jawab, hendak jawab.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tidak payah jawablah, tidak payah jawablah. Bila minta penjelasan, saya yang kena jawab. Jadi saya setuju dengan Ahli Permatang Berangan. Kita nampak di sini Y.B. Tuan Speaker, bahawa memang kalau kita tubuhkan juga perbadanan ini jelas menunjukkan bahawa kita membazirkan wang rakyat. Kita telah banyak menubuhkan SSI di mana SSI ini juga telah berperanan, kalau kita melihat penubuhan Perbadanan Ketua Menteri pula sama sahaja. Saya nampak tidak ada perbezaan dengan penubuhan SSI ini jadi kenapa perlu ada *overlapped*. Jadi sebab itu saya tidak nampak arah tujuan Perbadanan Ketua Menteri. Saya tidak tahulah kalau Y.A.B. Ketua Menteri ini hendak gunakan penubuhan ini untuk mengukuhkan kuasanya sebagai Ketua Menteri tetapi sekarang ini kita nampak ia tidak memberi apa-apa makna kerana SSI *State Secretary Incorporated* telah ada, maka tidak penting lagi dan sepertimana yang saya tekankan sekali lagi semua yang mengundi hari ini akan bertanggungjawab kepada rakyat. Kalau mereka mengundi menyokong enakmen ini. Kita seharusnya menolak enakmen ini kerana ianya merugikan wang rakyat, sekian terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker :

Seterusnya saya buka kepada penggulungan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Yang Berhormat Tuan Speaker, terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap dan membahaskan Rang Undang-undang Ketua Menteri Pulau Pinang Perbadanan 2009. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Paya Terubong, memang Rang Undang-undang Ketua Menteri Pulau Pinang bukanlah satu perkara baru. Ia memang diluluskan oleh negeri-negeri seperti yang disebutkan oleh beliau lebih awal lagi. Kesemuanya diluluskan semasa dalam pemerintahan Barisan Nasional dan dalam aspek ini ia bukanlah sesuatu yang luar biasa dan bukan sesuatu yang baru juga dan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Paya Terubong memang benar kerana memang kita harap dengan penubuhan CMI ini dapat juga menggerakkan sektor-sektor tertentu di mana kita boleh berikan keyakinan kerana kita lihat dari segi CMI untuk orang luar sungguhpun dari segi maksud dan keberkesanannya adalah serupa tetapi untuk orang luar mereka lihat kalau sekiranya ada perkataan atau istilah Ketua Menteri mereka rasa seperti ia diberi perhatian yang lebih oleh kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri :

Ya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.A.B. Ketua Menteri. Adakah dengan kenyataan itu menunjukkan bahawa agensi-agensi yang disebutkan tadi tidak diyakini oleh pelabur-pelabur asing atau pendek kata InvestPenang maka orang tidak yakin, orang terpaksa mendengar perkataan *Chief Minister Incorporated*. Kemudian satu lagi soalan kedua ialah adakah kalau dikatakan negeri-negeri lain buat, CM *Incorporated* ini maka kita juga perlu buat, sedangkan mungkin dari segi *environment* nya, atau pun keperluannya tidak sama dengan semua negeri. Kita ada Penang Invest, Invest Penang *sorry*, kita ada Penang Global Tourism, tetapi mungkin agensi-agensi seperti ini tidak wujud di negeri-negeri lain yang menyebabkan perlunya mereka menubuhkan Perbadanan Menteri Besar atau sebagainya jadi kita perlu melihat suasana atau konteks Negeri Pulau Pinang untuk kita mempertimbangkan tentang cadangan CMI ini, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa, saya belum habiskan penjelasan saya. Saya rasa Ahli Permatang Berangan lebih cepat dari saya. Seperti yang saya sebutkan tadi dalam aspek bila diberikan perhatian yang lebih, saya rasa dari segi tugasnya seperti yang disebutkan dalam ucapan pencadangan saya tadi khususnya ditumpukan ke atas pemeliharaan dan juga perlindungan warisan. Lebih-lagi lagi apabila George Town disenaraikan oleh UNESCO sebagai satu tapak warisan dunia dan dalam aspek ini adalah penting bahawa kerajaan negeri memberikan penekanan yang sewajarnya ke atas aspek ini kerana saya rasa untuk sesuatu

badan memberikan penekanan yang sepenuhnya saya rasa adalah sepadan dengan sebuah badan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti UNESCO.

Yang Berhormat daripada Pantai Jerejak pun telah saya rasa telah menjawab banyak soalan yang ditimbulkan oleh Pihak Pembangkang dan saya rasa kalau kita hendak menjawab secara ringkas, kita boleh lihat jawapannya di dalam ucapan daripada Yang Berhormat Pantai Jerejak dan juga daripada Yang Berhormat KOMTAR. Tentang soalan yang ditujukan oleh Yang Berhormat KOMTAR tentulah kerajaan negeri bercadang untuk menyambut pada 7 Julai iaitu sebagai ulang tahun pertama di mana George Town disenaraikan oleh Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO dan Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan yang baru sendiri akan memastikan ia dijalankan dalam suasana yang meriah dan wajar kerana aspek ini tentang cadangan untuk mengadakan satu jalan atau pun satu tapak tertentu untuk meraikan dan memaparkan ciri-ciri khusus dan unik Pulau Pinang. Saya rasa itu adalah satu cadangan yang baik yang kita akan terima maklum balas daripada pelbagai pihak untuk menunjukkan atau menonjolkan *diversity* atau kepelbagaian budaya atau kaum yang wujud di Negeri Pulau Pinang yang memenuhi ...(dengan izin), *outstanding universal value* yang telah membolehkan Pulau Pinang disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia. Seperti yang dinyatakan tadi oleh Yang Berhormat daripada Pantai Jerejak memang kita harap ia juga akan menjadi satu lagi pemangkin, saya rasa kalau kita boleh dapat pemangkin, kita mahukan lebih banyak supaya kita boleh mencapai ...(dengan izin) *critical mass, I think we need a lot of drivers to achieve the necessary momentum to which critical mass. Once you reach critical mass, it creates its own momentum.* Saya rasa itu adalah sesuatu hakikat yang kita harus menjurus. Saya amat tertarik juga apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Permatang Berangan yang menyebut tentang pertindihan yang berlaku.

Saya rasa kalau kita bercakap dan merujuk kepada nilai warisan kini buat sementara waktu tidak ada agensi yang bertanggungjawab khusus untuk nilai-nilai warisan dan walaupun George Town telah di senarai sebagai tapak Warisan Dunia oleh UNESCO, adakah ianya perlu dibiarkan sahaja. Tentulah kita boleh tubuh beberapa syarikat ataupun jabatan, tetapi ia tidak seperti yang saya nyatakan tadi, tetapi ia tidak akan memberikan status sewajarnya ataupun sepadan atau selaras dengan pengisytiharan yang begitu bernilai oleh sebuah badan besar seperti UNESCO.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta penjelasan, Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya merujuk peranan CMI ini kepada apa yang telah dinyatakan dalam warta yang dibekalkan pada semua Ahli-Ahli Dewan. Dalam warta ini tidak langsung menjelaskan kata-kata *term of reference* TOR dia, yang berkait dengan perkara-perkara *heritage*, tidak ada langsung. Jadi kalau kita tengok dalam Seksyen 4 dan 5 ini, kuasa Perbadanan dan kuasa tambahan Perbadanan semuanya membicarakan tentang tugas-tugas yang sudah ada pun di dalam SSI di dalam PDC di dalam InvestPenang dan sebagainya. Yang melibatkan kebanyakannya adalah perniagaan, kalau kita tengok Tuan-tuan Ahli-ahli Yang Berhormat boleh merujuk dan baca sendiri dan tidak langsung menceritakan kepada kita tentang tugas yang berkait dengan *heritage*, berkait dengan urus tadbir pemeliharaan warisan dan sebagainya. Saya bimbang apa yang diucapkan dalam Dewan ini hanya

ucapan yang akan diguna pakai nanti adalah warta ini. Sebab ini yang akan kita sahkan dalam Dewan ini, jadi besok apabila CMI ini berfungsi ia akan mengikut semua urusan ini dan urusan ini lebih menjurus kepada semua urusan perniagaan jadi di mana penjelasan Y.A.B. Ketua Menteri berkait dengan *heritage*, saya tidak nampak dalam ini dan saya berpendirian, rakan-rakan saya juga berpendirian bahawa bagi TOR ini tidak dijelaskan dan tidak dimasukkan unsur-unsur seperti yang disebutkan tadi segi warisan dan sebagainya, maknanya kita tidak ada ruang, tidak ada sebab untuk mempertimbangkan cadangan ini diterima. Terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa Yang Berhormat patut faham bahawa CMI ini adalah sama dengan CMI yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri lain dan ini memberikan kepada negeri untuk melibatkan diri dalam perniagaan. Saya rasa itu memang merupakan salah satu kuasa untuk CMI, tetapi dalam aspek ini, ini tidak menghalang kita daripada berniaga kalau kita hendak. Tapi pada masa yang sama pertumbuhan kita ialah mengenai *heritage* mengenai warisan pelancongan yang dimasukkan sebagai perkara pentadbiran dalam CMI. So, dalam aspek ini saya rasa kalau Yang Berhormat ada buat sedikit *home work* ada lihat apa yang dilakukan di CMI di negeri-negeri lain akan mendapati bahawa ia berfungsi untuk mempromosikan dan juga untuk menjaga kepentingan kerajaan negeri. Sama dengan agensi-agensi lain. Dan saya rasa ini adalah penting untuk memberikan keyakinan kepada UNESCO dan juga Badan-Badan lain bahawa kerajaan negeri memang serius dan komited tentang perkara-perkara warisan. Perkara-perkara warisan ada berkaitan dengan hartanah, ada berkaitan dengan usaha untuk membaik pulih dan juga menambah nilai hartanah warisan. Dengan itulah ia merangkumi juga *eco-heritage*. Dalam aspek ini kita tidak boleh lari daripada unsur-unsur sektor swasta. Dalam aspek ini saya rasa mungkin apa yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat mungkin ialah untuk melahirkan pandangan tentang Rang Undang-undang ini, tentulah Yang Berhormat berhak untuk buat demikian. Tetapi kalau hendak menentang pun hendaklah secara konsisten mengapa pula tidak menentang Rang Undang-undang yang telah diluluskan di negeri-negeri lain dan di mana(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Hj. Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan. Sebab.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti saya habis dulu. Yang telah diluluskan di negeri-negeri lain. Dan pada masa yang sama yang membolehkan mereka menjalankan tugas mereka di sini saya rasa apa yang hendak diucapkan oleh Yang Berhormat saya ingat hanya sekadar untuk mungkin melepaskan sesuatu pandangan bahawa ia adalah *with northern* atau sebagainya. Kalau ia betul-betul *with northern* saya rasa ia tidak akan di masukkan ke dalam senarai Persekutuan dalam Perlembagaan Persekutuan. Ini semua termaktub dalam Federal List dan kalau *others* termasuk dalam *federal list* yang telah diguna pakai oleh semua negeri hanya saya rasa Pulau Pinang adalah di antara negeri yang tidak menggunakan peruntukan ini. Seperti yang pernah selalu saya sebut *we have to unlock a value of the asset that we have*. Kita harus melepaskan nilai yang wujud dalam

aset-aset yang ada ataupun dalam kuasa-kuasa yang ada dalam kerajaan negeri supaya kita dapat optimalkan pulangan ataupun peluang bagi kerajaan negeri. Dalam aspek yang sama saya pun amat tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Y.B. Kawasan Permatang Berangan kerana saya rasa inilah kali pertama saya dengar seorang Adun Pembangkang mengangkat atau memetek ungkapan daripada *lock and torn* daripada zaman British yang menyatakan bahawa *corrupts and absolute power, corrupts absolutely* selalu saya rasa ini adalah disebut oleh Parti Pakatan Rakyat tidak pernah saya dengar daripada Parti Barisan Nasional. Dan saya memang bersetuju dengan pandangan Y.B. Permatang Berangan bahawa kita tidak harus ada *absolute power*, itulah sebabnya kita menentang Akta-Akta seperti ISA, *Seduction Act* dan *Printing Presses* dan *Publication Act* kerana ini ialah memusatkan kuasa kepada sesuatu institusi. Dalam aspek ini saya boleh bersetuju tetapi saya rasa dari segi pendekatan yang dipakai oleh Yang Berhormat berlainan. Dan saya ingin memberikan jaminan bahawa ini adalah perjalanan kuasa ini adalah terikat oleh undang-undang. Tidak ada sebarang kepentingan persendirian boleh disalah gunakan kerana sekiranya disalah gunakan ia pun akan disalah gunakan di negeri-negeri lain, yang memang saya rasa terkemuka dengan amalan-amalan yang tidak sihat. Kalau hendak gunakan cara lain saya rasa ada kaedah lain yang lebih menguntungkan tetapi kalau kita lihat tentang seksyen-seksyen yang dipakai ia terikat dan dia dikawal oleh banyak peruntukan undang-undang, seperti kalau kita lihat tentang *Trustee Act* ia pun tertakluk kepada kuasa oleh Akta Pemegang Amanah 1949, so di sini amatlah nyata apa yang telah diterima pakai di negeri lain dan juga di pihak Kerajaan Pusat. Yang menjadi masalah saya rasa adalah dari segi penguatkuasaan dan inilah kalau SPRM boleh berfungsi sebagai sebuah Badan yang dapat mencegah rasuah saya rasa perkara ini dapat disiasat dan dapat dibanteras dan juga(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Isu yang kita bangkitkan ialah bukan isu penguatkuasaan, tetapi yang kita bangkit sekarang, yang kita bincang tadi tentang redundancy, pemulangan, pertindihan kuasa dan hak sebagaimana kalau saya minta tadi, kita merujuk kalau boleh saya hendak baca masa tidak cukup, tapi kita rujuk balik supaya semua orang dapat ini. Bidang kuasa ini membuat kontrak, memperoleh, memegang, menikmati apa-apa perihal harta, alih tidak alih, semua ini sudah ada dalam PDC, dalam SSI yang menjual dan menggadai janji, semua ini sudah ada dalam PDC, dan banyak-banyak lagi semua ini. Ini yang saya katakan, kita mengulang kerja yang sama, kita menubuhkan agensi bagi melaksanakan tugas yang sama, yang sebenarnya macam kata Y.B. Sungai Dua tadi, kita boleh memperkasakan, itu isu yang kita bincang. Kita tidak pernah mempertikaikan tentang masalah penguatkuasaan ataupun masalah dari segi kebolehan kepercayaan kepada pematuhan, kita bincang tentang pengulangan kerja-kerja yang sebenarnya yang boleh dibuat oleh agensi-agensi yang sedia ada. Tidak semesti kita mengikut apa yang dibuat oleh mana-mana kerajaan negeri lain, mungkin mereka mempunyai satu keadaan yang berbeza dengan keadaan Negeri Pulau Pinang. Dan mungkin mereka tidak mempunyai agensi yang macam mana ada di Negeri Pulau Pinang. Maka dengan sebab itu di dalam konteks Negeri Pulau Pinang adakah cadangan ini perlu kita laksanakan, CMI ini perlu kita tubuhkan, atau pun cukup dengan kita memperkasakan institusi sedia ada. Itu isunya, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa kalau kita cakap tentang warisan, adalah tidak kena pada tempatnya, dia diuruskan oleh Badan InvestPenang, macam mana warisan ada kaitan dengan Invest Penang atau sebagainya. Saya rasa kita mesti berikan peranan yang khusus dan seperti Yang Berhormat pun akan sedia maklum, bahawa ini hanya diterima pakai di semua negeri dan kalau cakap bahawa ada keadaan yang berbeza di negeri lain. Di negeri lain dia ada Badan yang di Pulau Pinang tidak ada, sama juga di Pulau Pinang ada di negeri lain tidak ada. Tetapi kalau kita lihat secara am pada dasarnya hampir kesemua negeri ada CMI kecuali Pulau Pinang dan saya rasa itulah yang kita hendak selaraskan sahaja dan tidak ada apa-apa muslihat mungkin seperti yang selalu saya sebut janganlah gunakan standard yang sama untuk menilai sesama kita kerana memang dari aspek ini kerajaan negeri akan berpegang teguh kepada prinsip *Rules Of Law* dan memastikan bahawa ia memenuhi hasrat yang kita tetapkan. Dalam aspek ini Y.B. Tuan Speaker, saya juga menyatakan bahawa dalam aspek berjimat cermat saya rasa ia tidak ada kaitan dengan aspek berjimat cermat. Seperti yang telah saya nyatakan sebelum ini kerajaan negeri telah memastikan bahawa perbelanjaan berhemah menjadikan satu amalan kerajaan negeri dan ini boleh dilihat bila kita dapat pulangan lebihan dan juga mengurangkan kos yang melibatkan lebihan untuk kerajaan negeri sebanyak RM11.1 juta. Ini adalah dalam *facts and figures*. Oleh sebab itu saya rasa janganlah gunakan saya rasa sebab-sebab yang bukan-bukan yang tidak dapat meyakinkan Dewan Yang Mulia ini bahawa CMI ini tidak diperlukan. Saya rasa seperti yang saya sebut tadi kita harus *unlock our powers, unlock the value of our assets* ...(dengan izin), supaya kita dapat memaksimumkan pulangan kita dan dengan CMI ini saya rasa kita dapat memastikan semua jentera kerajaan dapat mengikut tujuan khusus dan berjalan dengan lancar. Sekian terima kasih.

Y.B. Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali kedua. Ahli-Ahli yang bersetuju katakan 'Ya' yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'.

Ahli-ahli Kerajaan:

'Ya.'

Y.B. Tuan Speaker:

'Ya,' lebih banyak.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama suatu enakmen untuk memperbadankan Ketua Menteri Pulau Pinang untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibaca kali kedua. Rang Undang-undang sekarang berada dalam jawatankuasa.

Setiausaha:

Fasal 1 hingga 7. Adakah menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang?

Ahli-ahli Kerajaan:

'Ya.'

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama suatu enakmen untuk memperbadankan Ketua Menteri Pulau Pinang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

Y.B. Tuan Speaker:

Tajuk penuh dan fasal yang mengundang adakah menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Kerajaan:

'Ya'.

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan bersidang semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon melaporkan bahawa Rang Undang-undang Enakmen untuk Memperbadankan Ketua Menteri Pulau Pinang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya telah dipertimbangkan, sefasal demi sefasal di dalam jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya undang-undang sekarang dibacakan bagi kali ketiga serta di luluskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Masalah yang kita hadapi sekarang ialah Rang Undang-undang dibacakan bagi kali ketiga serta diluluskan. Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak".

Ahli-ahli Kerajaan:

“Ya.”

Ahli-ahli Pembangkang:

“Tidak.”

Y.B. Tuan Speaker:

“Ya.” lebih banyak.

Setiausaha:

“Enakmen untuk Memperbadankan Ketua Menteri Pulau Pinang dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.” Maka dengan ini adalah memperundangan oleh kuasa perundangan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Setiausaha:

9. PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA

Y.B. Tuan Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat diminta mengemukakan cadangan nama-nama untuk dipilih sebagai Ahli Dewan Negara yang baru menggantikan Y.Bhg. Dato' Gooi Hoe Hin dan Y.Bhg. Dato' Omar bin Faudzar yang akan tamat tempoh sebagai Ahli Dewan Negara pada 30 Mei 2009. Pemilihan akan dijalankan mengikut cara seperti mana ditetapkan dalam Bahagian I, Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan. Mereka yang dipilih akan berkhidmat selama tiga tahun. Calon yang akan dipilih mestilah dicadangkan dan disokong oleh Ahli-ahli Dewan dan disertai dengan kenyataan bertulis yang ditandatangani oleh orang yang dinamakan itu bahawa dia bersedia berkhidmat, jika dipilih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tuan Speaker, saya mencadangkan Yang Mulia Tungku Abdul Aziz bin Tungku Ibrahim dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi satu kekosongan yang akan tamat tempoh Ahli Dewan Negara pada 30 Mei 2009 dan tarikh lantikan berkuat kuasa mulai ialah pada 31 Mei 2009.

Y.B. Tuan Speaker:

Ucapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan agar Yang Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi kekosongan berikutan perkhidmatan Yang Berbahagian Dato' Gooi Hoe Hin sebagai Ahli Dewan Negara yang akan tamat pada 30 Mei 2009.

Y.B. Tuan Speaker, Yang Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim di lahirkan di Negeri Kedah pada 22 Januari 1934. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sains Politik daripada Universiti Tasmania Australia dan Sijil Pendidikan daripada Institut of Education Universiti of Liverpool, England. Yang Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim pernah menjawat beberapa jawatan di peringkat pengurusan tertinggi di sektor awam dan swasta, termasuk penasihat Bank Negara Malaysia, Pengarah Kumpulan Sime Darby Berhad, Pengarah Urusan Sekretariat Komanwel di London dan Penasihat Khas kepada Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu. Iaitu semasa penubuhan Pejabat United Nation Ethics di New York. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Asean Chamber of Commerce and Industrial working group on Industrial Complementation semasa dua penggal.

Beliau juga pernah di lantik Ahli Suruhanjaya Khas Penambahbaikan dan Pengurusan Polis Di Raja Malaysia IPCMC pada tahun 2004. Yang Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim juga pernah berkhidmat di Panel Majikan Mahkamah Perusahaan Malaysia dan memegang jawatan Presiden Kelab Diraja Selangor. Beliau kini memegang jawatan Pengerusi Persatuan British Malaysia Kuala Lumpur. Yang Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim banyak memperjuangkan usaha membasmi rasuah dan mempertingkatkan integriti di dalam negeri dan peringkat antarabangsa. Beliau mengasaskan *Malaysian Society for Transparency at Integrity*, memegang jawatan Presiden TI Malaysia sehingga Disember 2004. Perjuangan beliau menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Beliau menjawat jawatan sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah Transparency International dari tahun 1994 – 2002. Beliau menerbitkan buku "Fighting Corruption My Vision" yang merangkumi perkara rasuah, pentadbiran, ketelusan, akauntabiliti dan integriti pada tahun 2006. Semasa berkhidmat dengan Bank Dunia beliau dijemput untuk menubuhkan pejabat Etika Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai Penasihat Khas kepada Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu ketika itu Kofi Annan.

Y.B. Tuan Speaker, berdasarkan kepada pengalaman luas yang beliau miliki, saya percaya jika beliau dipilih sebagai Ahli Dewan Negara, beliau dapat menyumbang khidmat baktinya kepada Negeri Pulau Pinang khususnya dan Negara amnya. Y.B. Tuan Speaker Yang Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim telah menyatakan kesediaan beliau untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara sekiranya diberi. Y.B. Tuan Speaker saya mohon mencadangkan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Mohammed Farid bin Said):

Y.B. Tuan Speaker, boleh minta sedikit penjelasan. Y.A.B. Air Putih, saya hendak tahu, beliau di lahirkan di Kedah, tinggal di Kuala Lumpur. Tidak ada kah

orang Pulau Pinang yang boleh mengisi kekosongan bagi Negeri Pulau Pinang? Kenapa perlu orang luar daripada Pulau Pinang?

Y.B. Tuan Speaker:

Y.A.B. Air Putih hendak menjawab?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya ingat Yang Berhormat, beliau ada alamatnya di Bukit Bendera dan kalau saya boleh dapat alamat tempat penginapan beliau di Bukit Bendera, di mana dia ada penglibatan dalam minat-minat tertentu, saya rasa hubungannya dengan masyarakat Pulau Pinang saya rasa memang diketahui oleh mereka. Antara memang saya rasa kenal dengan Tungku Abdul Aziz di Pulau Pinang kerana ada banyak urusan di Pulau Pinang ialah Dato' Seri Lim Chong Keat. Saya rasa ia adalah seorang arkitek terkemuka yang duduk di Pulau Pinang.

Y.B. Tuan Speaker:

Ada cadangan lain.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Tuan Speaker, saya tidak ada cadangan lain, cuma Yang Mulia Tunku Abdul Aziz ini nampaknya sebahagian besar dari rakyat Pulau Pinang tidak kenal beliau. Tadi Yang Amat Berhormat menceritakan sumbangannya kepada negara itu dan ini. Ini Dewan Negeri Pulau Pinang. Cumanya bila namanya disebut-sebut selalu bertanya, siapa dia? Siapa dia? Tidak tahu. Apakah tidak ada pemimpin Pulau Pinang, dari Pulau Pinang yang layak untuk diketengahkan. Tidak ada ke? Yang ambil orang luar bagi jawatan semua. Saya tidak tahu orang Pulau Pinang sendiri pun tidak kenal, tadi katanya Lim Guan Soo.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Seri Lim Chong Keat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Dato' Seri Lim Chong Keat, okey, *sorry*, orang tidak kenal, tidak seperti nama kedua yang dibentangkan. Orang tahu, siapa? Siapa? Jadi kalau ada orang yang banyak kenal, Saya rasa itu lebih bermakna dan memberi keuntungan kepada rakyat Pulau Pinang. Malang sekalilah DAP yang memilih orang luar untuk mewakili Negeri Pulau Pinang, yang mana orang Pulau Pinang sendiri tidak tahu siapa Yang Mulia Tunku Abdul Aziz.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa tentulah mungkin Y.B. Ketua Pembangkang tidak kenal sama Tunku Abdul Aziz, tetapi saya rasa ramai yang kalau memperjuangkan ketelusan memerangi rasuah, dia adalah seorang jaguh yang dikenali sebagai

“Mr. Integriti.” Tentu mereka yang tidak biasa dengan integriti, tidak akan kenal sama dia....(tepuk). Tetapi itu....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Minta laluan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Nanti dulu, duduk kechap, habis dulu, tapi kalau Y.B. Ketua Pembangkang hendak tahu dengan lebih jelas, boleh tanya kawan-kawanya yang menetap di Pulau Pinang. Saya rasa mereka akan kenali dia dan akan memaklumkan kepada orang yang dalam aspek ini menjalankan tugas di peringkat antarabangsa, tetapi apa pun, bukan seperti yang disebut oleh Y.B. Ketua Pembangkang, setiap kali beliau tidak ada, tetapi sekali skala ada di Pulau Pinang. Itu sebabnya beliau ada satu alamat di Pulau Pinang dan dikenali oleh veteran-veteran lama. Saya ingat kenal sama Dato' Seri Chong Keat adik kepada Tun Dr. Lim. Itu ialah saya rasa hubungan dan dia adalah seorang veteran yang bukan sahaja terkemuka di peringkat nasional tetapi yang penting ialah di peringkat antarabangsa. Saya rasa ini akan mengharumkan nama Pulau Pinang dan yang penting sekali ialah meningkatkan tahap perbahasan di Dewan Senat untuk memperjuangkan integriti dan juga ketelusan. Saya rasa... (gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Bukan soalnya dia terkenal di peringkat nasional ataupun terkenal di peringkat antarabangsa. Itu bukan persoalannya. Soalnya ialah khidmat kepada rakyat Pulau Pinang. Kalau dia duduk di sana berbahas apa pun, tetapi penglibatan beliau terhadap rakyat Negeri Pulau Pinang yang jarang-jarang kita kenal dia, yang kenal pun sebilangan kecil. Bagi alamat Bukit Bendera, siapa pun boleh bagi. Jadi apakah faedahnya kepada rakyat Pulau Pinang. Itu yang dipersoalkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya tidak mahu berbahas panjang....(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Yang Berhormat yang ini bukan perbahasan lagi, tetapi ...(gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tetapi, saya hendak jelaskan, sungguh pun begitu, tetapi kita percaya tentang akauntabiliti, kita tidak ada apa-apa hendak sembunyi. Dalam aspek ini kalau kita hendak lihat sumbangan, lihat apabila beliau memainkan perannya dalam Dewan Senat. Kalau ini menjadi ukuran khusus, saya pun hendak tanya, mengapa masa dulu bila penganugerahan Dato diberikan kepada orang yang tidak ada kaitan dengan Pulau Pinang juga....(tepuk)....(gangguan).

Y.B. Tuan Speaker:

Okey, okey. Ada cadangan lain. Kita cuma mengundi sahaja; bukan untuk perbahasan lagi. Silakan Yang Amat Berhormat kalau ada cadangan lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya mencadangkan Encik Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff dipilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi satu kekosongan yang akan tamat tempoh Ahli Dewan Negara pada 30 Mei 2009 dan tarikh lantikan ialah 31 Mei 2009.

Y.B. Tuan Speaker, saya ingin mencadangkan agar Encik Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff di pilih sebagai Ahli Dewan Negara bagi mengisi kekosongan berikutan perkhidmatan Yang Berbahagia Dato' Omar bin Haji Faudzar sebagai Ahli Dewan Negara yang akan tamat pada 30 Mei 2009.

Y.B. Tuan Speaker, Encik Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff di lahirkan di Perak pada 19 Ogos 1953. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Bagan Serai, Perak dan meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Bagan Serai serta pendidikan di peringkat Diploma Pengurusan Keselamatan di American Institute of Security San Francisco, Amerika Syarikat pada tahun 1976.

Beliau pernah berkhidmat di sektor awam sebagai Penolong Pegawai Hal Ehwal Belia di Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 1973 hingga 1976. Sementara di sektor swasta pula, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengurus Pentadbiran di Safeguard (M) Sdn. Bhd. Pulau Pinang daripada tahun 1976 hingga 1981, sebagai Pengurus Kawasan Utara Safeguard (M) Sdn. Bhd. dari tahun 1981 hingga 1985 dan Pengurus Wilayah Utara di Pertama Security Services Sdn. Bhd. pada tahun 1985 hingga 1994. Selanjutnya beliau menjawat jawatan Ketua Eksekutif ARMF Protection (M) Sdn. Bhd. pada tahun 1994 hingga 1998.

Beliau juga terlibat aktif dengan kegiatan pertubuhan dan kemasyarakatan sebagai Setiausaha Persatuan Padang-Padang Permainan Pulau Pinang pada tahun 1981 hingga 1984. Setiausaha Agung Persatuan Profesional Keselamatan Malaysia tahun 1985 hingga 1995 dan sebagai Pengerusi Persatuan Penduduk Tudor 1, Bandar PERDA, Bukit Mertajam dari tahun 2006 hingga sekarang.

Dari segi kegiatan politik beliau pernah menjawat jawatan Setiausaha Perhubungan Negeri Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang dari tahun 1999 hingga 2004, Timbalan Pengerusi Perhubungan Negeri, Parti Keadilan Rakyat tahun 2004 hingga 2008 dan sebagai Setiausaha Perhubungan Negeri Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang tahun 2006 hingga sekarang.

Berdasarkan kepada pengalaman beliau yang luas di dalam sektor awam dan swasta serta aktif di dalam kegiatan persatuan dan kemasyarakatan, saya berpandangan bahawa cadangan pelantikan beliau sebagai Senator akan membolehkan beliau mewakili hasrat dan suara rakyat Pulau Pinang.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Encik Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff telah menyatakan kesediaan beliau untuk berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara sekiranya dipilih. Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Tuan Speaker:

Ada cadangan lain lagi. Tidak ada. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah terdapat dua orang calon telah dicalonkan sebagai Ahli Dewan Negara yang akan berkhidmat selama 3 tahun mulai 31 Mei 2009, iaitu Yang Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim dan Encik Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff. Dipersetujui katakan "Ya." Yang tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak."

Y.B. Tuan Speaker:

"Ya." Lebih banyak. Tahniah kepada yang terpilih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan sekarang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mencadangkan supaya Dewan ini ditangguhkan dan usul telah mendapat sokongan.

Y.B. Tuan Speaker:

Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan diberitahu kemudian.

Dewan tamat pada jam 6.35 petang.